

## K A N D U N G A N

### PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

- Titah Ucapan Seri paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong (Halaman 1)
- Memperkenankan Akta-akta (Halaman 1)
- Perutusan Daripada Dewan Rakyat (Halaman 1)
- Urusan Mesyuarat (Halaman 2)

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 2)

### USUL-USUL:

- Ucapan Takziah Atas Kemangkatan Al-Marhum Duli Yang  
Maha Mulia Tuanku Syed Putera Ibni Al-Marhum Syed Hassan  
Jamalullai, Raja Perlis (Halaman 13)
- Jalan -jalan Masuk Ke Parlimen (Halaman 13)
- Jawatankuasa Pemilih – Perlantikan Ahli-ahli (Halaman 14)
- Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda  
Yang Di-Pertuan Agong  
*-(Y.B Tuan Haji Gapar bin Gurrohu)* (Halaman 14)



- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)

- Yang Berhormat Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
  - “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
  - “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
  - “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
  - “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
  - “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
  - “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
  - “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
  - “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
  - “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
  - “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
  - “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
  - “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
  - “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
  - “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
  - “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
  - “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
  - “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
  - “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
  - “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
  - “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
  - “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
  - “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
  - “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
  - “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
  - “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
  - “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
  - “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
  - “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Nurziana binti Ismail

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof



**MALAYSIA****DEWAN NEGARA****Isnin, 17 April 2000****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG**

**Tuan Yang di -Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 14 Februari 2000, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja Mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam Penyata Rasmi.

*[Teks Titah Ucapan Diraja dilampirkan]*

**MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Kumpulan Wang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun)1999;
2. Akta Perbekalan Tambahan (1999)(No.2) 1999;
3. Akta Cukai Pendapatan (Pindaan)(No. 2) 1999;
4. Akta Majlis Peperiksaan Malaysia (Pindaan) 1998; dan
5. Akta Cukai Jualan (Pindaan) (No. 2) 1999.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di -Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

*[Setiausaha membacakan Perutusan]*

“12 April 2000

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA (Pindaan) 1999; dan
2. Rang Undang-undang Perbekalan 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT.”

### URUSAN MESYUARAT

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Hajah Melati binti Ali [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah bentuk pendidikan pencegahan rasuah yang sedang dilaksanakan dan golongan sasaran yang terbabit.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, peranan dan tanggungjawab Badan Pencegah Rasuah melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah adalah termaktub di bawah Peruntukan Seksyen 8(f) dan 8(g) Akta Pencegahan Rasuah 1997 iaitu "*Maka adalah menjadi kewajipan ketua pengarah dan pegawai-pegawai badan untuk mendidik orang ramai untuk memerangi rasuah dan mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah*".

Sehubungan dengan itu, Bahagian Komunikasi dan Pendidikan di BPR telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah di seluruh negara. Di antara aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan adalah memberi penerangan dan pendidikan dengan mengadakan seminar, dialog, taklimat, forum dan pameran. Di antara tahun 1997 hingga 1999 sebanyak 2,711 sesi penerangan telah diadakan. Badan Pencegah Rasuah juga mengadakan sebanyak 2,544 Program Bersama Rakyat atau Program Perhubungan Masyarakat dari tahun 1997 hingga 1999. Di antara program yang dijalankan adalah aktiviti keagamaan, lawatan mesra, gotong-royong dan sukan. Badan Pencegah Rasuah juga mengedarkan bahan cetak seperti poster, risalah, memo pad, buku telefon dan pelekat kereta serta penerbitan video drama. Di antara tahun 1999 hingga 1999, sebanyak 774,300 bilangan bahan cetak telah diedarkan di seluruh negara.

Sasaran aktiviti-aktiviti pendidikan dan pencegahan rasuah adalah orang awam, kakitangan kerajaan di jabatan yang berisiko dan banyak berurusan dengan orang ramai dan murid-murid sekolah di institusi pendidikan. BPR memberi fokus ke atas jabatan-jabatan ini untuk memberi kesan yang besar ke atas keberkesanan pencegahan rasuah dalam negara ini. Di samping itu juga, tumpuan pendidikan rasuah diberi di peringkat sekolah akan dapat membantu membentuk generasi pemimpin yang peka kepada permasalahan rasuah di masa hadapan. Segala usaha kerajaan dalam menangani masalah rasuah di pelbagai peringkat tidak akan berjaya tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak. Segenap lapisan masyarakat boleh membantu kerajaan memberantas jenayah rasuah dengan tidak mengamalkan rasuah dan melaporkan segala bentuk perbuatan rasuah atau permintaan rasuah kepada BPR. Seksyen 17(3) April 1997 "*mewajibkan seseorang yang daripadanya suapan telah diminta atau diperolehi supaya melaporkan perkara tersebut seawal yang mungkin kepada BPR atau pegawai polis yang berhampiran*". Orang ramai juga tidak perlu khuatir tentang maklumat yang diberi kerana seksyen 53 akta yang sama memberikan perlindungan ke atas pemberi maklumat dan maklumat yang telah diberikan kepada BPR.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah pihak kerajaan berpuas hati dengan prestasi Badan Pencegah Rasuah dalam memberantas amalan rasuah. Jikalau tidak, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mempertingkatkan lagi prestasi badan ini. Sekian, terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional cukup berpuas hati dengan fungsi dan peranan dan hasil kerja BPR. Mereka ini telah menjalankan tugas dengan cara profesional dan

kita nampak dengan pelaksanaan Akta 1997 yang baru ini mereka telah diberi kuasa yang lebih untuk menjalankan tugas mereka dengan profesional tanpa gangguan di mana-mana pihak kerana sentiasanya tuduhan daripada pihak pembangkang mengatakan bahawa BPR ini sentiasa bertindak atas telunjuk kerajaan. Sebenarnya ini tidak benar dan kita melihat dalam masa yang lepas, kita melihat kepada sejarah, ada juga pemimpin-pemimpin tinggi kerajaan juga telah disabitkan selepas disiasat oleh BPR. Maka, setakat ini kita berpuas hati. Walau bagaimanapun, kita juga akan terus membantu BPR dengan mengadakan pelbagai perubahan untuk menentukan bahawa mereka akan lebih berkesan untuk menangani masalah rasuah ini di seluruh negara.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, amat baik pendidikan pencegahan rasuah ini dijalankan. Adakah pendidikan pencegahan rasuah ini diberi juga khusus kepada pembesar-pembesar negara seperti Menteri-menteri, Ahli-ahli Parlimen dan Ahli Senate. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Yang pertama, kita bersedia untuk memberi taklimat, kalau diperlukan oleh Dewan Senate untuk mengetahui peranan dan tugas BPR. Jadi, kita harap kita dapat diberitahu bila Ahli Senate hendak minta taklimat kita boleh beri. Tetapi di sebalik soalan itu adalah satu sindiran yang tidak berapa sihat kerana implikasinya ataupun mungkin Yang Berhormat memikirkan kami di sebelah ini tidak mengetahui peranan dan juga tidak mengetahui apa tugas BPR, ini adalah satu tuduhan yang tidak tepat dan saya rasa tidak perlu disentuh dalam Dewan ini kerana semua di sebelah sini, menteri-menteri, semua orang bertanggungjawab menjalankan tugas tetapi kalau ada juga yang membuat kesilapan, BPR boleh menyiasat sesiapa pun.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Maaf [*Pembesar suara tidak dibuka*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** ....saya beritahu perasaan saya sebenarnya di sini kita boleh meluahkan sebarang persoalan dan isi hati. Jadi, saya rasa kalau tidak, tidak berniat untuk – dengan keikhlasan jiwa saya persoalan itu. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Apabila Yang Berhormat di sebelah boleh menjawab apa soalan, kita di sebelah sini pun boleh menjawab dengan apa cara kita untuk menegakkan keadilan dan kebenaran sebenarnya.

2. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga kepentingan pekerja-pekerja ladang yang hilang pekerjaan apabila ladang telah ditukar menjadi ladang kelapa sawit. Nyatakan juga jumlah pekerja yang akan terlibat dan ladang-ladang yang terlibat.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah diambil bagi menjaga kepentingan pekerja-pekerja ladang yang hilang pekerjaan apabila ladang getah ditukar menjadi ladang kelapa sawit adalah seperti berikut:

- (i) memastikan supaya pekerja yang diberhentikan kerja dibayar faedah pemberhentian kerja seperti yang ditetapkan di bawah Peraturan-peraturan Kerja iaitu Faedah-faedah Penamatan dan Berhenti Kerja Sementara 1980. Bagi pekerja ladang yang diwakili oleh Persatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), majikan mesti mematuhi perjanjian bersama yang ditandatangani mereka antara NUPW dan Persatuan Pengeluar-pengeluar Pertanian Tanah Melayu (MAPA);
- (ii) mewajibkan setiap majikan setiap majikan yang bercadang atau bakal memberhentikan pekerja melaporkan perkara itu kepada Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Buruh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh

pemberhentian kerja itu. Berikutan itu Jabatan Buruh akan mengambil tindakan bagi menentukan pekerja-pekerja yang terlibat dibayar faedah sewajarnya mengikut undang-undang;

- (iii) membantu mereka mendapat pekerjaan baru. Kerajaan juga dengan kerjasama pemilik ladang, pemaju berkenaan akan berusaha mengenal pasti langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu pekerja terlibat mencari pekerjaan dan tempat tinggal baru sebelum memberhentikan kerja mereka.

Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan kedua jumlah pekerja dan ladang-ladang yang terlibat di dalam kes ini bagi tempoh Januari 1999 sehingga 12 April 2000 adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Pekerja	Bilangan Ladang
Johor	856	16
Kedah	1,443	14
Negeri Sembilan	827	14
Melaka	238	7
Pahang	128	1
Kelantan	64	3
Jumlah	3,556	55

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan apakah dasarnya terhadap penukaran syarat daripada ladang-ladang getah kepada ladang kelapa sawit dan adakah ini dibuat memandangkan ladang getah ini sudah sampai kepada 'penghujung senja' atau merupakan, dengan izin, *sunset sector* di dalam perkembangan ekonomi kita. Jadi, kalau dapat pihak kerajaan menjelaskan dari segi dasarnya terhadap ladang-ladang getah *vis-à-vis* ladang kelapa sawit. Terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih mengenai soalan tambahan daripada Yang Berhormat Dato'. Sebenarnya dasar perladangan adalah banyak bergantung kepada *market forces*. Sebenarnya tidak ada undang-undang yang memestikan ladang-ladang ditukar kepada jenis ladang-ladang yang lebih ekonomi. Walau bagaimanapun, kita di peringkat kerajaan sentiasa mengadakan perbincangan dengan mereka yang terbabit dalam sektor tersebut dan menyediakan *safety net* agar selain daripada majikan mendapat keuntungan daripada pertukaran ladang tersebut, pihak pekerja juga sentiasa dipelihara tentang kebajikan-kebajikan mereka dan setengah daripada dasar-dasar tersebut, dikawal selia oleh kerajaan-kerajaan negeri khususnya dalam mereka berhajat untuk menukar kegunaan tanah mereka daripada ladang kepada pembangunan atau yang kita kenali sebagai *mixed development*.

**Tuan N. Marimuthu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Apabila ladang telah ditukar menjadi kelapa sawit, lebih kurang 3,556 orang penoreh getah, masyarakat Melayu dan India telah hilang pekerjaan dalam masa satu tahun ini. Mengapakah, Akta Penamatan Kerja (*Employment Regulation Act*) 1955, Akta 265, dengan izin, *Termination and Lay off Benefit* - tidak mengkaji semula dalam jangka masa yang panjang. Oleh kerana akta ini dikaji semula dalam masa yang panjang, pekerja-pekerja yang diberhentikan kerja oleh majikan ladang-ladang menerima faedah yang sangat rendah dan inilah punca ketidakpuasan di kalangan masyarakat pekerja di

negara ini. Adakah kerajaan sedar masalah yang akan ditimbulkan akibat tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini. Sekian, terima kasih.

**Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, itu satu saranan yang baik. Saya tidak menafikan kebajikan pekerja yang terlibat dalam proses di mana pihak ladang atau majikan mengubah daripada tanaman getah kepada tanaman kelapa sawit. Kita di kementerian akan mengkaji dan kebanyakan kes-kes yang kita terima - sebagai contoh, kebanyakan pekerja-pekerja, bila majikan mereka menukar daripada getah kepada kelapa sawit, kebanyakan pekerja-pekerja ladang ini tidak mahu meneruskan *career* mereka dalam ladang tersebut atas beberapa sebab. Oleh yang demikian, kita di peringkat kementerian akan sentiasa terus mengkaji dari masa ke semasa, di mana dalam persidangan Dewan Rakyat kali ini, kita juga akan meminda sebahagian daripada Akta Pekerjaan yang melibatkan kebajikan pekerja. Dan saranan Yang Berhormat N. Marimuthu itu akan kita kaji dan akan kita selidiki dengan lebih lanjut.

[Soalan No. 3 – Y. B. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani tidak hadir]

4. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan harapan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 dan bagaimanakah perhatian Majlis Olimpik Asia (OCA) serta ahli OCA yang lain setelah rakyat negara ini memberikan sokongan hebat dengan menyertai program Berjalan Untuk Negara pada 6 November 1999 lalu.

**Menteri Belia dan Sukan [Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein]:** Tuan Yang di-Pertua, harapan Malaysia untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 adalah cerah berdasarkan bahawa Malaysia mempunyai *track record* yang baik dalam menganjurkan sukan-sukan bertaraf dunia. Ini terbukti melalui penganjuran sukan seperti *Le Tour de-Langkawi*, *World Team Table Tennis*, *Formula 1* dan juga Sukan Komanwel 1998. Semasa Mesyuarat Agung Majlis Olimpik Asia di Kuwait pada bulan November 1999, Asia telah mengadakan pameran penawaran Sukan Asia 2006. Semasa pameran tersebut, video Berjalan Untuk Negara telah ditayangkan kepada delegasi OCA dan daripada maklum balas yang kita terima, mereka amat kagum dengan sokongan rakyat terhadap usaha Malaysia untuk menawarkan diri menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Olimpik Malaysia juga akan memasukkan bahan-bahan program Berjalan Untuk Negara seperti gambar dan perangkaan penyertaan rakyat dan sebagainya dalam *bid document*. Dan *bid document* ini, yang terpaksa dikemukakan kepada OCA sebelum 28 Mei akan dihantar kepada semua negara anggota Olimpik Asia atau OCA. Terima kasih.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam Sukan Olimpik ataupun Sukan Asia tahun 2006 ini, apakah jenis sukan yang dianggap baru, yang datang ataupun lahir daripada pengalaman kita di Malaysia untuk dimasukkan dalam atur cara Sukan Asia 2006. Maksud saya adalah jenis-jenis sukan yang belum terkenal di peringkat antarabangsa yang ianya memang menjadi amalan kepada kita di Malaysia yang dipromotekan oleh kementerian atau kerajaan kita. Terima kasih.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 44 buah negara menganggotai OCA, kecuali Afghanistan dan juga Iraq yang digantung keanggotaannya. Penentuan pemilihan tuan rumah Sukan Asia ini akan ditentukan oleh 42 negara anggota OCA menerusi satu mesyuarat agung yang akan dibuat pada bulan November pada tahun ini. Maka pemilihan sukan-sukan yang berkaitan dalam proses dan adalah cadangan kerajaan untuk memilih sukan-sukan yang akan melibatkan sebahagian besar daripada negara-negara tersebut supaya ianya mendapat sokongan daripada sejumlah besar 42 negara yang saya sebutkan tadi. Tetapi secara terperinci dan secara muktamatnya, sukan-sukan yang akan diadakan pada tahun 2006

masih dalam perancangan dan akan dimasukkan dalam dokumen-dokumen tawaran yang saya sebutkan pada jawapan asal tadi. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana mengadakan secara hebatlah, dulunya sukan Komanwel, sekarang ini, kita kita hendak pergi pula ke Sukan Asia 2006. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah persiapan-persiapan yang telah dibuat untuk menentukan apabila wujudnya – kalaulah kita berjaya Insya-Allah, 2006 ini apakah lapangan-lapangan sukan yang kerajaan mempunyai harapan untuk hendak menggondol pingat emas kerana kalau kita masih ke belakang dan tidak yakin untuk hendak menggondol pingat emas, rasa saya ini akan memalukan kerajaan dan kalau sekiranya kita sudah bersiap, apakah bidang-bidang yang kita ada *confident*, yakin penuh untuk mendapatkan pingat emas. Dan apakah faedahnya, untuk kita menjadi tuan rumah kepada Sukan 2006 ini.

**Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perancangan untuk mengasuh, mencungkil dan memastikan bahawa atlet-atlet kita dapat mengecapi kejayaan yang cemerlang merupakan satu perancangan yang terperinci dan menuntut kepada satu usaha yang menyeluruh. Seperti di Sukan Komanwel ianya memastikan bahawa penglibatan daripada Majlis Sukan Negara dan perancangan lima atau enam tahun. Untuk Sukan Asia 2006, sesungguhnya kita dalam peringkat perancangan kerana keputusan sama ada kita dibenarkan menjadi tuan rumah atau tidak belum diputuskan lagi. Hari ini program 2001, iaitu Sukan SEA 2001, telahpun berjalan dengan lancar, atlet-atlet telahpun dikenalpasti dan kem-kem untuk memastikan bahawa mereka dapat mengecapi pingat yang terbanyak, Insya-Allah sedang diteruskan.

Tetapi untuk Sukan Asia 2006, sesungguhnya atlet yang ada sekarang, mungkin tidak berkemampuan untuk mewakili negara pada tahun 2006 dan kita harus mengenalpasti mereka-mereka, atlet-atlet pelapis, atlet-atlet baru yang boleh mewakili dan memenangi pingat-pingat tersebut. Tetapi usaha ini hanya akan diteruskan sekiranya tawaran kita akan diterima oleh pihak OCA pada bulan November ini. Itu satu.

Keduanya, dari segi manfaat yang diterima dengan penganjuran program dan kejohanan seperti ini, selain daripada manfaat kewangan yang kadangkalanya sekiranya diuruskan dengan efisien, dengan telus ianya juga membawa satu semangat daya saing dan juga keyakinan kepada atlet kita bahawa sebuah negara yang kecil, yang kerdil boleh juga setanding, bersaing dengan negara-negara lebih maju. Dan juga sebuah negara yang kecil dan kerdil seperti Malaysia juga boleh menganjurkan program-program yang bertaraf antarabangsa setanding dengan negara-negara yang lebih berke mampuan dan lebih maju. Itu saya rasa satu manfaat yang tidak boleh diambil kira dan dikira dengan wang ringgit dan material semata-mata dan satu-satu manfaat yang boleh dibanggakan oleh setiap rakyat Malaysia.

5. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan peringkat kawalan dan tapisan yang dibuat ke atas rancangan-rancangan asing yang disalurkan melalui Stesen Satelit Astro memandangkan terdapat unsur-unsur negatif yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak di dalam setengah-setengah rancangan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang disiarkan melalui Astro adalah tertakluk kepada garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Garis panduan di atas termasuk garis panduan penapisan yang disediakan oleh Unit Penapisan Kementerian Dalam Negeri. Kawalan rancangan Astro di buat di dua peringkat iaitu di peringkat Astro dan di peringkat kementerian saya dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Tuan Yang di-Pertua, semua rancangan yang disiarkan oleh Astro dikawal oleh Unit kawalan Astro secara 24 jam untuk memastikan supaya rancangan-rancangan yang disiarkan mematuhi garis panduan penapisan yang disediakan oleh Unit

Penapisan, Kementerian Dalam Negeri, garis panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Kawalan rancangan juga dibuat di peringkat kementerian saya dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Semua rancangan yang disiarkan oleh Astro adalah dimantau oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia untuk memastikan pematuhan kepada garis panduan, arahan dan syarat-syarat lesen. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum soalan tambahan, izinkan kita ucap tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Chia Kwang Chye yang telah berjaya menumpaskan Tuan Lim Kit Siang dalam pilihan raya yang lalu. [*Tepuk*] Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, kalaulah begitu banyak sekali kementerian-kementerian yang memantau dan mengawal penyiaran-penyiaran di Astro, bagaimanakah kelemahan yang begitu banyak masih wujud lagi, kerana banyak lagi penyiaran yang tidak di *censored* dan begitu negatif sekali, khususnya dalam keruntuhan akhlak. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat pendirian dan pandangan dan maklum balas yang didapati oleh kerajaan mengenai rancangan-rancangan yang disiarkan dan semua rancangan ini telah dikaji dengan teliti dan buat setakat ini belum ada keputusan yang dibuat. Tetapi saya ingin memastikan bahawa segala pandangan yang didapati oleh kerajaan, kita akan ambil kira dan di mana perlu kita ambil tindakan dan kementerian ini akan ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

6. **Datuk William Lau Kung Hui** minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sedar terdapat kebanjiran Ijazah Ph.D dan Ijazah Sarjana dimiliki oleh mereka yang tidak pernah menjalani sebarang kursus, tanpa penilaian tahap minimum dan akreditasi terhadap mereka dan sejumlah besar wang dibelanjakan oleh individu-individu ini untuk memperolehi ijazah dari institusi seberang laut hingga menyebabkan kerugian tukaran asing.

**Menteri Pendidikan [Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak menerima sebarang aduan mengenai adanya kebanjiran Ijazah Sarjana dan Ph.D yang diperolehi secara tidak sewajarnya. Untuk makluman, buat masa ini kerajaan hanya membuat penilaian, pengiktirafan secara berstruktur ke atas kelayakan di peringkat sijil, diploma dan ijazah pertama. Bagi kelayakan pasca siswazah, institusi berkenaan yang menawarkan jawatan, seperti universiti membuat penilaian mereka sendiri bagi menentukan kelayakan pasca siswazah itu adalah kelayakan yang tulen.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mengetahui daripada pihak kerajaan, di dalam kita hendak menentukan wujudnya penyelidikan dan pembangunan secara besar-besaran di kalangan *economist* kita, adakah pihak kerajaan menentukan kepada setiap institusi pengajian tinggi swasta dan juga awam untuk universiti-universiti ini mewujudkan satu ratio, satu nisbah, di mana program Ph.D di setiap fakulti terutamanya sains dan teknologi mempunyai satu paras yang ditetapkan oleh kerajaan bagi kita hendak mencapai nisbah saintis setiap penduduk-penduduk di Malaysia supaya tercapai matlamat untuk hendak menjadikan k-ekonomi sebagai satu realiti di negara kita ini.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, program pasca siswazah memang digalakkan di institut pengajian tinggi awam yang sudah lama ditubuhkan. Bagi institusi pengajian tinggi swasta, mereka masih memerlukan usaha yang lebih untuk memantapkan penawaran kursus-kursus pada peringkat sarjana muda dan diploma. Dan mungkin dalam masa yang terdekat ini kita akan mengarahkan mereka untuk memikirkan program-program Ph.D dan sarjana.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak tumpang tanya kepada Yang Berhormat Menteri dan kerajaan, benarkah dakwaan bahawa ramai di antara kalangan rakyat kita yang mendapat ijazah Ph.D dan ijazah sarjana ini daripada universiti luar dengan cara hanya membeli sijil ataupun pendaftaran dengan tidak mengikuti kursus-kursus. Dan sekiranya ia benar dan ianya berada dalam pasaran di negara kita, apakah bentuk kementerian dan kerajaan

mengawal ijazah yang dianggap sebagai tidak diiktiraf ataupun dianggap palsu ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan buat masa ini tidak menerima apa-apa aduan tentang perkara ini seperti yang telah saya sebut di dalam jawapan saya sebentar tadi. Terima kasih.

7. **Tuan Parasuraman a/l Sanasamy** minta Menteri Pendidikan menyatakan tentang jumlah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) - SRJK(T) di seluruh ladang-ladang di negara ini. Juga nyatakan jumlah penutupan SRJK(T) tersebut akibat daripada penghijrahan para penduduk ke bandar-bandar besar.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di seluruh negara sehingga 31 Januari 2000 ialah sebanyak 526 buah sekolah. Bilangan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) yang telah ditutup dari tahun 1999 hingga 31 Januari 2000 ialah satu buah iaitu Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Batang Padang, di Telok Intan, Perak.

**Tuan N. Marimuthu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Nyatakan bilangan SRJK (T) ladang-ladang yang merupakan sekolah bantuan modal dan bilangan yang meminta bantuan penuh. Daripada sekolah-sekolah SRJK (T), ladang-ladang yang telah ditutup akibat penghijrahan, nyatakan sama ada diberikan pelesenan baru kepada sekolah SRJK (T) untuk dibina di penempatan baru yang ramai penduduk terdiri dari kaum India. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai statistik tentang jumlah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang diberikan bantuan modal atau bantuan penuh buat masa ini di hadapan saya. Saya boleh berikan jikalau diperlukan.

Mengenai pelesenan sama ada pelesenan baru akan diberi, kita akan mengkaji permohonan kes demi kes dan jikalau didapati bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil buat masa itu adalah mencukupi di tempat yang berkenaan, maka tidak adalah lesen baru diberikan.

Jikalau ada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang *under-enrolled*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, maka kita akan menumpukan perhatian sama ada sekolah itu mungkin dapat diubahkan tempat. Sekian.

**Tuan Tan Ek Huat:** Soalan tambahan. Tadi pihak MIC tanya sekolah Tamil, sekarang saya hendak tanya sedikit tentang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina.

Kita ucapkan ribuan terima kasih bagi pihak MCA dengan kerjasama dan bantuan Kementerian Pendidikan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah setuju meluluskan beberapa sekolah, pemindahan sekolah rendah Cina dari kawasan luar bandar yang muridnya telah hampir tidak ada kepada kawasan bandar di mana murid yang begitu ramai, contohnya di Subang Jaya dan di kawasan Selangor iaitu kawasan Yang Berhormat Dato' Chan Kong Choy. So, kita cukup banggalah dengan tindakan kerajaan ini.

Di sini saya ingin tahu apakah statusnya hingga sekarang ini, apakah perkembangannya hingga sekarang, adakah sekolah-sekolah itu telah didirikan ataupun telah diadakan untuk kawasan-kawasan di mana pelajar yang begitu ramai, penduduk yang begitu ramai tidak ada sekolah yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ada dua masalah di dalam soalan ini. Yang pertamanya, dia lari daripada tajuk. [Ketawa] Yang keduanya, perkara ini selalu ditimbulkan juga di Dewan Rakyat dan pernah dijawab. – saya tidak mempunyai statistik di hadapan saya mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan, oleh itu saya tidak boleh menjawab secara khusus pada pagi ini.

8. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Pendidikan menyatakan bilangan pelajar yang keciciran semasa mendaftarkan diri ke tingkatan

satu SMK dan SMJK ataupun semasa tingkatan satu dan apakah tindakan yang dilakukan oleh kementerian untuk menyelesaikan permasalahan ini terutamanya yang memberikan alasan kewangan sebagai punca utama.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya gaji saya kena naikkan sedikit. *[Ketawa]* Pelajar-pelajar yang tidak mendaftar diri di tingkatan satu sama ada di Sekolah Menengah Kebangsaan atau Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan tidak semestinya tercicir terus dari alam persekolahan. Sebaliknya, ada di antara mereka telah meneruskan pengajian dalam sistem persekolahan bukan di bawah Kementerian Pendidikan seperti Sekolah Menengah Agama Negeri, Sekolah Menengah Agama Rakyat, Sekolah Persendirian Cina dan juga sekolah swasta. Selain yang tidak meneruskan persekolahan di peringkat menengah sebilangan pelajar tahun 6 di SJK (C) dan SJK (T) memasuki kelas peralihan.

Antara tindakan Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah-masalah pelajar yang tidak dapat meneruskan pengajian disebabkan masalah kewangan ialah menyediakan asrama desa untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan, memberi bantuan makanan dan buku teks dan memberi biasiswa kecil kepada pelajar-pelajar cemerlang dan kurang mampu.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawasanya sekarang ini apakala buku-buku teks tidak diberi percuma, ramai anak-anak kita yang tidak dapat melanjutkan pelajaran ke tingkatan satu dan kalaupun ada yang melanjutkan, mereka terpaksa berkongsi buku dengan kawan-kawan. Di antara kajian yang dibuat oleh beberapa sekolah adalah didapati mereka tidak mampu untuk membuat kerja-kerja rumah dan banyak masalah-masalah yang berikutnya. Apakah Kementerian Pendidikan akan mengkaji semula untuk memberi buku teks percuma kepada anak-anak kita? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kementerian tidak mempunyai statistik mengenai murid-murid yang tidak memperolehi buku teks akibat daripada kurang kemampuan.

Walau bagaimanapun, mengikut Skim Buku Teks kita memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar di mana pendapatan keluarganya adalah kurang daripada RM1,500 dan daripada segi itu diharapkan pelajar-pelajar yang kurang mampu dapat memperolehi buku teks itu secara percuma. Sama ada kita harus mengkaji semula, ini tertakluk kepada data-data yang diperolehi. Buat masa ini kita belum bercadang untuk mengkaji semula dan jikalau Yang Berhormat Dato' dapat memajukan kes-kes di mana terdapat perkara ini, saya akan melihatnya secara khusus.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan satu sektor yang amat penting untuk negara kita sebab itu banyak soalan pendidikan.

Jadi, soalan saya berkenaan dengan keciciran ini, saya hendak bertanya dari segi penganalisis secara mikro sedikitlah. Keciciran dari segi murid-murid bumiputera terutamanya di dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris ataupun mereka di luar bandar. Apakah tindakan yang serius dan secepat mungkin untuk menentukan dalam arus perdana kita hendak meningkatkan ekonomi yang berpengetahuan ini, menentukan murid-murid terutama di luar bandar tidak tercicir di dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris dan justeru itu akan meningkatkan dari segi penglibatan mereka di peringkat-peringkat sekolah menengah dan peringkat universiti di mana kerajaan telah pun menggariskan 70% daripada mereka ini pada waktu akan datang, akan menyertai bidang sains dan teknologi?

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, dalam menangani masalah ini kita menggunakan ukuran-ukuran tertentu. Selalunya kita menggunakan keputusan peperiksaan UPSR bagi menangani masalah ini kerana kami percaya jikalau kita dapat mengatasi masalah-masalah kekurangan kemampuan dalam bidang Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris pada peringkat yang awal, kita mungkin dapat mengatasi masalah ini selama-lamanya.

Oleh itu jikalau kita mendapati bahawa dalam keputusan UPSR ramai murid sesuatu sekolah itu kurang mampu dalam bidang-bidang tertentu, kita akan mengadakan projek Gerak Gempur. Ada juga kita akan menghantar nazir-nazir sekolah untuk melawat dan mencadangkan beberapa tindakan yang perlu diambil oleh sekolah-sekolah ataupun oleh Jabatan Pendidikan Negeri. Ada berbagai-bagai tindakan yang kita buat, projek-projek tertentu yang kita buat yang saya tidak ada senarainya di hadapan saya. Jumlah projek-projek itu kalau tidak silap saya melebihi 20 projek yang kita lakukan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pelajar dalam bidang ini.

Jikalau Yang Berhormat Dato' ingin mengetahui projek-projek ini, saya akan berikan kemudian.

9. **To' Puan Wan Seri Asiah binti Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah kerajaan sedar sejak akhir-akhir ini ada di antara pendidik (guru-guru) yang memberi gambaran negatif dan menanam sifat benci terhadap kerajaan kepada murid-murid; dan
- (b) apakah langkah-langkah kerajaan memberi kesedaran kepada mereka supaya imej guru tidak tercemar.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* betul-betul lebih. Kementerian Pendidikan memang ada menerima aduan bahawa terdapat segelintir guru yang telah memberi gambaran negatif terhadap kerajaan kepada pelajar-pelajar semasa mengajar. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi memberi kesedaran kepada guru yang terbabit ialah mengadakan kaunseling dalaman kepada guru-guru, mengadakan pertemuan, perbincangan dengan Persatuan Kebangsaan Pengetua Sekolah Menengah dan Majlis Kebangsaan Guru Besar, mengenalpasti mereka yang terlibat dan memberi nasihat. Jabatan berkenaan mengambil tindakan disiplin terhadap mereka jikalau didapati tidak mengikut nasihat dan melanggar peraturan tata tertib.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian membuat kajian kenapa terdapat setengah-setengah guru memburuk-burukkan imej kerajaan selain daripada simpati mereka terhadap parti-parti yang tertentu.

Saya percaya dengan adanya kajian sebegitu rupa mungkin kita akan dapat membanteras ataupun menyelesaikan masalah itu daripada peringkat awal. Sekian, terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini kita belum menjalankan penyelidikan secara khusus seperti yang disebut oleh Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, melalui perbincangan-perbincangan kementerian dengan pelbagai kesatuan, dengan guru besar, dengan guru-guru tertentu, dengan pegawai-pegawai pendidikan daerah, kita mendapat gambaran yang agak terperinci juga mengapa masalah ini timbul dan tindakan-tindakan kami ini adalah untuk mengekori perkara itu daripada segi dapatan kami. Mungkin apabila diberikan masa yang lebih panjang, kita akan dapat menjalankan penyelidikan yang khusus untuk membanteras perkara ini.

**Tuan Tan Ek Huat:** Tuan Yang di-Pertua, kalau kita meninjau bilangan guru yang ada sekarang, yang rajin, yang cukup bertanggungjawab terhadap tugas-tugas mereka lebih ramai daripada bilangan yang dikatakan memberi gambaran yang negatif. Saya ambil kesempatan inilah hendak memuji sedikit guru-guru yang ada yang bertugas dengan Kementerian Pendidikan, yang betul-betul, yang setahu saya cukup bertanggungjawab, cukup murah hati untuk membantu murid.

Soalan tambahan, di sini saya ingin tanya berapakah bilangan guru yang didapati menanam unsur-unsur negatif kepada murid. Ini berbanding dengan jumlah guru yang ada sekarang ini. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat menjawab soalan ini oleh kerana seperti yang saya kata, kita tidak menjalankan penyelidikan yang khusus untuk menentukan bilangan guru.

Walau bagaimanapun, daripada segi gambarannya terdapat ramai guru yang bertanggungjawab, yang tidak terlibat dan ada juga beberapa yang terlibat dalam membuat tohmah terhadap kerajaan. Selalunya guru-guru yang tidak terlibat itu adalah guru-guru yang ingin memartabatkan profesion perguruannya, yang terlibat adalah mereka yang selalu tidak menyesuaikan diri dengan kehendak memartabatkan profesionnya. Oleh itu dalam kempen Hari Guru yang akan dilancar pada 16 Mei, kita telah menggunakan soal ini, perkara ini sebagai tajuk perayaan Hari Guru iaitu '*Bersatulah Untuk Memartabatkan Profesion Perguruan*'.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, kita cukup prihatin di dalam masalah ini kerana ianya melibatkan anak-anak kita dan generasi pelapis seterusnya.

Saya bersetuju dengan saranan Yang Berhormat rakan saya tadi, mengatakan ini adalah dilakukan oleh sebahagian yang kecil '*Sebab nila setitik, rosak susu sebelanga*'. Sebagaimana yang kita maklum, negara kita ini adalah terdiri berbilang bangsa, menganuti pelbagai agama, budaya berlainan dan ini menjadi satu kenyataan bahawa kita semua, bekas-bekas guru misalnya adalah pernah pegang etika kerja kita. Kita tidak boleh menyalurkan fahaman agama kita, budaya kita mempengaruhi anak-anak murid kita tetapi nampaknya sekarang ini benda ini sudah pun terlanjur dan generasi guru muda ini, kita sangat-sangat berharap supaya dia jangan melanggar etika kerana ia membawa buruk padahnya kepada generasi yang akan datang. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Musa bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat.

10. **Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauh manakah peranan kerajaan menerapkan dasar kepada pemaju perumahan bukan bumiputera yang berjaya mengagihkan kontrak binaan kepada kontraktor bumiputera dan nyatakan 10 syarikat pemaju berkenaan bersekali kontraktor binaan bumiputera.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar bagi meningkatkan peluang kerja kepada kontraktor bumiputera adalah diberi perhatian oleh Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan. Oleh itu butir-butir lanjut boleh diperolehi dari dua kementerian tersebut.

Walau bagaimanapun, sejauh mana yang saya tahu kerja-kerja untuk kontraktor daripada pemaju-pemaju adalah melalui proses tender kerana kita tahu industri pemaju ini adalah satu industri yang amat kompetitif, yang amat mencabar dari segi harganya. Oleh sebab itu, maka pihak pemaju perlu menggunakan proses menender supaya mereka mendapat harga yang berpatutan dan juga harga yang mereka boleh meneruskan projek mereka dengan ada sedikit sebanyak keuntungan. Oleh sebab itu, maka saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Dato' untuk terus berjumpa dengan pihak-pihak Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pembangunan Usahawan dan juga pihak persatuan pemaju supaya perkara ini boleh dibincangkan dengan mereka. Sekian.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, demi untuk menolong mereka yang berpendapatan rendah, adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan satu dasar pembayaran balik *housing loan*, dengan izin, kepada mereka yang berpendapatan rendah kurang RM200 bagi rumah-rumah kos murah? Soalan yang pertama.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan bercadang untuk mengenakan syarat kepada pemaju perumahan bahawa tiap-tiap rumah kos murah diadakan tiga bilik tidur, dua bilik air dan ruang yang cukup untuk keluarga mereka? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai golongan berpendapatan rendah ini memang Kementerian ingin hendak menolong mereka yang dalam golongan ini untuk mendapatkan rumah-rumah kos rendah.

Walau bagaimanapun, kita pun tahu rumah-rumah kos rendah ini kita perlu menyekatkan harganya dan juga golongan ini yang hendak minta *loan* atau pinjaman dari bank, mereka perlu mengadakan pendapatan yang sewajarnya supaya syarat-syarat yang dikenakan oleh bank-bank tersebut dipenuhi dan kadangkala ada masalah timbul di mana mereka yang meminta loan ini atau meminta pinjaman ini, mereka tidak dapat memenuhi syarat yang dikenakan oleh bank tersebut.

Untuk golongan ini kita mencadangkan di bandar-bandar yang besar seperti di Kuala Lumpur dan bandaraya-bandaraya yang lain supaya jenis rumah – kerajaan akan membina rumah untuk disewakan kepada mereka yang tidak layak untuk membeli rumah sebab pendapatan itu terlalu rendah. Oleh sebab itu, maka kita rasa peluang ini adalah untuk mereka mendapatkan perumahan walaupun dari segi sewaan.

Mengenai soalan yang kedua itu, iaitu tiga bilik tidur dan bilik mandi dan lain-lain memang ini adalah dasar sekarang di mana setiap rumah kos rendah yang akan bina, memang diwajibkan untuk mengadakan tiga bilik tidur.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kerajaan pernah memikirkan soal pembelian rumah kepada pekerja-pekerja yang pencen, yang bergaji rendah yang belum ada rumah untuk diberi subsidi rumah ataupun harga rumah dengan kos separuh memandangkan seperti mana tambang kereta api, tambang kenderaan yang diberi subsidi kepada mereka. Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Tuan Yang di-Pertua, bagi golongan berpencen ini kalau mereka menghadapi masalah untuk memiliki rumah, saya rasa adalah rumit sedikit untuk pihak kerajaan memberi subsidi kepada mereka golongan ini kerana walau bagaimana pun mereka perlu mengadakan kewangan mereka sendiri supaya mereka boleh mendapatkan rumah-rumah tersebut. Saya berpendapat ini kalau ada golongan yang berpencen yang ingin hendak memiliki rumah, saya menasihatkan mereka mengumpul pendapatan mereka dalam keluarganya supaya rumah ini boleh dibeli daripada keluarganya, anakkah atau sudara mara dia supaya mereka boleh menolong mengumpul gaji atau mengumpul pendapatan mereka supaya boleh berkongsi untuk mendapat membayar pinjaman atau membayar rumah supaya mereka boleh memiliki rumah tersebut.

Saya juga ingin jelaskan di sini ialah kepada mereka yang amat sukar untuk mendapatkan rumah. Buat masa sekarang Kementerian juga mengadakan skim bertapakkan tempat mereka iaitu skim yang kita sebut '*site and services*' di mana mereka boleh mendapatkan pinjaman RM10,000 untuk mendapatkan tapak mendirikan rumah mereka masing-masing supaya mereka walaupun tidak layak untuk membeli rumah kos rendah kerana rumah kos rendah ini sekurang-kurangnya sekarang RM25,000 di sesuatu negeri di kalangan negeri-negeri masing-masing tetapi ada juga di negeri yang seperti di Wilayah Persekutuan ini rumah kos rendah sekarang harganya sudah naik daripada RM25,000 itu. Oleh sebab itu, maka saya mintalah kalau ada golongan yang berpendapatan rendah yang masih tidak dapat layak untuk membeli rumah kos rendah cubalah mendapatkan peluang untuk memiliki rumah melalui skim yang saya sebut tadi itu iaitu skim *site and services*, dengan izin. Sekian.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bercakap tentang rumah kos rendah adakah pihak Kementerian ada memulakan usaha-usaha untuk *standardization*, dengan izin, atau menyelaraskan spesifikasi dari segi bahan binaan ataupun *accessories*, dengan izin. Dalam skim pembinaan ini akan dapat

kita mencapai dua matlamat. Yang pertama, saya rasa kos rumah dapat direndahkan dan yang kedua, vendor-vendor atau usahawan kecil/serdahana yang membekalkan bahan binaan tersebut dapat terus berkecimpung dalam business tersebut tanpa apa-apa halangan dari segi design yang baru ataupun spesifikasi yang baru. Dan dengan millenium yang baru atau alaf baru ini saya rasa pihak kontraktor atau dari segi pemborong di Malaysia ini haruslah kompetitif di mana bahan binaan kita dapat dipasarkan di luar negara sekalipun dengan *mess production* ataupun *economic of scale*, dengan izin.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat, cadangan itu memang adalah amat baik. Sebenarnya kementerian sedang berbincang dengan semua pihak supaya kita boleh dapatkan *standardization* dalam pembinaan rumah kos rendah. Buat masa sekarang kita hanya dapat *standardization* dari segi pelannya, reka bentuknya. Dan kita ada melalui pejabat perumahan negara *standardization* bagi pelan-pelan pembinaan, reka bentuknya tetapi kita belum dapat mencapai *standardization* dari segi bahan binaan yang kita sedang berbincang dengan semua pihak supaya kita setuju kalau ada *standardization* dari segi bahan binaan, saya rasa kita boleh juga merendahkan kos pembinaan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 11 hingga 29 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]*

#### USUL-USUL

#### UCAPAN TAKZIAH DI ATAS KEMANGKATAN AL-MARHUM DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED PUTRA IBNI AL-MARHUM SYED HASSAN JAMALULLAIL, RAJA PERLIS

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya memaklumkan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita dan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Putra ibni Al-Marhum Syed Hassan Jamalullail, Raja Perlis pada hari Ahad 16 April, 2000. Saya bagi pihak Majlis Dewan Negara mengucapkan takziah kepada Duli Yang Maha Mulia Raja Perempuan Perlis serta keluarga. Al-Marhum pernah dipilih sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ketiga dari September 1960 hingga September 1965. Bagi memperingati Al-Marhum, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam menghadihkan Al-Fatihah kepada roh Al-Marhum dan yang bukan beragama Islam bertafakur selama seminit.

*[Majlis bertafakur selama satu minit]*

#### JALAN-JALAN MAS UK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong yang menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut ini.

**Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### **JAWATANKUASA PEMILIH – PERLANTIKAN AHLI-AHLI**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 70(1) Majlis Dewan Negara memutuskan iaitu Ahli-ahli yang berikut hendaklah dilantik menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilihan bagi tempoh Penggal Kedua Parlimen Kesepuluh.

- (i) Yang Berhormat Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli;
- (ii) Yang Berhormat Dato’ Tee Thiong Hock;
- (iii) Yang Berhormat Datuk Christina Tibok Vanhounten; dan
- (iv) Yang Berhormat Puan Jaya Partiban.

**Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bawah satu usul di atas nama Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri seperti yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

#### **MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**11.10 pagi.**

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kepercayaan kepada saya untuk mencadangkan usul terima kasih atas titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Sebelum itu izinkan saya bagi pihak rakan-rakan Dewan ini mengucapkan tahniah kepada rakan-rakan yang baru dilantik sebagai Ahli Dewan Negara. Dengan ini saya Gapar bin Gurrohu, Ahli Dewan Negara mohon mencadangkan:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

*“Ampun Tuanku,*

*Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Dewan Negara hari ini, 17 April 2000, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara. Kami juga merafakkan kesyukuran dan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Kesepuluh.”*

Tuan Yang di-Pertua, dalam titah ucapannya Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong melafazkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. atas limpah kurnianya negara dalam keadaan aman, damai dan stabil serta terkawal. Suasana harmoni dan tenteram ini wujud kerana peranan yang utama yang dimainkan oleh kerajaan Barisan Nasional dan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Baginda yakin kemakmuran

rakyat Malaysia akan terus meningkat dan kedaulatan serta maruah negara akan terus utuh dan terjamin dari ancaman dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong juga menyeru agar rakyat negara ini supaya menghentikan semua kegiatan keji, menyebarkan fatwa palsu yang bercanggah dengan hukum Islam. Baginda menasihatkan rakyat agar menghentikan amalan buruk sedemikian. Baginda juga bertitah semua pihak perlu lebih bertanggungjawab bagi memastikan kemuliaan Islam agar kewibawaan umatnya sentiasa terpelihara dan keharmonian negara terjamin. Baginda menyeru agar semua lapisan masyarakat terutamanya orang-orang Islam kembali mengukuhkan ummah. Baginda juga berharap tidak ada di kalangan rakyat jelata terutamanya para intelek dan ilmuan Islam yang tergamak memecahbelahkan ummah dengan menyalahgunakan ilmu, menyelewengkan tafsiran agama, menyebarkan kebencian, menghasut, berbohong dan memfitnah.

Baginda berharap bahawa gejala-gejala yang merosakkan perpaduan kaum hendaklah juga dibanteras sama sekali kerana kegagalan berbuat demikian akan membawa kepada kemusnahan segala nikmat yang sedang kita kecapi dan kurniaan daripada Allah S.W.T. ini. Baginda menaruh harapan agar rakyat negara ini yang beragama Islam supaya terus mengimbangi amalan fardu ain dan fardu kifayah. Tuntutan fardu kifayah merujuk masyarakat dalam bidang seperti pendidikan, ekonomi, sosial, kesihatan, perniagaan dan menjaga keselamatan negara.

Kita juga berasa kesal dan runsing dengan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang membuat orang ramai keliru. Dalam sistem undang-undang yang kita ada sekarang suatu fatwa itu hanya boleh dibuat oleh Majlis Fatwa peringkat negeri ataupun Majlis Fatwa Kebangsaan yang dianggotai oleh orang yang benar-benar pakar dalam bidang berkenaan dan diwartakan, bukan semua orang boleh mengeluarkan fatwa mengikut pendapat masing-masing. Fatwa pendeknya Tuan Yang di-Pertua adalah jalan menyelesaikan kekeliruan dan bukan sama sekali jalan mencipta masalah dan menimbulkan kekeliruan baru.

Tentang kebangkitan Islam dan cabarannya marilah sama-sama kita merenungkan idea ataupun pendapat seorang ilmuan Islam Dr. Yusof Qardawi yang mengungkapkan begini;

*“Sesungguhnya aku tidak hairan sekiranya halangan kepada kebangkitan Islam pada masa ini datangnya dari musuh-musuh Islam dari luar tetapi aku berasa bimbang sekiranya halangan-halangan kepada kebangkitan Islam ini pada masa ini adalah berpunca daripada umat Islam itu sendiri kerana sering terdapatnya segelintir pendukung gerakan Islam lebih gemar membenihkan perpecahan setelah berputik perpaduan. Mereka seolah-olah ingin menghidupkan api perselisihan dan permusuhan. Mereka kagum dengan pendapat sendiri dan para jemaah mereka. Mereka menutup ketat pintu pendapat orang lain dan menolaknya.”*

Masjid adalah sebuah institusi masyarakat yang amat dihormati. Masjid berperanan untuk menjalinkan muhibah dan mengeratkan silaturahim sesama umat Islam. Masjid juga merupakan tempat menimba ilmu, masjid di anggap rumah Allah, tempat melupakan segala perselisihan dalam masyarakat dan tempat untuk kita berpadu. Apa yang menyedihkan pada masa ini masjid nampaknya telah dicemari oleh pihak-pihak yang tertentu. Golongan ini telah menjadikan mimbar masjid sebagai platform untuk berkempen politik tanpa rasa segan silu dan berdosa. Para jemaah yang datang ke masjid untuk beribadat mendekati diri dengan Allah dan ingin menjalin silaturahim sesama Islam dan bukannya untuk mendekati diri dengan mana-mana parti politik. Oleh yang demikian kita berharap agar semua pihak dapat menghormati akan kesucian institusi masjid ini. Janganlah dicemari institusi yang mulia ini dan memecahbelahkan masyarakat.

Untuk itu marilah sama-sama kita renungkan sepotong ayat suci Al-Quran dipetik daripada surah Al Anfal, ayat 46 yang membawa maksud;

*“...dan taatlah kamu kepada Allah S.W.T. dan Rasulnya dan jangan kamu berbantah-bantah, jika tidak nescaya kamu akan menjadi lemah, hilang kekuatan dan sabarlah dalam menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati, sesungguhnya Allah berserta orang-orang yang sabar.”*

Sepotong ayat lagi daripada surah Ali Imran. ayat 110 yang membawa maksud;

*“Kamu adalah umat yang terbaik dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah kepada yang mungkar dan berimanlah kepada Allah.”*

Sempena menyambut Maal Hijrah 1421 ini marilah kita membuat, menyambut kedatangan tahun baru hijrah ini dengan penuh semangat. Semangat kesedaran dan keinsafan hijrah Rasulullah ke Mekah dan ke Madinah membawa pelbagai nilai akhlak yang mulia dan luhur yang boleh kita sama-sama contohi. Peristiwa hijrah mengajar kita untuk mencapai suatu kejayaan. Kita perlu tabah bersungguh-sungguh, penuh azam dan tekad. Apa yang lebih penting adalah hijrah mengajar kita kepada perpaduan seperti berpadunya kaum Muhajirin dan Ansar. Maka terdirilah Kota Madinah, lahirlah peribadi-peribadi mulia ‘*hablumminallah*’ ditegakkan dan ‘*hablumminannas*’ dijaga. Hubungan dengan Allah ditegakkan akidah, hubungan sesama manusia dipelihara. Tidak kira apa bangsa, tidak kira apa agama dan di mana, ini antara roh dan semangat Maal Hijrah yang perlu sama-sama kita terapkan.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat sekarang ini bukan lagi seperti masyarakat dahulu yang bersifat tradisional, konservatif dan feodal. Masyarakat dahulu patuh kepada adat dan tradisi lama seperti menghormati pemimpin, tetapi pada masa sekarang tidak semua nilai-nilai ini wujud lagi, ianya semakin terhakis. Mereka tidak mahu lagi menerima bulat-bulat apa yang dihidangkan oleh pemimpin. Mereka juga turut menyumbang dan mengetengahkan pendapat serta buah fikiran mereka. Maka situasi dan kondisi ini akan menimbulkan konflik pendapat dan dalam politik berlakulah konflik politik. Di akhir-akhir ini ianya lebih ketara dalam masyarakat Melayu. Namun dalam pilihan raya yang lalu merupakan mekanisme utama untuk penyelesaian konflik politik. Konflik politik akan terjawab selepas keputusan pilihan raya diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan rakan-rakan dalam Dewan ini ingin mengucapkan tahniah kepada Dato’ Seri Dr. Mahathir dan juga Barisan Nasional dengan izin Allah telah menang dalam pilihan raya yang lalu dan sekali lagi berjaya membentuk kerajaan. Rakyat telah pun membuat pilihan melalui proses demokrasi. Rakyat adalah hakim yang bijaksana. Setelah mendengar segala hujah-hujah dari semua pihak, dari semua parti politik rakyat memilih Barisan Nasional, satu keputusan yang amat bijak dan tepat. Barisan Nasional sebelum ini Perikatan adalah satu parti politik berbagai bangsa di negara ini yang telah meninggal track rekod yang cemerlang, menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, memacu pembangunan negara. Rakyat dapat hidup dalam keadaan aman damai dan harmoni. Kita bersyukur kehadiran Allah S.W.T. atas segala limpahan nikmat dan rahmatnya dan semoga para pemimpin kita sentiasa mendapat petunjuk dan hidayah daripada Allah S.W.T.

Kita masih banyak lagi agenda yang belum selesai. Jika kita lihat di kampung-kampung misalnya, walaupun kita mempunyai program rakyat termiskin namun masih ramai lagi rakyat berada pada garis kemiskinan. Mereka ini terdiri daripada golongan yang berpendapatan bulanan melebihi sedikit daripada keluarga PPRT, oleh itu sudah sampai masa dan ketikanya untuk kita memikirkan program yang tertentu untuk membela nasib golongan ini yang bukan sahaja berada di kampung-kampung sebenarnya terdapat juga di bandar-bandar dan di pinggir bandar.

Projek Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Program Perumahan Rakyat Kos Rendah, Program Membasmi Kemiskinan dan Menyusun Semula Masyarakat, Program Membina Jalan-jalan Kampung dan Bantuan Anak-Anak Sekolah, Program Tanah Untuk Rakyat Termiskin adalah antara program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan pada masa lalu dan akan diteruskan dan perlu diteruskan untuk keadilan sosial kerana mereka ini sangat-sangat memerlukan. Sebenarnya masih ada lagi rakyat yang layak tetapi tidak dapat menyertai program tersebut. Begitu juga jalan-jalan kampung yang masih banyak lagi di kampung-kampung yang tidak bertar, tanah merah. Musim hujan ianya lecah dan panas berdebu, inilah seksaan orang-orang kampung dan masih lagi ditanggung walaupun kita telah lama merdeka.

Ada juga yang ditar tetapi keadaannya sudah uzur kembali dan ini kadangkang membahayakan penduduk kampung kerana berlubang di sana sini. Kita bersyukur kerana kerajaan tetap meneruskan pelbagai agenda pembangunan rakyat termiskin di luar bandar dan di bandar walaupun ketika negara kita dilanda kegawatan ekonomi beberapa tahun yang lalu. Kini setelah negara kita bangkit dalam kemelut kegawatan ekonomi dan setelah kita diberi mandat oleh rakyat untuk mentadbir negara dalam pilihan raya yang lalu, maka tradisi membela rakyat oleh kerajaan Barisan Nasional amatlah wajar diteruskan dan dipertingkatkan agar kerajaan Barisan Nasional terus unggul dan rakyat terus terbela.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga turut bangga dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia Pusat Kecemerlangan Pendidikan di rantau ini. Pelaksanaan projek sekolah bestari, peluasan program komputer dalam pendidikan semua ini akan melahirkan generasi celik IT, berbudaya maklumat serta bersifat global. Tabung Pendidikan Tinggi Nasional yang kini sudah pun berjumlah RM2.5 bilion merupakan komitmen sosial kerajaan untuk pelajar-pelajar kita melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi awam dan juga institusi pengajian tinggi swasta.

Kita juga tidak boleh memandang ringan ranjau-ranjau yang perlu dilalui oleh Kementerian Pendidikan dan institusi-institusi pengajian tinggi. Kualiti pendidikan di IPTS yang beroperasi di negara kita yang kini jumlahnya yang sudah menjangkau 500 buah masih lagi diragukan oleh setengah-setengah pihak terutamanya para ibu bapa. Walaupun banyak yang telah berjaya namun masih banyak lagi IPTS iaitu institusi pengajian tinggi swasta yang sering dipertikaikan seperti lokasi bangunan yang tidak sesuai dan suasana belajar yang tidak tenteram, tidak *conducive* untuk belajar dan mengajar.

Terdapat banyak keraguan dari ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke institusi pengajian tinggi swasta ini berhubung kemudahan tempat tinggal, peralatan mengajar dan sebagainya, begitu juga dengan latihan yang tidak mencukupi. Ibu bapa telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar, dan percayalah bukan semua ibu bapa ini datangnya dari golongan yang berada, namun mereka berkorban demi kepentingan anak-anak mereka.

Satu lagi perkara yang dipertikaikan ialah kurangnya pelajar bumiputera di IPTS ini. Ini boleh menjejaskan proses integrasi nasional. Sebagaimana yang kita maklum bahawa bapa-bapa pemimpin kita dalam menggubal dasar pendidikan negara telah mengambil kira integrasi nasional kerana ini sangat penting dalam negara berbilang kaum dan agama ini dan kalau kita fikir integrasi ini sudah cukup mantap, ini sebenarnya hasil pemikiran bapa-bapa pemimpin kita yang lalu. Oleh itu janganlah kita kesampingkan idea integrasi nasional ini dan memperjudikan masa depan anak-anak keturunan bangsa Malaysia yang akan datang.

Bahasa Melayu yang menjadi alat pengikat perpaduan ada tanda-tanda juga diabaikan. Anak-anak muda ini pelapis kita maka perlu kita didik menjadi rakyat yang patriotik dan bertanggungjawab serta bersatu padu. Mengikut statistik Kementerian Pendidikan antara bulan Disember 1998 hingga Oktober 1999, sebanyak 459 buah sekolah menengah di seluruh negara dikenal pasti berisiko tinggi dan terdedah kepada ancaman samseng, ini adalah yang dilaporkan. Banyak juga kes-kes yang tidak dilaporkan oleh pengetua sekolah kerana tentunya mereka takut nama sekolah terjejas

dan mungkin ada juga kes-kes yang tidak sampai kepengetahuan pentadbir sekolah. Walaupun bilangan ini kecil namun ianya terus meningkat dan membimbangkan. Ianya boleh menjadikan pelajar di sekolah berasa tidak tenteram kerana dibayangi oleh perasaan takut dan terancam.

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengatasi kes samseng-samseng ini yang banyak diperkatakan di akhir-akhir ini, termasuklah mendapatkan kerjasama daripada pihak polis namun yang pastinya masalah ini masih berlanjutan. Oleh yang demikian pihak kementerian, pengetua-pengetua sekolah, guru-guru dan ibu bapa perlu menghulur tangan, bantu membantu bagi mencari jalan penyelesaian terbaik kepada masalah ini.

Selain daripada itu, usaha-usaha yang lebih berkesan untuk menarik minat-minat yang datang ke sekolah perlu dicari. Mereka yang tidak mampu cemerlang dalam akademik usahlah disogokkan dengan kejayaan cemerlang akademik kerana mereka tidak mampu, kerana kita dilahirkan dengan berbeza-beza kebolehan. Oleh itu kita kena faham ini, kalaulah kita banyak tekankan tentang kecemerlangan akademik, ibu bapa pun demikian, anak-anak yang tidak mampu tertekan perasaan dan jiwanya. Ini adalah antara sebab-sebabnya mereka mencari jalan keluar, ada yang ponteng, mungkin ada yang jadi samseng terlibat dengan dadah dan ini juga me rundingkan kita semua, apatah lagi Kementerian Pendidikan.

Mungkin mereka yang tidak mampu di bidang akademik ini, boleh berjaya dalam bidang sukan, seni budaya, bidang-bidang vokasional dan teknikal yang lain dan kadang-kadang kita melihat ada kesungguhan guru-guru tertentu mengambil inisiatif seumpama ini. Saya teringat dalam satu kisah bagaimana seorang guru dalam sebuah filem, saya rasa dalam Dewan ini ramai yang boleh ingat *'To Sir With Love'*, di mana rakyat anak-anak sekolah yang difikirkan tidak boleh berjaya dipandang remeh tetapi ada golongan guru yang benar-benar insaf dan memahami mereka akhirnya kejayaan menunggu di depan. Bukan itu sahaja saya teringat sebuah filem, saya ini gemar melihat filem seumpama ini untuk kita sama-sama mengambil teladan, satu filem tentera, bercorak ketenteraan yang dinamakan *'Dirty Dozen'*, orang-orang yang difikirkan tidak berguna lagi dalam askar tetapi ada seorang pegawai yang berpendapat bahawa mereka ini masih lagi berguna dan akhirnya mereka ini berjaya dikumpulkan, mereka menjadi akhirnya patriot kepada bangsa dan negara mereka. Inilah antara cabaran-cabaran yang kita perlu hadapi khususnya oleh Kementerian Pendidikan di alaf ini.

Tuan Yang di-Pertua, bank adalah pemegang amanah orang ramai, wang yang disimpan di bank selama ini tidak perlu diragui bahkan bank sentiasa memberikan kemudahan kepada orang ramai termasuklah kemudahan menyimpan dan mengeluarkan wang daripada mesin ATM. Ini banyak menjimatkan masa dan tenaga sesungguhnya. Namun di akhir-akhir ini telah ada aduan-aduan yang dibuat mengenai kehilangan wang di mesin ATM. Bermula di Pulau Pinang kemudian secepat kilat merebak pula ke Selangor dan Johor dan mungkin ke negeri-negeri yang lain. Ini sungguh mencemaskan orang ramai, kecurian ini hanya boleh didalangi oleh orang-orang yang benar-benar pakar dalam bidang komputer dan sudah tentunya ada kelemahan kepada sistem mesin ATM ini. 323 kes kecurian seperti yang dilaporkan dalam akhbar dari mesin ATM dengan jumlah kehilangan sebanyak RM500,000 setakat ini dan mungkin telah lebih dalam tempoh sepuluh hari, adalah satu kejadian yang menakutkan orang ramai.

Kita juga pernah mendengar kejadian yang memindahkan wang orang lain ke dalam akaunnya. Nampaknya pihak bank perlu tingkatkan sistem keselamatan terhadap urusanniaga elektronik dari masa ke semasa untuk mengelakkan perkara seumpama ini berulang lagi dan untuk mengelakkan, mencegah kegiatan pemalsuan dan penipuan, bank mesti sentiasa selangkah ke hadapan, *a step forward*, dengan izin, daripada individu-individu atau kumpulan perompak elektronik ini. Kita berterima kasih kepada pihak polis kerana telah dengan pantas menjejaki dan menangkap mereka yang terlibat. Begitu juga dengan pihak bank nampaknya ada juga yang telah mengambil

inisiatif menukar kad-kad ATM yang baru, yang lebih dari segi ciri-ciri keselamatannya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah mendedahkan terdapat begitu banyak kes yang tertangguh di mahkamah-mahkamah kita. Dinyatakan sebanyak 700 kes tertangguh, pecahannya adalah 400 kes jenayah dan 300 kes sivil. Terdapat kes yang tertangguh selama sepuluh tahun. Kita merasa bimbang akan fenomena ini seperti kata perpatih Inggeris, dengan izin, *justice delayed, justice deny*. Kelewatan ini telah pun dijelaskan oleh Ketua Hakim Negara kita yang menyatakan ianya adalah disebabkan antaranya seorang peguam mengendalikan lebih dari satu kes sehari dan mahkamah terpaksa menangguhkan perbicaraan yang telah pun ditetapkan.

Kedua, kekurangan bilik-bilik mahkamah untuk menjalankan perbicaraan. Faktor-faktor lain adalah kerana kekurangan majistret dan kekosongan jawatan-jawatan seperti jurubahasa dan jurutaip. Kelewatan tentunya menyusahkan orang yang dituduh dan ahli keluarga mereka, simpati kita kepada mereka dan sekiranya kes berkenaan adalah kes yang besar maka tentunya jiwa dan batin tertuduh serta ahli keluarga mereka tertekan dan kadangkala anak-anak mereka juga menjadi mangsa dari peristiwa ini. Sesungguhnya penantian adalah satu penyeksaan.

Apakah kita perlu menyeksa mereka begitu lama untuk menanti hari perbicaraan dan menunggu hari dijatuhkan hukuman. Kita percaya kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang wajar bagi menangani masalah ini sebelum ianya menjadi lebih ketara lagi. Kerja sama dari Majlis Peguam juga perlu bagi mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan awam sentiasa dilaksanakan secara berterusan. Kursus, seminar, bengkel, forum dan sebagainya serta bantuan perkhidmatan seperti penggunaan komputer dan pelbagai alat aplikasi IT telah pun diperkenalkan. Semenjak tahun 1992 kerajaan telah memperkenalkan Skim Saraan Baru ataupun lebih dikenali dengan SSB sebagai satu lagi usaha untuk memberi insentif kepada para pegawai dan kakitangan sektor awam. Namun sejak diperkenalkan hingga ke hari ini, SSB telah menjadi sasaran tidak puas hati di kalangan kakitangan awam. Banyak kritikan yang menyatakan SSB tidak membawa kepada budaya kerja yang sihat. SSB membuka ruang kepada diskriminasi dan salah guna kuasa. Lantaran itu mereka yang kecewa dengan SSB ini memomokkan SSB sebagai kata-kata saya, SSB '*Saya Sayang Boss*' atau '*Suka-suka Buat, tak suka tak buat*'.

Dikatakan kadangkala hal ini boleh menjadi semakin serius sehingga sampai kepada tahap benci membenci dan pulau memulau sesama sendiri. Ramai juga yang merajuk, ekoran daripada itu dikatakan lahirlah satu budaya kerja baru iaitu budaya kerja AB '*Asal Buat*'. Maka dengan itu semangat untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh semakin berkurangan. Kesemua kelemahan berhubung dengan sistem SSB ini telah pun diadakan kepada pihak Kesatuan Sekerja. Kesatuan Sekerja juga telah pun menyuarakan akan kelemahan-kelemahan sistem SSB ini kepada pihak kerajaan. Adalah diharapkan pertemuan Perdana Menteri dengan wakil-wakil Kesatuan Sekerja baru-baru ini akan dapat menyelesaikan masalah tersebut yang telah lama berlarutan. Dalam zaman siber ini tentunya kita mahu melihat para pegawai dan kakitangan awam kita lebih bersatu dan bertugas sebagai satu pasukan yang cergas, berilmu dan cekap. Berkhidmat dengan senyum dan ceria selalu. Moga keluarga mereka pun akan bahagia.

Kita juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Dato Seri Dr. Mahathir yang baru pulang dari menghadiri Persidangan Kemuncak Negara-negara Membangun G7 di Havana, Cuba. Dato Seri Dr. Mahathir nampaknya dengan tegas dan lantang sekali lagi menjadi jurucakap bagi Negara-negara Membangun. Dr. Mahathir telah memberi peringatan kepada Negara-negara Maju agar segala bentuk globalisasi perlu diambil kira pendapat-pendapat dan kepentingan Negara-negara Membangun yang lain. Malaysia akan majukan isu ini kepada Negara-negara Maju iaitu G7 bagi membolehkan perkara-perkara yang diputuskan di Havana

dibawa kepada perhatian Kumpulan itu yang akan datang di Okinawa Jepun bulan Julai depan. Dr. Mahathir telah menegaskan sebarang keputusan yang melibatkan seluruh dunia dan yang membabitkan kita hendaklah dipastikan wakil kita ada sama supaya kita boleh dapat tahu dan beri pandangan-pandangan dan pendapat kita.

Akhir kata marilah kita sama-sama berdoa moga dengan kesejahteraan ummah, kesucian agama dan perpaduan rakyat akan terus terjamin semasa kita berdepan dengan cabaran-cabaran mendatang dalam millennium baru ini. Dengan ini saya mencadangkan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang menyokong, ya.

**11.45 pagi.**

**Puan Jaya Partiban:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk menyokong usul ucapan yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu dan di sini izinkan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan mengucapkan syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen yang Kesepuluh.

Titah Ucapan Tuanku yang menekankan betapa pentingnya seluruh rakyat Malaysia memperkuatkan azam mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara bagi membangunkan negara dan memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan dan meningkatkan martabat bangsa dan negara agar sentiasa dihormati dan dicontohi dunia demi menjadikan Malaysia bebas, sepadu dan maju hendaklah menjadi hasrat dan perjuangan setiap rakyat. Memang tidak boleh dinafikan bahawa fahaman luas tentang perkauman dan keagamaan, sifat hormat-menghormati, tolong-menolong serta toleransi menjamin perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat yang berbilang kaum dan agama.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun agama Islam merupakan agama rasmi, namun semua penganut agama diberi kebebasan di Malaysia bukan sahaja dalam pengamalan mereka tetapi juga dalam mengendalikan organisasi keagamaan mereka. Dunia luar memang kagum dengan pencapaian kita dalam pembangunan negara tanpa apa-apa konflik agama walaupun negara kita diduduki pelbagai penganut agama. Demi memastikan kesinambungan keharmonian ini, kerajaan harus memastikan kurangnya atau tidak adanya insiden-insiden robohan tempat-tempat ibadat khususnya kuil-kuil Hindu.

Kerajaan tempatan di semua negeri perlulah sedar tentang sensitiviti penganut agama dan perlu berunding dengan mereka sebelum melakukan apa-apa perkara yang boleh mewujudkan ketegangan. Untuk mengelakkan insiden robohan kuil berlaku dalam masa akan datang iaitu oleh pihak-pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan tempatan, kerajaan haruslah memastikan bahawa dalam semua pelan *structural* yang dikendalikan dalam hal pembangunan kawasan baru, peruntukan lokasi-lokasi tanah untuk pembinaan tempat ibadat kepada semua agama secara sah mesti diperuntukkan.

Ini akan mewujudkan satu suasana persekitaran yang lebih harmoni dan saling memahami antara satu sama lain. Pelaksanaan dasar seperti ini akan memberi satu garis panduan yang lebih jelas kepada pihak berkuasa tempatan dan boleh mengelakkan sebarang kekeliruan dalam masa akan datang. Kerajaan perlulah serius dengan langkah ini bagi memastikan pembangunan nilai institusi keagamaan yang boleh membangunkan nilai kemanusiaan.

Ini adalah sejajar dengan cabaran Wawasan 2020 untuk mencapai sebuah masyarakat yang matang, liberal dan saling memahami di mana setiap rakyat Malaysia tanpa mengira keturunan mahupun kepercayaan, bebas mengikuti dan mengamalkan adat resam, kebudayaan serta kepercayaan agama masing-masing tanpa merasa tersisih daripada bangsanya.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dengan ahli yang mewakili pelbagai sektor masyarakat baru-baru ini yang diamanahkan bagi

menyiasat sebarang pengaduan berkaitan pelanggaran hak asasi manusia di negara kita patutlah dipuji. Penubuhan suruhanjaya ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat berhubung dengan soal hak asasi manusia.

Ini juga jelas menunjukkan bagaimana kerajaan mahu semua pihak memikul tanggungjawab bersama, memupuk semua aspek pemeliharaan dan perkembangan konsep hak asasi di negara ini. Suruhanjaya ini tidak akan dapat menjalankan tanggungjawab melindungi hak asasi manusia di negara kita selagi ia tidak diberi kuasa luas untuk menangani masalah hak asasi manusia di negara kita. Kuasa ini diperlukan bagi memastikan mereka berjaya melaksanakan tanggungjawab dengan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu strategi terpenting yang dipraktikkan untuk pembangunan sumber manusia ialah pendidikan formal. Ini termasuklah peringkat pendidikan prasekolah, sekolah rendah, menengah, kolej dan juga universiti. Adalah diakui bahawa pendidikan formal dapat menyediakan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk tingkah laku yang produktif. Walaupun pembangunan pendidikan dalam tempoh empat dekad yang lalu adalah mengagumkan, namun masih terdapat kawasan dan kumpulan sosial yang tidak dapat menikmati manfaat sepenuhnya dari perkembangan ini.

Mutu pendidikan khususnya di kawasan luar bandar termasuk estet, kampung baru dan kawasan mundur di Sabah dan Sarawak masih perlu dipertingkatkan. Mutu pendidikan yang rendah telah mengakibatkan pencapaian yang rendah dan masalah keciciran. Ini mempunyai implikasi yang mendalam kepada pembangunan sumber manusia. Pendidikan dan latihan harus menumpukan kepada pembangunan menyeluruh setiap individu supaya mereka boleh menyumbang secara berkesan kepada pembangunan negara.

Walaupun masalah keciciran di peringkat sekolah rendah tidak begitu ketara tetapi ia masih merupakan isu pendidikan yang penting memandangkan hampir keseluruhan keciciran adalah terdiri dari mereka yang berada di kawasan terpencil terutama mereka di ladang-ladang dan kampung-kampung kecil yang mempunyai latar belakang ekonomi yang rendah serta sistem sekolah rendah yang serba kekurangan.

Apa yang ingin saya tekankan di sini ialah Kementerian Pendidikan perlulah memastikan pendidikan rendah dijadikan wajib dari segi undang-undang. Pendidikan rendah perlulah dianggap sebagai hak asasi seorang kanak-kanak dan kegagalan ibu bapa memastikan anak-anak mereka menerima pendidikan perlulah didenda demi mewujudkan kesedaran kepada semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan seumur hidup bertujuan memperkukuhkan dan meningkatkan pengetahuan individu sama ada melalui proses pendidikan formal atau bukan formal. Namun demikian, konsep pendidikan seumur hidup belum dimanfaatkan sepenuhnya terutama dalam pendidikan bukan formal. Kualiti dan mutu hidup penduduk yang baik adalah penting. Setiap individu merupakan sumber tenaga yang bernilai kepada negara. Sehubungan dengan ini, kerajaan hendaklah mempercepatkan proses menyediakan persekitaran prasarana yang sesuai untuk menggalakkan setiap rakyat di semua peringkat umur berusaha meningkat kemahiran, kebolehan, bakat dan moral yang tinggi.

Untuk mencapai tujuan ini, kerajaan dan sektor swasta perlu meluaskan kemudahan dan peluang membaca. Tabiat membaca perlu digalakkan terutama melalui perkembangan perpustakaan di seluruh negara dan tumpuan juga perlu diberi kepada kawasan luar bandar. Ini akan membolehkan rakyat mendapat akses kepada perluasan ilmu dan kemahiran. Tempat-tempat di bandar juga hendaklah dilengkapi dengan buku-buku yang boleh menambah ilmu pengetahuan.

Institusi-institusi pengajian tinggi juga harus menyediakan kursus-kursus jangka pendek supaya perolehan pengetahuan dan kemahiran baru dapat digalakkan. Peluang pendidikan dan latihan seperti kursus dalam perkhidmatan, kursus

pembangunan masyarakat, pendidikan dewasa, latihan industri serta kelas-kelas lanjutan dan ikhtisas harus diperbanyakkan.

Tuan Yang di-Pertua, asas pembangunan Malaysia hari ini adalah hasil sumbangan sektor perladangan. Usaha gigih buruh perladangan tanpa mengenal penat lelah telah menyumbang ke arah kemantapan pembangunan negara. Namun begitu, kaum buruh ini tidak memanfaatkan hasil kemajuan negara berbanding golongan lain. Kehilangan pekerjaan telah mengakibatkan golongan ini terpaksa berhadapan dengan masalah penyisihan sosial serta penempatan semula, di samping berhadapan dengan hakikat hidup sebagai golongan terbiar.

Selama ini, isu-isu ini hanya ditangani dan bergantung kepada budi bicara pengurusan estet dan pihak persatuan yang mewakili mereka. Kini, kerajaan telah menunjukkan penglibatan yang serius agar nasib golongan ini diperjuangkan sebaik mungkin dengan diberi ganjaran atau pampasan yang berpatutan. Usaha menangani masalah-masalah ini tidaklah mustahil memandangkan pemilikan estet kini telah bertukar milik kepada pemilik tempatan. Sehubungan ini, saya merayu kepada agensi-agensi berikut agar masalah ini akan diatasi dengan penuh rasa tanggungjawab dan adil.

Kementerian Sumber Manusia harus memastikan golongan ini mendapat pampasan yang adil, di samping melatih dan membolehkan golongan ini mendapat pekerjaan yang sesuai. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus mengusahakan satu skim perumahan kos rendah dengan segera, di samping memastikan peruntukan tanah oleh kerajaan negeri. Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pula harus memantau keperluan sosial seperti pembasmian kemiskinan dan kualiti hidup yang lebih bermakna.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini bilangan bukan bumiputera dalam sektor awam adalah kurang sekali. Strategi yang mungkin dapat dilaksanakan ialah penyertaan yang lebih berbilang kaum pada setiap kumpulan perkhidmatan awam selaras dengan Perlembagaan dan hakikat masyarakat berbilang kaum. Semua pegawai dan kakitangan sektor awam seharusnya diberi layanan yang sama dari segi peluang latihan, kenaikan pangkat dan peluang mendapat pengalaman seperti yang dijamin oleh Perlembagaan. Dalam sebuah masyarakat berbilang kaum adalah penting sekali semua dasar kerajaan yang digubal hendaklah mengambil kira keperluan dan inspirasi semua kaum dan golongan.

Justeru itu, agensi yang terlibat dengan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan dari agensi perancangan pusat hinggalah ke agensi pelaksanaan daerah perlu mempunyai kakitangan yang berbilang kaum. Ini akan memudahkan penerimaan dan penglibatan seluruh rakyat dalam rancangan kerajaan. Untuk menjayakan implimentasi sesuatu dasar, kerajaan perlu mengambil langkah yang sesuai selaras dengan usaha memperbetulkan ketidakseimbangan dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, langkah kerajaan yang telah menerbitkan satu dokumen yang berkaitan dengan status dan ukuran kualiti hidup Malaysia patutlah dipuji. Kualiti hidup di Malaysia ditakrifkan sebagai merangkumi kemajuan diri, gaya hidup yang sihat, akses dan kebebasan memperolehi pengetahuan serta taraf kehidupan yang melebihi keperluan asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan sosial yang setanding dengan aspirasi negara.

Seterusnya Indeks Kualiti Hidup Malaysia dirangka untuk mengukur perubahan dalam kualiti hidup. Indeks ini sebenarnya merupakan satu pengukuran komposit berdasarkan 10 bidang terpilih iaitu pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial dan keselamatan awam.

Sebanyak 38 petunjuk telah digunakan dalam pengiraan indeks ini. Dalam titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong turut memberi kredit kepada

kerajaan kerana Indeks Kualiti Hidup Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin tekankan di sini ialah petunjuk indeks ini patutlah diterbitkan setiap tahun untuk memberi gambaran dan kesedaran yang lebih nyata dan fokus kepada semua golongan iaitu daripada pemerintah hinggalah ke rakyat. Indeks Kualiti Hidup Malaysia ini perlulah diambil kira dalam semua penggubalan dan perancangan Dasar Pembangunan Negara untuk memberi satu kedudukan kualiti hidup yang lebih jelas. Sebenarnya pengukuran kualiti hidup adalah perkara yang patut diambil kira sebagai petunjuk yang lebih konkrit untuk mengukur pembangunan sosioekonomi sesuatu etnik kumpulan dan bukan jumlah pendapatan keluarga semata-mata.

Professor Amprea Sen, ahli Ekonomi yang memenangi hadiah nobel turut mempertikaikan indicator yang lebih menumpukan pendapatan untuk mengukur pembangunan. Dalam buku terbarunya, *'Development is Freedom'*, beliau menekankan kebebasan adalah asas penting dalam memperolehi pembangunan mampan. Malangnya kemiskinan, kejahilan, kelaparan, kedudukan kesihatan yang lemah, diskriminasi etnik dan gender disifatkan oleh beliau sebagai penghalang kepada kebebasan dan seterusnya pembangunan yang tulen. Apa yang dicadangkan di sini ialah Indeks Kualiti Hidup Malaysia turut perlu memberikan satu gambaran yang lebih fokus kepada rakyat yang terlibat dalam sektor-sektor ekonomi contohnya walaupun secara keseluruhan Indeks Kualiti Hidup Malaysia telah meningkat 22.6% antara tahun 1980 dan 1998 apakah perubahan positif ini sejajar dengan perubahan dalam sektor pertanian? Apakah kedudukan sebenar di bidang kesihatan pendidikan dan perumahan dalam sektor pertanian. Walaupun banyak statistik kerajaan dilindungi dengan status sulit tetapi ia adalah penting bagi semua pihak untuk perancangan dan pembangunan.

Oleh yang demikian, perubahan kualiti hidup dalam sektor-sektor ekonomi perlulah ditonjolkan demi perancangan masa depan. Jika boleh, Rancangan Malaysia Kelapan perlulah memberi tumpuan tentang pembangunan kualiti hidup dalam semua sektor ekonomi yang diperincikan di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga perlu sanjungi kerajaan atas kesedaran dan kepentingan Industri Kecil dan Sederhana dan peranannya dalam menyediakan peluang pekerjaan, memperkukuhkan rantai antara industri dan mempertingkatkan pendapatan eksport. Industri Kecil dan Sederhana turut memainkan peranan penting sebagai tapak semaian bagi melahirkan usahawan-usahawan masa depan. Namun ada beberapa perkara yang perlu diberi perhatian wajar oleh kerajaan dalam pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memajukan pertumbuhan Industri Kecil dan Sederhana melalui insentif baru termasuk pemberian status perintis dalam bidang dan sektor baru yang boleh diterokai untuk menggalakkan perkembangan Industri Kecil dan Sederhana. Kerajaan juga perlu memastikan insentif kepada Industri Kecil dan Sederhana sentiasa disesuaikan dan diperbaiki untuk menentukan penglibatan rakyat secara saksama tanpa mengira kaum.

Penyertaan kaum wanita perlulah dipastikan melalui skim bantuan yang sesuai yang boleh mempertingkatkan tahap kepakaran pengurusan, pengetahuan dan kemahiran teknologi dalam sektor ini. Usaha Yang Berhormat Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah memperkenalkan skim khas untuk usahawan wanita melalui skim ini patutlah dipuji dan dicontohi. Penyaluran teknologi dan kaedah yang up to date perlulah dalam memastikan kejayaan skim ini yang amat penting tetapi selama ini diabaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong usul mengucapkan syukur kerana titah ucapan Tuanku. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Puan Jamilah.

**12.07 tgh.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang pada saya untuk turut mengambil bahagian bagi membahaskan titah ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada sesi alaf baru ini, Alhamdulillah sehingga sekarang kita masih lagi dipanjangkan umur dan diberi nikmat kesihatan yang baik bagi menyambung kerja-kerja kita di dalam kehidupan di perantauan dunia sementara ini. Firman Allah dalam Surah Al-Imran [*Membaca sepotong ayat Al-Qur'an daripada surah Al-Imran*] yang bererti;

*“Orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadaan berbaring, mereka memikirkan tentang penciptaan langit serta bumi sambil berkata, Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini semua dengan sia-sia, Maha Suci lantaran itu peliharalah kami dari seksa api neraka”.*

Kita amat mengharapkan pada sesi alaf baru ini rakyat Malaysia di mana mereka tinggal dan berada di bandar atau di desa juga kita tidak kira warna kulit dan fahaman politik. Mereka juga akan diberi hak yang sama rata dan dapat mengecapi apa yang orang lain kecapi, begitu juga berkaitan kepentingan menjaga hak asasi rakyat amat perlu dipelihara, sebagaimana yang telah dibahaskan dengan hebatnya dalam sidang Parlimen yang lepas

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya begitu tertarik untuk menyentuh perihal yang berkaitan dengan kepentingan memberi hak kepada yang berhak, memberi kebebasan bersuara, mengeluarkan pendapat, berhujah dan bersedia untuk menerima kritikan, pandangan dan buah fikiran agar negara kita dapat dibangun dengan suasana yang harmonis. Kita merasa amat dukacita di mana baru-baru ini seorang pelajar UUM digantung pengajiannya disebabkan pelajar tersebut telah dinafikan haknya dalam sistem demokrasi yang kita anuti. Pelajar tersebut digantung kemungkinan disebabkan arah aliran politik yang berbeza dan juga disebabkan keberanian beliau melontar hujah dan mengkritik. Saya rasa semua Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan saya.

[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita bukan sekadar untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kecemerlangan dalam bidang akademik semata-mata tetapi kita juga ingin melahirkan pelajar yang kritis, kreatif dan mampu berhujah, memberi pandangan dan tidak bersifat menerima sahaja yang ada dan begitu takut berdepan dengan cabaran. Kebebasan bersuara yang dapat kita ikuti di dalam sejarah Islam di zaman Khalifah Saiyidina Umar Al-Khattab yang sentiasa prihatin bersama rakyat terutamanya dengan rakyat yang miskin. Baginda sentiasa meninjau dan meminta supaya rakyat menegur pengurusan kerajaannya dengan tujuan Baginda dapat memperbaiki sebarang kelemahan jika ada.

Pada suatu hari, Saiyidina Umar bersama rakyat dalam suatu majlis termasuk majlis itu, kaum wanita iaitu Sahabiyah. Maka Saiyidina Umar ingin membuat suatu perubahan ataupun reform untuk menentukan mahar mas kahwin kepada kaum wanita dengan tujuan bagi meringankan bebanan kaum lelaki untuk berumah tangga. Apabila cadangan itu keluar daripada mulut ucapan Khalifah, spontan dengan itu juga bangun seorang wanita Sahabiyah menegur Saiyidina Umar dengan pandangannya dan menyatakan mahar ini adalah hak kami kaum wanita, kenapa khalifah campur tangan dalam soal ini? Kritikan yang begitu berani dari seorang Sahabiyah, dari seorang wanita maka terus Saiyidina Umar menjawab, [*Dalam bahasa Arab*] yang bererti "*Benarlah pandangan wanita dan salah aku, Umar*" Begitulah contoh kepemimpinan dalam Islam yang telah ditunjukkan oleh Saiyidina Umar merupakan khalifah yang kedua dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa dalam era globalisasi ini, hak pelajar masih disekat sedangkan kita berkeyakinan bahawa anak-anak kita yang berada di menara gading semuanya pandai-pandai belaka, pintar dan cerdik dan sudah mampu untuk membezakan serta memilih apa yang baik untuk mereka. Sehubungan itu saya

menyeru kepada kerajaan agar mengkaji balik Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan sebaliknya ia membuka ruang kepada para pelajar untuk menentengahkan potensi yang ada pada mereka termasuklah kebolehan berhujah, mengkritik dan sebagainya demi untuk membina kerana mereka merupakan aset yang penting kepada negara dan seterusnya bakal pemimpin negara pada masa akan datang. Sekiranya kita memelihara hak asasi manusia, Insya-Allah, perpaduan akan dapat diwujudkan dan sudah pasti kita dapat mengatasi sendiri bagi menyelesaikan masalah perpecahan yang dikatakan berlaku di negara kita.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, setiap penyakit ada ubatnya kecuali mati, [*Membaca sepotong hadis*] dan setiap perkara ada cara dan jalan keluarnya dengan syarat ikhlas dan bertakwa kepada Allah, Insya Allah. [*Membaca sepotong hadis*] jika kita bertakwa kepada Allah sudah pasti ada jalan keluarnya.

Dalam soal perpecahan ini sudah beberapa kali parti PAS berusaha untuk bermuzakarah, berbincang bagi menyelesaikan perpecahan sekiranya wujud tetapi sehingga sekarang tiada persetujuan yang kita terima. PAS bukan ajak berdebat, bukan ajak berbahas kerana berbahas dan berdebat akan wujud golongan yang kalah dan menang tetapi kita ajak berbincang, bermuzakarah kerana kita perlu sama-sama memikirkan punca segala penyakit ini. Pada pendapat saya, perpecahan ini tidak akan berlaku sekiranya hak asasi manusia ditegakkan. Perpecahan tidak akan berlaku sekiranya keadilan diberikan kepada semua rakyat sekiranya permit perhimpunan boleh diberikan kepada UMNO, MIC dan MCA oleh itu seharusnya diberikan juga kepada parti alternatif yang lain sama ada PAS, keADILan mahupun DAP.

Sebulan yang lepas kita telah dikejutkan dengan keadaan yang berlaku di Melaka akibat perbezaan fahaman politik, tindakan yang tidak sewajarnya telah dikenakan kepada peguam, klinik atau doktor-doktor swasta yang lain oleh kerajaan negeri Melaka iaitu mengarahkan agensi kerajaan negeri menamatkan perkhidmatan panel doktor yang disyaki terlibat dengan parti pembangkang. Keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan pencabulan hak asasi iaitu menafikan hak kebebasan memilih dan sekali gus membelakangkan amalan demokrasi yang menjadi tunjang pemerintahan negara. Tidak cukup dengan tindakan tersebut, wang simpanan tetap kerajaan di bank yang disyaki menyokong pembangkang juga diarah supaya dikeluarkan pegawai dan kakitangan kerajaan tidak dibenarkan lagi untuk melawat secara rasmi ke Terengganu atau Kelantan.

Saya sebut tadi kalau ada Tan Sri Yang di-Pertua, negeri Tan Sri Yang di-Pertua sendiri [*Ketawa*] ya kerana kononnya bimbang akan terpengaruh dengan dasar negeri-negeri tersebut.

Saya hairan kenapakah sehingga itu sekali sekatannya. Sedangkan pegawai atau kakitangan kerajaan adalah golongan yang matang, yang tidak mungkin akan terpengaruh atau mudah dipengaruhi sekurang-kurangnya mereka dapat membuat perbandingan antara dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional dan Kerajaan PAS yang hanya dua negeri sahaja.

Selain dari itu, pelbagai lagi tindakan yang tidak sepatutnya diambil oleh Kerajaan Negeri Melaka atas dasar berlainan hala tuju dalam politik. Kita amat dukacita dengan apa yang berlaku dan adakah Kerajaan Barisan Nasional yang lain turut bersetuju dengan tindakan yang diambil oleh Kerajaan Melaka dan adakah negeri-negeri yang lain di bawah Kerajaan Barisan Nasional berhasrat untuk mengikut jejak langkah negeri Melaka termasuk negeri Tuan Yang di-Pertua?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Di manakah itu?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Pahang. Selingan sahaja, minta maaf.

Dalam surah Al-Maidah, ayat 8, Allah berfirman: [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman, jadilah kamu penggerak kebenaran kerana Allah dan saksi yang adil dan janganlah disebabkan

*kebencian kamu terhadap sesuatu kaum, maka kamu tidak berlaku adil ke atas mereka. Berlaku adillah kamu, sesungguhnya keadilan ini akan mendekatkan kamu kepada sifat-sifat taqwa kepada Allah”*

Di sini saya menyeru kepada kerajaan yang ada sekarang, cukuplah Barisan Alternatif ditekan kerana cabaran yang mendatang akan mengukuhkan lagi roh perjuangan yang ada untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Sekarang kebenaran untuk berceramah juga amat sukar kita perolehi, sedangkan Barisan Alternatif tidak mempunyai saluran media TV dan tidak ada radio. Melalui ceramah sahajalah yang dapat kami menerangkan kepada rakyat dasar perjuangan kami. Kalau dahulu dua kali seminggu akhbar *Harakah* dapat menjadi media penyebaran maklumat tetapi sekarang hanya dua kali sebulan, maka cukup sudah tekanan yang kami terima. Sekiranya benar-benar ingin bersatu-padu maka elakkanlah sebarang bentuk diskriminasi, diskriminasi dan ketidakadilan yang wujud. Berikanlah hak kepada yang berhak, berikanlah kepada rakyat untuk menikmati bahan bacaan yang mereka suka, yang menjadi kegemaran atau pilihan mereka. Adakah membaca akhbar *Harakah* lebih bahaya daripada membaca majalah hiburan yang rata-rata kebanyakannya menunjukkan gambar-gambar artis yang begitu menjolok mata yang boleh memberi kesan yang negatif dan ikutan kepada para remaja kita hari ini. Saya bekalkan perihal ini untuk sama-sama kita renungkan demi kepentingan masa hadapan anak-anak bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak dapat menafikan bahawa didikan agama yang sempurna memainkan peranan yang cukup penting dalam pembentukan jiwa dan akhlak anak-anak khususnya dalam era globalisasi ini walaupun setinggi mana mereka belajar amatlah mendukacitakan apabila kita mendapat khabar terdapat cerdik pandai dalam bidang komputer contohnya, menggunakan alat tersebut memindahkan wang dari bank kepada akaun mereka ataupun mengklonkan kad ATM. Kita tidak mahu perkara seperti ini jadi kepada anak-anak kita. Oleh itu, kita amat mengharapkan supaya anak-anak kita di samping cemerlang dalam bidang akademik juga turut cemerlang dari segi akhlak dan imannya. Oleh itu mereka juga memerlukan pendidikan agama sebagai benteng personaliti dan peribadi mereka.

Saya bekas seorang pendidik amat merasai dukacita dengan tindakan Universiti Teknologi MARA yang telah mengurangkan waktu pengajian pendidikan Islam daripada enam masa kepada tiga masa sahaja. Apakah salahnya sekiranya ia diteruskan kepada enam masa? Apakah rasionalnya atau ruginya yang dihadapi oleh para pelajar di UiTM sendiri sekiranya mata pelajaran pendidikan Islam dipelajari sehingga ke semesta enam sebagaimana pelajar-pelajar yang telah lepas. Saya merayu kepada pihak yang bertanggungjawab agar mengkaji semula tindakan tersebut kerana ianya merugikan pelajar kita sendiri dalam usaha kita untuk menyeragamkan sistem pelajaran di institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Tuan Yang di-Pertua, saban hari terpampang di akhbar *Berita Harian* dengan gejala sosial di kalangan anak-anak remaja kita. Pada 11 April yang lepas kita dikejutkan oleh berita mengenai kematian orang remaja akibat daripada menghidu gam, sebelum itu kita telah digemparkan dengan gejala samseng yang bagi berleluasa berlaku di kalangan anak-anak sekolah. Kejadian membunuh diri, kejadian membunuh jiwa orang lain termasuk kaum keluarga sendiri seolah-olah sudah menjadi suatu lumrah. Apakah kita sanggup melihat anak-anak remaja kita menjadi manusia yang suka berpelesenan di pusat-pusat membeli-belah ataupun di pusat-pusat hiburan, kita sedih dan dukacita.

*Berita Harian* bertarikh 17 April 2000, telah memaparkan bahawa satu kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Belia dan Sukan dengan kerjasama universiti tempatan mengenai masalah budaya lepak di kalangan remaja di bandar. Mendedahkan bahawa hubungan keluarga sebagai satu faktor utama berlakunya gejala sosial di kalangan remaja hari ini. Di samping itu, menurut Ketua Pengarah Belia, Kementerian Belia dan Sukan - kalau tidak silap saya *quote* kan kepada rujukan *reference* saya, Kementerian Belia dan Sukan – gejala sosial di kalangan remaja adalah banyak di antaranya ialah membaca dan menonton bahan lucah sebanyak 40%, faktor

puncunya. Pembabitan mereka di dalam hubungan seks sebelum kahwin ialah 18%; mencuri - 16%; merokok - 17% dan minuman memabukkan - 25%.

Di manakah hasil atau kejayaan Program Rakan Muda yang telah dilaksanakan, gaya hidup bebas telah menjadi sebatian dengan anak-anak muda kita. Apakah yang akan terjadi kepada nasib remaja kita pada masa hadapan, kepada siapakah amanah kepimpinan negara untuk kita wariskan? Bagi remaja kita yang mereka lebih mengetahui dan ninati ialah berkaitan dengan dunia Hollywood, dunia Bollywood dan lain-lain. Yang amat menyedihkan apabila penyanyi pop dan bintang-bintang filem, di skrin TV dan pawagampawagam yang menjadi contoh ikutan. Penyakit ini kalau dibiarkan maka akan pupuslah generasi berakhlak, beriman, dan bertakwa pada masa akan datang. Bagi saya, penyakit yang menimpa remaja kita amat kronik dan kritikal sekali. Oleh itu, kita tidak boleh mengambil mudah atau ringan sahaja.

Dari sini, saya ingin mencadangkan bahawa antara langkah yang perlu kita ambil dan telah pun kita ambil, tetapi mesti dipertingkatkan ialah memberi didikan agama kepada anak-anak kita kerana ianya mampu menjadi benteng pertahanan diri dari terjerumus ke lembah maksiat. Di samping itu, pihak kerajaan perlu mengawal bahan-bahan bacaan di pasaran. Bahan-bahan bacaan yang menjolok mata seperti pendedahan sebahagian anggota badan wanita tidak patut dibenarkan, di program TV dan di iklan-iklan patut dikaji semula terutamanya rancangan fesyen yang menggala kkan pendedahan aurat yang jauh sekali bertentangan dengan budaya kita yang berleluasa budaya pop turut mengancam usaha-usaha murni untuk mewujudkan budaya nasional kerana anak-anak muda kita tanpa didikan agama yang sempurna dan keimanan yang mantap amat sukar bagi mereka untuk mengawal kehendak nafsu dan perasaan, mudah terikut-ikut dengan apa yang didedahkan kepada mereka.

Sesungguhnya generasi muda merupakan generasi yang amat diharapkan untuk memimpin negara pada suatu hari nanti dan merupakan aset yang terpenting kepada perubahan masyarakat dalam membangunkan negara. Ada ungkapan yang mengatakan sekiranya rosak generasi muda, maka rosaklah seluruh negara. Dalam Surah Al-Kahfi, Allah mengingatkan kita, [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] yang bermaksud;

*“Bersabarlah kamu bersama-sama dengan orang yang sabar menyeru Tuhannya di pagi dan petang, di waktu senja dengan mengharap keredaannya dan janganlah kedua-dua matamu beralih dari mereka kerana mengharap perhiasan kehidupan dunia ini dan janganlah kamu mengikuti orang-orang yang hatinya Kami lalaikan dari mengingat ‘kamu’, lalu menurut hawa nafsu. Sesungguhnya kehidupan mereka melampaui batas”.*

Tuan Yang di-Pertua, musim haji yang lepas, kita didedahkan dengan pengetahuan, pulang sebahagian bakal haji kita dan juga telah ditahan beberapa hari sebelum dihantar pulang. Apa yang diberitahu oleh jemaah-jemaah haji tersebut amatlah mendukacitakan. Tambahan lagi di kalangan jemaah haji itu terdiri daripada orang-orang tua yang mereka kurang berupaya. Kita dapat bayangkan kesengsaraan mereka semasa berada dalam tahanan pihak Arab Saudi seperti yang dilaporkan. Sepengetahuan saya, kerajaan telah menghantar sebahagian kakitangan dan wakil mereka yang bertugas terutamanya semasa musim haji dan tambahan pula, hubungan Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Arab Saudi cukup baik, amat karib sekali. Oleh itu, saya tidak nampak bagaimana perkara ini boleh berlarutan hingga kita tidak berupaya membantu mereka yang ditahan oleh pihak yang berkuasa Arab Saudi.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat, saya hendak tanya sedikit.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya.

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Mereka yang dihantar pulang ini adakah menerusi Tabung Haji? Mereka pergi musim hajikah atau musim mana?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Saya rasa, saya tidak kurang pasti kerana saya membaca daripada hasil ini mungkin syarat untuk pergi buat haji ia mesti ada visa dan ia mesti ada kebenaran. Jadi, melalui agensi mana, saya kurang pasti yang itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ini.....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya.

**Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor:** Saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat. Kenapa berlaku penahanan bakal haji kita di Mekah, kenapa ini boleh berlaku? Saya hendak minta penjelasan kepada Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih. Sepatutnya penjelasan jangan minta kepada saya. Kena minta kepada Tabung Haji. Nanti kita sama-sama tunggu jawapan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat .....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Sebab itu saya menyuarkan di sini. Ya.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, setahu saya semua jemaah haji yang pergi melalui Tabung Haji tidak pernah disekat dan tidak pernah dihalang. Oleh sebab itu, saya mempunyai keyakinan bahawa yang disekat dan dihalang ini tidak mengikut peraturan seperti dikehendaki oleh Kerajaan Arab Saudi dan juga Kerajaan Malaysia. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, maksud saya mencurahkan pandangan saya supaya *diupgrad*kan pengurusan Tabung Haji itu supaya ia dapat sesuai dengan permintaan semasa kerana sudah banyak kali saya bercakap di dalam Dewan ini mengapa Tabung Haji tidak membuka kuota yang lebih banyak sedangkan rakyat kita bersedia....

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, Yang Berhormat. Sebenarnya kuota ini bukanlah hak kita. Kuota yang diberi ini adalah diberi oleh Kerajaan Saudi sendiri dan bagi Kerajaan Malaysia kita berulang-ulang kali, bahkan sentiasa meminta Kerajaan Arab Saudi membuka kuota-kuota ini. Jadi, bagi kita untuk menyatakan sesuatu patutlah kita membuat penelitian yang sebaik-baiknya supaya kita tidak terkeliru dengan pendapat dan lagi mengelirukan orang umum. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih tetapi walau bagaimanapun, saya terus sarankan kepada pihak kerajaan untuk mempertingkatkan soal kuota dan kita boleh peruruskan sebab saya menyakinkan tadi bahawa Kerajaan Malaysia cukup akrab, baik dengan pihak Arab Saudi. Kita tidak mahu tengok orang-orang yang pergi haji itu mati dahulu, tidak sempat buat haji sedangkan mereka mampu dari segi wangnya.

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua kita telah membuat satu urusan bahawa orang-orang yang lebih 60 atau 70 tahun akan diberi priority untuk pergi membuat haji. Jadi, Kerajaan Malaysia sebenarnya kerajaan yang begitu simpati ke atas kehendak-kehendak umat Islam dan untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, kerajaan inilah yang menyebabkan diukir di Perlembagaan kita Islam sebagai agama rasmi dan takkan kerajaan yang begitu prihatin dari awal di akhirnya ia hendak belok ke belakang. Jadi Yang Berhormat, bersimpatilah bahawa kita sedang berusaha supaya perkara-perkara haji ini akan diperbaiki dari masa ke semasa. Terima kasih.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa boleh saya teruskan ucapan saya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Sila.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya, terima kasih. Saya harap pihak Yang Berhormat dapat membuat laporan yang terperinci tentang kejadian yang berlaku

kerana peristiwa ini memberi implikasi bahawa kerajaan tidak...., tetapi apabila saya mendengar....

**Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan Malaysia yang membawa mereka balik, bahkan Kerajaan Malaysia yang memberi mereka wang. Apa lagi yang kita harus buat? Apa yang kita harus buat? Sebenarnya siapa juga yang melanggar peraturan itulah yang kena hukum dan kita bersimpati. Oleh sebab bersimpati inilah yang kita pergi menghantar sendiri wakil kita dan memberi pula bayaran. Apa lagi yang dikehendaki? Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Penjelasan itu amat mencukupilah, saya rasa. Jadi ya, silakan, laluan lagi.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bertanya kepada Yang Berhormat kita, apakah Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa mereka yang ditahan itu adalah mereka yang melanggar undang-undang dan hukum dan mereka yang pergi itu adalah melalui agensi-agensi tertentu yang pergi atas visa umrah tetapi mencuri untuk melakukan haji dan tidak pulang waktu umrah. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perkara itu berlaku sebenarnya?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, saya tahu itulah nature dan fitrah manusia. Bila kita tahan dia akan buat juga, jadi sebagai satu pengiktibaran kepada kita daripada ucapan awal saya tadi dan termasuklah kalau mereka ini tidak patuh kepada peraturan, sepatutnya patuhlah, saya bersetujulah dari segi peraturannya.

Jadi, sehubungan isu pengurusan haji dan umrah, saya ingin memberikan beberapa komen terhadap gambaran buruk yang diberikan kepada agensi swasta dalam memberikan perkhidmatan yang kurang selesa kepada jemaah haji. Pengurusan umrah tidak boleh dimonopoli termasuk haji, oleh sesuatu kumpulan sahaja. Dalam dunia perniagaan, kita digalakkan bersaing secara sihat, dengan adanya persaingan yang sihat ini memberikan lebih keuntungan kepada pelanggan dari segi perkhidmatan yang lebih baik dan harga yang berpatutan. Mengekang ataupun tidak membenarkan agensi swasta daripada turut memberikan perkhidmatan dan pengurusan haji dan umrah bererti kita telah mengurangkan sumber pendapatan sesebuah agensi yang telah kita ketahui hampir kesemuanya agensi swasta dimiliki oleh orang-orang Islam. Kita ingin melihat umat Islam maju dalam perniagaan tetapi dalam masa yang sama kita menyekat sumber pendapatan mereka. Oleh itu, saya amat berharap agensi swasta terus diberi peluang untuk memberikan perkhidmatan kepada bakal jemaah haji dan umrah, biarlah kita serahkan kepada pelanggan – mereka yang terdiri daripada jemaah haji dan umrah menilai perkhidmatan mereka. Janganlah disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga.

Saya rasa itu sahajalah pandangan yang dapat saya turut bahaskan bagi mengucapkan terima kasih atas Junjungan Titah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong tempoh hari di Dewan Parlimen yang mulia. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya jemput Datuk Zainudin Maidin.

**12.35 tgh.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih, *Timbalan'* Yang di-Pertua. Pertama sekali saya mengucap terima kasih kerana memberikan peluang awal kepada saya untuk turut membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada Dewan yang mulia ini.

Pertama sekali saya rasa saya ingin menjawab pertanyaan rakan saya Yang Berhormat daripada PAS tadi iaitu kepada siapakah kepimpinan negara ini hendak diserahkan di masa akan datang. Saya rasa saya perlu menjawab bahawa saya tidak syak lagi bahawa kepimpinan negara ini haruslah diserahkan kepada kerajaan yang sedang meneruskan khidmatnya kepada rakyat sekarang ini. Sebabnya kita tidak harus hanya melihat masalah-masalah sosial yang kecil-kecil – soal remeh-temeh, masalah

yang timbul bersama dengan kebangkitan dan kemajuan ekonomi negara. Hal ini berlaku di mana-mana sahaja.

Jadi, soal yang paling pokok sekali ialah harus kita melihat bagaimana sejak memerintah, negara ini telah dapat melahirkan cendekiawan-cendekiawan Islam, pendidik-pendidik, profesor, doctors, *engineers* dan sebagainya yang menguasai universiti-universiti, menguasai kolej-kolej, institusi-institusi pengajian tinggi yang akan mendedahkan pelajar-pelajar kita kepada kekuatan untuk membangunkan rasa cinta kepada negara, rasa cinta kepada agama, rasa cinta kepada Islam. Kesedaran Islam yang ada sekarang siapakah yang membangunkannya. Janganlah kita persoal soal-soal ini...., kita harus mempunyai minda yang luas. Jangan hanya melihat daripada suatu benda dan masalah-masalah sosial yang kecil.

Kalau kita mahu melihat masalah-masalah yang kecil-kecil ini, saya akan bertanya, adakah Yang Berhormat tahu dari manakah pelacur yang paling banyak sekarang di Singapura? Dari manakah pelacur yang banyak sekali di Singapura sekarang? Dari mana? Dari negeri mana? Kalau Yang Berhormat tidak dapat atau agak gagal untuk mendapatkan nota ini, saya boleh membantu. Saya orang surat khabar, saya wartawan, saya boleh mendapatkan daripada polis Singapura siapakah pelacur yang paling banyak di Singapura sekarang, dari negara mana dan siapakah yang paling banyak menghantar wang menerusi BSN ke Kelantan, siapa? Kalau tidak dari anak-anak Kelantan – dari luar Kelantan, kerana apa? Kenapa? Masalah sosial, masalah sebab agama sudah mencandui sesuatu negeri. Agama bukan lagi menjadi sesuatu pegangan tetapi sudah mencandui – orang-orang yang mengundi kepada PAS juga orang-orang yang pergi ke Golok. Di mana dakwah? Di mana dakwah? Soal-soal ini kita harus melihat secara leibh luas dan kalau soal-soal Kerajaan Negeri Melaka membuang doktor-doktor daripada panel doktornya, mengambil tindakan terhadap bank-bank dan sebagainya, soal ini sepatutnya doktor-doktor.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** *[Menyampuk][Pembesar suara tidak dihidupkan]*

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya tidak mahu sebut...

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tergantung tadi.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tergantung, biar tergantung, biar mereka sendiri yang menyiasat sebab mereka menjadi kerajaan negeri – satu masalah sosial. Mereka boleh bertanya. Kenapa? Ini sejarah, sudah terkenal daripada dahulu lagi, masalah tidak diatasi. Kalau tidak boleh di Kelantan, di luar! Kita harus melihat daripada perspektif yang luas. Umpamanya, kalau sekiranya panel-panel doktor ini dibuang daripada panel doktornya, mereka harus sedar mereka telah menempah – bahawa mereka tidak lagi mengharapkan Kerajaan Barisan Nasional untuk berkuasa kembali di Melaka. Maka itu, kita harus membuang kerajaan ini walaupun mereka telah sekian lama membuat kekayaan daripada negeri Melaka. Apa yang kita hendak malukan, kita telah menggigit tangan yang menyuap nasi. Gunakan logik, dalam demokrasi demikianlah keadaannya, dalam politik demikianlah keadaannya.

Apakah Kerajaan PAS tidak membuang orang-orang UMNO sekarang. Ayat-ayat Quran yang dikeluarkan tadi lebih baik ditujukan kepada diri sendiri. Kita tidak boleh munafik, kita tidak boleh hipokrit, dalam Islam tidak membenarkan demikian. Kita tidak seharusnya membuat ucapan-ucapan yang mengelirukan, yang menimbulkan kekacauan pemikiran, yang boleh tidak mententeramkan perasaan rakyat sesudah kita melalui satu pilihan raya yang telah dapat kita kawal.

Demikian juga soal Tabung Haji tadi – siasat lebih dahulu. Demikian juga soal tentang tuduhan bahawa UiTM – adakah benar tentang bahawa kerajaan hendak menghapuskan. Pergi siasat dahulu, saya sendiri pergi memberikan forum di UiTM, saya mendapatkan penjelasan dan Timbalan Menteri Pendidikan, tolong jelaskan supaya rakyat tidak keliru apakah sebenarnya kerajaan hendak mengurangkan masa itu. Ia ada soal teknikal, soal teknikal. Inilah saya kata PAS, saya datang daripada

sekolah agama tetapi saya tidak mengerti apakah yang berlaku sekarang. Apakah kita harus membuat fitnah dan sebagainya.

Umpamanya, saya bukan tidak mahu supaya parti-parti pembangkang mempunyai suara-suara bebas, mempunyai akhbar-akhbar sendiri dan sebagainya tetapi saya sendiri membaca, saya tidak mahu membohongi di Dewan ini – di dalam *Harakah* ada disebut kalau Mahathir mati mesti ditanam di....apa ini....kalau di negara komunis itu kebanyakannya di.....saya lupa perkataan Inggeris ini, mereka tidak ditanam...maaf, saya hilang perkataan ini...*[Seorang Ahli menyampuk]* Mesti ditempatkan di mausoleum – ini dalam *Harakah*. Jadi, Mahathir itu kafir. Bagaimana ini? Saya boleh mencari sebab saya tidak bercakap sesuatu yang saya tidak baca, saya baca. Perbezaannya begini sahaja – antara media perdana dengan media yang gossip – Media perdana tidak boleh menyiarkan bahawa kalau rumah di Putrajaya, rumah Mahathir itu kita tidak mengatakan sebagai – kalau itu rumah, kita tidak mengatakan itu sebagai...lebih hebat lagi apa? *[Disampuk]* Bukan istana, apa nama? *[Disampuk]* Mahligai, tidak boleh! Itu mengelirukan, mislead the public. Tidak boleh, kena faham.

Kita tidak boleh menyiarkan umpamanya mengatakan, macam saya kata tadi, surat pembaca mengatakan bila Mahathir mati tidak harus dikebumikan tetapi dimausoleumkan, tidak boleh! Kita ada batas-batas, kita mempunyai wartawan-wartawan yang terlatih, dilatih di ITM, diambil daripada luar negeri dan sebagainya. Kita bukan pakai ambil, taruh sahaja kerja, kita pergi ke police station belajar do and don't, apa yang harus disiarkan, apa yang tidak harus disiarkan dan public mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap sebarang penyiaran yang liable tetapi malangnya orang-orang UMNO sendiri tidak mengambil tindakan –terlampau banyak liable yang dilakukan oleh *Harakah*, tidak ada kerana mungkin tidak mengambil berat atau tidak mahu pergi mahkamah – terlalu banyak. Kita terserah, so akhbar-akhbar perdana terserah. Kalau bersalah ambil tindakan, liable dan sebagainya. Lim Kit Siang hendak sue kita RM3 juta tetapi itu menunjukkan bahawa belum berkuasa lagi dia sudah mahu menutup mulut kita. Apatah lagi, kalau sudah berkuasa.

Jadi, masalah-masalah ini haruslah, apabila kita bercakap di Dewan ini biarlah, saya kira saya tidak menentang untuk sesiapa juga bercakap. Demikian juga diri saya sendiri tetapi biarlah fakta-fakta itu benar, umpamanya, adakah pihak PAS boleh menafikan bahawa orang-orang yang pergi mengerjakan haji tanpa menerusi Tabung Haji membawa bendera-bendera PAS dalam mengerjakan haji, umpamanya, bolehkah pihak PAS menafikan. Nafikan, saya mahu dengar penafian, saya persilakan orang-orang PAS di sini menafikan bahawa semasa mengerjakan haji mereka membawa bendera-bendera PAS, di Mekah, di tanah suci Mekah. Kita pergi Mekah untuk apa? Untuk apa? Silakan, saya mahu penafian itu dibuat oleh orang PAS, betul atau tidak?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin memberikan penjelasan terhadap persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** *[Menyampuk][Pembesar suara tidak dihidupkan]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Bukan, saya tidak ambil masa panjang. Yang pertama saya merasa pelik dan merasa hairan. Pertama, Yang Berhormat itu bercakap tentang kita tidak boleh membangkitkan perkara-perkara yang kecil tetapi yang dia bangkitkan semuanya benda-benda kecil. Jadi, terbalik – maknanya dalam satu majlis minta jangan bercakap perkara kecil tetapi dalam majlis itu juga dia menafikan kenyataan itu kerana beliau juga bercakap benda-benda yang kecil.

Kemudian saya hendak jawab masalah bendera. Saya tidak hendak menafikan tetapi bendera ini tidaklah menjadi salah. Saya pergi Mekah dua, tiga kali, macam-macam bendera ada di Mekah, boleh jadi itu sebagai tanda kepada jemaah mereka masing-masing, bukan tanda kerana dia ahli PAS tetapi jemaah itu ada tanda. Kadang-kadang ada bendera macam bendera Jepun. Tetapi itu tanda! Tanda bagi kumpulan jemaah 30 atau 40 orang. Adalah tidak menjadi suatu kesalahan sama ada dari segi

undang-undang di Saudi Arabia untuk kita menaikkan apa-apa jua tanda untuk kumpulan kita masing-masing. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih banyak. Dewan ini telah mendengar seorang wakil PAS mengatakan bahawa tidak salah, tidak salah, semuanya mendengar, wartawan-wartawan mendengar, tidak salah untuk membawa bendera PAS di Mekah, tidak salah, tidak salah dari segi undang-undang, dan juga dari segi, tidak salah dari segi undang-undang.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya berani memberikan keyakinan dan tuan-tuan semua barangkali sudah pergi Mekah, boleh lihat macam-macam bendera. Dari segi saya, saya katakan, sepanjang pengalaman saya, bahawa ia tidak salah, bukan sahaja PAS, siapa pun yang bawa bendera sebagai tanda, mengikut fahaman saya, tidak salah, dari segi syarak pun tidak salah, dari segi undang-undang Saudi pun tidak salah. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tidak salah, tidak salah. Jadi tidak salah untuk mempolitikkan kewajipan menunaikan fardu Haji, tidak salah, tidak salah. Dan saya membangkitkan .....

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Bangun*]

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Maaf, nanti saya beri peluang. Saya seronok tidak apa. Saya bagi peluang tetapi tuduhan Yang Berhormat Hassan Shukri tadi mengatakan saya memulakan, tidak.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Saya tidak membuat tuduhan, beliau mengatakan saya menuduh, saya tidak membuat tuduhan kepada sesiapa. Inilah yang menimbulkan perpecahan kerana yang bukan tuduhan dikatakan tuduhan.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tidak, anggapan, nanti tidak apa.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, Yang Berhormat, saya sebenarnya tidaklah panas sangat. Saya minta supaya dalam Dewan yang mulia ini, kalau kita hendak bercakap – beliau mula cakap tadi pun sudah lain macam.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, saya dengar saja baik-baik. insya-Allah. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya mengatakan bahawa – baik saya tarik balik perkataan tuduhan tetapi beliau menganggap bahawa saya yang memulakan satu debat yang hit tetapi semuanya bermula daripada tuduhan-tuduhan yang palsu yang tidak benar, kenyataan-kenyataan yang boleh menimbulkan anggapan yang salah. Ya, saya menjawab itu, jadi soalnya *hit* atau tidak, mungkin saya bercakap cara hitnya tetapi itulah bermula yang *initiated* kepada keadaan ini ialah saya perlu menjawab - siapakah yang mengatakan tentang pembuangan – Kerajaan Barisan Nasional membuang doktor-doktor di Melaka? Siapa yang mengatakan tadi? Siapa yang mengatakan kerajaan tidak adil kerana menyingkirkan orang-orang yang bekerja di bank di Melaka, siapa? Kenapa mengatakan saya yang memulakannya, tidak adil, tidak adil.

Saya hanya mungkin, barangkali tadi *hit* tetapi saya akan pergi kepada yang lebih tenang kemudian Ustaz Hassan Shukri atau Yang Berhormat adalah juga kawan saya. Fadzil Noor sendiri pun adalah kawan satu sekolah dengan saya, saya akan melihat, saya akan pergi mungkin mengambil masa yang panjang supaya kita melihat, melihat sebelum saya pergi kepada soal-soal yang lain supaya kita melihat walaupun pilihan raya telah 4 bulan berlalu tetapi Barisan Nasional khususnya UMNO dan juga parti-parti pembangkang, UMNO masih belum keluar daripada *trauma* kekalahan yang tidak diduga pada pilihan raya yang lalu dan PAS juga parti-parti pembangkang berada dalam satu histeria yang juga belum melihat kepada realiti yang sebenarnya.

Bagaimanapun kemenangan Barisan Nasional di Sanggang telah saya kira merealisasikan sikap dan pandangan mereka, maksud saya PAS dan juga UMNO bahawa segala-galanya tidaklah seperti yang difikirkan oleh mereka. Bagi UMNO menang satu undi pun sudah cukup untuk menyekat keyakinan rakyat kepada teori domino dan PAS segera terjaga dari mimpi-mimpi indahnyanya. Inilah sebenarnya realiti Sanggang. Dari *psychological impact* rakyat, PAS mengharapkan kemenangan di Sanggang itu akan menjadi suatu alamat, suatu tanda buruk bahawa kejatuhan akan berlaku di Pahang dan akan dituruti oleh lain-lain negeri. Tetapi PAS terjaga dari mimpi ini apabila Sanggang tidak mengisi mimpi-mimpi yang indah ini. Bagi UMNO, satu undi menang pun sudah cukup untuk menyekat keyakinan ini.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya berapa banyak UMNO menghabiskan wang dalam pilihan raya di Sanggang.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Terima kasih banyak. Itulah pertanyaan yang paling saya tunggu-tunggu iaitu walaupun berapa banyak wang yang dicurahkan, walaupun media digunakan, walaupun akhbar digunakan tetapi apabila rakyat memberi keputusan, rakyat tidak mempedulikan suara media walaupun media kerajaan, rakyat tidak mempedulikan wang. Mereka mengambil wang Barisan Nasional, mereka mengundi PAS. Kalau keyakinan bahawa kemenangan Barisan Nasional di Sanggang itu kerana wang, kita tidak melihat realiti yang sebenarnya, bahawa bagaimana PAS menang di Trengganu, bagaimana PAS menang di Kelantan dan bagaimana PAS menang di tempat-tempat lain. Apakah kerana wang? Apakah PAS yakin bahawa kemenangan itu kerana wang? Tidak. Di mana-mana di dunia apabila rakyat membuat keputusan, apa-apa sentimen rakyat telah berjaya dimenangkan oleh para pemimpin mereka akan mengundi kepada apa yang mereka yakin.

Tetapi pada saya, saya akan melihat, saya akan memberikan satu analisa bahawa kemenangan yang sebenarnya apa yang berlaku sekarang adalah suatu yang memberi amaran mengingatkan khususnya Yang di-Pertua PAS sendiri, kalau dalam bahasa Inggeris, bagi diterjemahkan apabila loceng kematian itu berbunyi maka sedarlah bahawa loceng kematian itu bukan untuk orang lain tetapi untuk diri kita sendiri. Inilah yang sedang berlaku kepada PAS sendiri. PAS harus melihat. Saya akan membawa, memberikan evident tentang bagaimana hal ini saya mengatakan kemenangan yang berlaku baru-baru ini kepada PAS ialah pencapaian daripada Dasar Ekonomi Baru yang diterapkan oleh Tun Razak, yang telah dimulakan oleh Tunku Abdul Rahman, dan itulah perkembangan-perkembangan yang sedang berlaku sekarang ini, tetapi kita lebih suka melihat masalah ini atau dari sudut *political eyes*, dari kaca mata politik dan bukan daripada kaca mata *sociology*.

Saya akan memberikan keterangannya satu-persatu, kalau ada masa nanti dan barangkali masa sudah tidak cukup [*melihat ke arah jam*] tetapi saya akan meneruskan pada petang ini dan saya tidak mahu perkara ini dilihat dengan sentimen politik tetapi harus dilihat dari kaca mata yang rasional, yang melihat dari aspek kedua-dua belah pihak.

Inilah saya katakan di sebalik cemuhan pembangkang dan juga media asing. Sebenarnya pilihan raya yang lalu ialah memberi kemenangan besar kepada pembangkang dan penubuhan sebuah kerajaan negeri, penyerahan Barisan Nasional sebuah negeri kepadanya adalah bukti bahawa demokrasi terus berkembang di Malaysia.

Penggunaan wang, media .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya. Laluan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta beginilah Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya. Kalau sudah menang pasal apa hendak marah PAS pula? [*Ketawa*] Itu yang saya hairan. Sudah menang jangan marah orang lain. Kita tahniah atas kemenangan itu dan kami alhamdulillah, bersyukur kerana kami kalah kerana kalah itu menjadi pengajaran kepada kami. Tetapi saya hendak bagi

ingat bahawa kekalahan PAS sebagai sebuah parti, itu bukan makna kekalahan Islam selama-lamanya. Saya ingin bagi tahu dalam Dewan ini, insya-Allah kami akan berjuang terus sampai mati, walau kalah sekalipun. Saya sudah kalah 4 kali, saya tidak pernah kecewa dalam pilihan raya. Jadi, saya ucap tahniah atas kemenangan, siapa saja yang menang.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat tadi sebut, kekalahan itu adalah kematian PAS .....

**Tuan Hassan bin Shukri:** Tidak, tetapi dia sebut kata ini tanda kematian PAS.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Jadi, saya sebut ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** ... bukan kematian Islam.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya, sila.

**Dato' Haji Ahmad bin Ismail:** Kita hendak tanya juga, dia kata kemenangan dia, dia bersyukur, yalah, Yang Berhormat berhak bersyukur tetapi kita yang menang lebih banyak, kita lebih bersyukur. Tetapi pokoknya, kita hendak tanya pertanyaan yang ditanyakan kepada rakan saya, apakah kemenangan di Sanggang itu disebabkan kewangan. Saya hendak tanya balik kepada Yang Berhormat, apakah kemenangan di Kelantan, Terengganu kerana PAS banyak menggunakan wang di sana. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Yang Berhormat, saya ingat saya tidak sebut pun marah, saya ingat dalam politik ini bukan soal marah, soal bila PAS, kalau PAS kalah pun PAS buat ulasan tidak senang juga, ya tidak. Kalau Barisan Nasional pun Barisan Nasional tidak senang, siapa yang marah, tidak marah, hendak marah apa, terimalah kekalahan masing-masing tetapi dalam hati masing-masing tu marahlah, sama ada keluar atau tidak keluar, bukan, jadi ini demokrasi. Ini soal marah tidak timbul, soalnya kita seperti saya juga apa yang telah Ustaz Hassan atau Yang Berhormat Hassan pernah me nyatakan bahawa kita dewan ini Dewan yang mulia.

Di samping saya hit tadi, saya akan kembali kepada soal-soal yang rasional, kalau suka hendak dengar, kalau suka tidak dengar pun tidak apa, iaitu kita melihat bagaimana masalah perkembangan masyarakat Melayu dalam satu masyarakat yang demokrasi iaitu kita rakyat di jalanan boleh melihat masalah negara dengan emosi tetapi kita di sini dan media utama berperanan untuk mendidik dan mengimbangi pemikiran rakyat supaya yakin kepada sistem yang telah teruji kepada parlimen dan kepada parliamenterian decorum.

Jadi, *behavior* tiap-tiap itu haruslah kita awasi dan perkara-perkara Yang Berhormat Hassan sendiri pun tahu bahawa *decorum behavior* ini bukan perkara baru, masa Datuk Asri, masa V. David, Bustamam dalam Parlimen dulu, dia orang datang dengan tidak mahu pakai kot, neck tie, sosialis dan sebagainya tetapi akhirnya kita sekat, tidak bagi masuk kemudian akhirnya dia orang balik, pakai – *confirm* kepada *the need of the parliamentarian decorum, fact* demikian pula kali ini kita melihat orang keluar. Ini sejarah berulang, tetapi kadang-kadang kita melihat kita belum masak atau ini suatu penerusan kepada demokrasi yang telah dimatangkan.

Kita terima benda ini, bila jawapan-jawapan pun kita bukanlah kita bertengkar, bukanlah kita bermusuhan, saya masih boleh bercakap dengan kakak saya, [*mengarah kepada Puan Jamilah binti Ibrahim*] hendak kata kakak ya, ataupun dengan ustaz selepas ini tetapi bagaimanapun kita harus mengakui bahawa sistem kita telah teruji dan apa yang dibangkitkan tadi tentang penggunaan wang, media, akta hasutan dan sebagainya, ini benda-benda yang bukan benda-benda yang baru, benda-benda yang telah pernah digunakan dan berkesan tetapi pilihan raya kali ini tidak berkesan. Jadi, kita terimalah ke nyataan yang sepatutnya kita terima iaitu kekalahan dan juga kemenangan di kedua-dua pihak.

PAS selamanya mendakwa bahawa ia adalah parti agama yang bukan sahaja menolak sekularisme tetapi mengutuk sekularisme sebagai segala punca maksiat dan kejahatan, itulah analisa pengertian saya terhadap PAS dari dulu lagi yang mungkin PAS tidak dapat menerima sekularisme. Segala kejahatan, kemungkaran sepertimana komunisme itu sendiri melihat kapitalisme itu sebagai punca segala *vices*. Dan, dalam beberapa hal komunisme dan ekstremisme agama ini ada kerjasamanya dan pernah bekerjasama. Kita jangan lupa sejarah Malaysia ini, siapakah pengerusi parti Komunis Malaya kalau tidak Ustaz Musa Ahmad. Yang Berhormat Hassan Shukri tahu bahawa ketua parti Komunis Malaya adalah ustaz, Samsiah Fakir adalah ustazah, sejarah ini, sejarah kebangkitan nasionalisme Malaysia yang ultra, yang ekstremis dan sebagainya. Dan ini telah dipatahkan oleh UMNO, dan mereka lari ke hutan-hutan untuk berjuang bersama dengan Parti Komunis Malaya dan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya, Cheng Peng. Ustaz Musa Ahmad *is a chairman of the* Parti Komunis Malaya, yang kemudiannya *settle down* di Beijing dan kemudian kita bawa balik, kita benarkan dia balik, kerana dia menangisi perjuangan yang lalu. Jadi ini bermulanya, jadi kerjasama antara ekstremisme agama dan juga komunisme pernah berlaku, sebab ekstremisme bertembung menjadi satu dalam keadaan-keadaan yang tertentu. Jadi ini harus kita lihat sejarah ini.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin boleh meneruskan ucapan yang saudara buat itu pukul 2.30 petang nanti. Jadi, mesyuarat jam 1.00 sekarang ditangguhkan sehingga 2.30.

*Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung ya. Datuk Zainudin bin Maidin.

**2.32 ptg.**

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya ingin memohon maaf kepada Dewan ini kerana mungkin saya agak emotional dalam penyampaian saya pagi tadi. Saya juga telah ditegur oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri di luar Dewan tadi bahawa saya tidak boleh mengatakan ayat Al-Quran – balik ditujukan kepada diri sendiri kepada Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim kerana ayat Al-Quran memanglah saya pun memahami, kerana ayat Al-Quran ditujukan kepada seluruh manusia. Tetapi saya merujuk balik kepada diri sendiri dalam hubungan di mana apa yang dikatakan dilakukan oleh Barisan Nasional adalah juga dilakukan oleh PAS sendiri. Maka ayat Al-Quran itu adalah untuk kedua-dua belah pihak, untuk semua umat manusia supaya tidak melakukan penganiayaan tetapi politik membenarkan segala-galanya.

Saya kira bahawa kita akan keluar daripada trauma dan juga histeria kita, kalau sekiranya kita melihat hasil-hasil pilihan raya lalu seperti yang saya tegaskan tadi bukan dengan kaca mata politik tetapi melihatnya dari segi kaca mata sosiologi. Kita cuba melihat dalam PAS sendiri bagaimana berlakunya kebangkitan ulama di dalam parti itu yang kemudiannya membelakangkan pelampau-pelampau Melayu ataupun *nasionalis Islamis* kepada pimpinan ulama. Kita cuba melihat proses ini. *The rise of the cleric* atau kebangkitan para ulama di Iran telah mempengaruhi perubahan parti ini yang serentak itu kita telah melihat perubahan dalam PAS yang menolak assabiah dan nasionalisme Melayu kepada pimpinan ulama.

Jika Yang Berhormat sekalian masih ingat bagaimana penyokong-penyokong PAS apabila berlaku pemberontakan di Iran. Apabila berlaku apa yang dikatakan kebangkitan Islam di Iran, penyokong-penyokong PAS telah membawa gambaran Ayatollah Khomeini ke mesyuarat satu Perhimpunan Agung PAS di Dewan Bahasa. Ini adalah sejarah, sejarah yang menunjukkan bagaimana hubungannya antara PAS dengan perubahan-perubahan yang berlaku di luar negara sendiri, maka dengan itu berakhirlah pimpinan nasionalis Melayu, terpisahlah parti itu dari penghayatan

pimpinan nasional Melayu yang dijuarai oleh Dr. Burhanuddin Helmi yang selalunya meneriakkan dalam Dewan ini, “*Ayam dikepek mati kelaparan*” dan demikian juga berakhirlah penghayatan terhadap apa yang dikehendaki oleh Allahyarham Zulkifli Muhammad, Hassan Adli dan lain-lain lagi yang pro Indonesia.

Perubahan ini kita melihat PAS tidak pernah suatu pendirian yang tetap, yang bersikap Malaysia yang mempunyai suatu identiti Malaysia iaitu perubahan-perubahan daripada suatu yang berkiblatkan kepada Indonesia, lalu berkiblat kepada Iran kemudiannya. Sejarahnya ialah sejarah-sejarah dan konfrantasi dan sebagainya di mana pemimpin-pemimpin parti ini telah ditangkap, ditahan sebagai penderhaka-penderhaka dan juga pengkhianat kepada negara ini. Hal ini adalah sejarah, sejarah yang tidak boleh kita lupakan bahawa kalau tidak, hal ini tidak berlaku, maka kita sekarang berada di tangan – kalau kerajaan gagal untuk mematahkan gerakan ini dengan sokongan daripada orang-orang yang berada dalam PAS sendiri, maka kita pada hari ini berada di bawah takluk Indonesia dan mungkin rakyat kita juga orang-orang yang mengheret mayat di jalan-jalan raya. Maka apabila berlaku perubahan daripada nasionalis Islamis kepada pimpinan ulama, maka pertalian hubungan dari segi nasionalisme antara UMNO dan PAS sudah tidak wujud lagi.

Mereka memandang UMNO yang nasionalis sebagai hina dan jijik, maka itulah apabila Anwar Ibrahim menyertai UMNO, Presiden PAS Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor dalam satu interviewnya dengan *New Straits Times* mengatakan bahawa Anwar telah masuk ke dalam tong najis dan adalah suatu kesilapan bagi Anwar untuk mencuci najis dengan memasuk dalam tong najis. Ini adalah *interview* dengan Joselyn Tan dalam *New Straits Times* telah disiarkan dan tidak boleh dinafikan.

Bagaimana dalam pilihan raya lalu pula terlalu ramai orang yang dianggap najis telah diterima untuk menjadi calon pilihan raya dan juga untuk menyertai parti ini tanpa penapisan lagi. Tidak lagi seperti apa yang berlaku sebelumnya. Pintu PAS terbuka untuk dimasuki oleh siapa – untuk dimasuki oleh sekularis, untuk dimasuki oleh sesiapa juga dan apa yang dilakukan oleh *Utusan Malaysia*, *Berita Harian* dan akhbar-akhbar yang dianggap prokerajaan untuk membesarkan kemasukan-kemasukan orang-orang PAS ke dalam UMNO. Inilah yang dilakukan oleh *Harakah*, oleh akhbar bahawa gambar-gambar penyertaan bekas orang-orang UMNO ke dalam PAS. Keterbukaan mulai berlaku.

Jika kita melihat dari kaca mata politik ini adalah sebagai suatu kemenangan politik PAS tetapi keadaan adalah sebaliknya. Orang-orang UMNO khususnya selalu melihat dan mengharapkan bila orang PAS jadi UMNO, maka itu bererti kemenangan kepada dasar-dasar Barisan Nasional. Perkara ini tidak mungkin akan berlaku sampai bila-bila pun tetapi bagaimanapun perubahan sosial biasanya berlaku di mana juga di dunia, tidak berlaku demikian, tidak berlaku kerana orang PAS masuk UMNO ataupun kerana orang-orang Labour Party masuk Conservative Party di United Kingdom umpamanya, tidak berlaku demikian tetapi perubahan sosial berlaku dalam ‘penyerdapan’ dan penerapan nilai-nilai yang disuburkan oleh sistem negara ke dalam semua aspek kehidupan masyarakat dengan penapisan-penapisan yang tertentu, yang belum nampak dengan jelas tetapi hal inilah yang berlaku dengan keterbukaan minda, keterbukaan pintu PAS dan sebagainya untuk kemasukan tanpa memilih, tanpa bukan orang-orang ulama lagi tetapi adalah juga kalangan-kalangan *profesional engineers*, *doctors* dan sebagainya.

Ini adalah suatu kejayaan, kita mengharapkan semua kejayaan Dasar Ekonomi Baru melahirkan para profesional Melayu, melahirkan cendekiawan Melayu dan orang-orang ini semuanya akan masuk UMNO. Tidak, dalam perubahan sosial tidak berlaku, penerapan berlaku dalam semua bidang. Penerapan berlaku ini adalah satu tanda baik, satu kejayaan kepada Dasar Ekonomi Baru itu sendiri dan kita dapat melihat la gi bagaimana perubahan ini, perkembangan ini berlaku dalam politik sendiri.

Saya masih ingat Almarhum Tunku Abdul Rahman, telah cuba untuk menyeludupkan orang UMNO ke dalam PAS sebab bagi Tunku orang agama ini tidak tahu apa. Itulah pandangannya, tidak boleh perintah negeri dalam beberapa hakikat

pun. Saya percaya ini pun betul juga. Saya sendiri pun dari sekolah agama kerana kita mempunyai pendidikan yang lebih luas, ke Al-Azhar kemudian diimbangi oleh pendidikan dari Barat dan kita akan menjadi seorang pentadbir yang baik dan sebagainya. Hakikat ini tidaklah boleh kita nafikan.

Tunku Abdul Rahman telah cuba hantar siapa ke dalam PAS. Orang itu telah mengakui dalam satu *interview* dengan *Mingguan Malaysia* sebelum pilihan raya. Tunku mengatakan “*Masuklah, pergilah betulkan PAS ini. Susah dia orang ini. Dia orang tidak reti.*” Itu yang Tunku katakan. Siapa yang dimaksudkan, ialah Wan Mustafa, seorang peguam, dimasukkan ke dalam PAS untuk membetulkan, untuk menjadikan PAS supaya memahami keadaan yang sebenarnya. Tidak lagi berada dalam ‘kesyumudan’, ketaksuban, kefanatikan. Itulah tujuan Tunku tetapi akhirnya Mustafa menjadi orang yang tertekan di dalam PAS dan tidak berupaya untuk bangun semula sehingga ke hari ini.

Perlulah diingatkan juga bahawa pengundi-pengundi PAS di dalam pilihan raya yang lalu bukanlah tok-tok lebai, bukanlah hanya orang-orang kampung tetapi juga adalah orang-orang yang tidak memahami dasar PAS itu sendiri. Tumpuan mereka lebih kepada soal untuk membawa perubahan sosial yang diilhamkan oleh ‘mata lebam’ dan bukan kerana penghayatan terhadap Islam itu sendiri. Kalau kita menyangka bahawa kemenangan-kemenangan PAS itu kerana penghayatan terhadap Islam, itu adalah suatu kekeliruan, suatu salah faham yang amat besar kepada PAS sendiri. PAS sendiri harus menyedari hakikat ini, ini adalah suatu hal yang sementara, suatu kesempatan yang telah dipergunakan sepenuhnya oleh PAS untuk mendapat sokongan rakyat daripada peristiwa ‘mata lebam’. Itulah yang sebenarnya, bukan hakikatnya suatu kebangkitan Islam yang telah difahami, banyak kali salah faham tentang kebangkitan Islam.

Suatu masa dahulu mereka salah faham tentang kebangkitan Iran sebagai satu kebangkitan Islam tetapi apakah sebenarnya kebangkitan Iran itu sebagai satu kebangkitan Islam? Apakah benar, tidak ada dalam sejarah Islam suatu pembunuhan umat Islam yang paling besar, berjuta-juta orang Islam mati. Tidak pernah berlaku di dalam sejarah Islam kecuali peperangan Iraq dan Iran, pembunuhan sesama Islam antara Iran dan Iraq. Itu yang dihayati sebagai suatu kebangkitan Islam. Apakah sebenar ini sebagai satu kebangkitan Islam atau suatu keruntuhan Islam yang paling dahsyat dipergunakan oleh Amerika? Kita berbangga dengan suatu kekosongan tanpa melihat kekuatan diri kita sendiri. Bagaimana kita membangun diri kita sendiri untuk *survive*, untuk menjadi kuat, dalam tekanan dengan hidup bersama bukan orang Islam. Kita *survive*, kemunculan para cendekiawan kita, kemunculan orang-orang yang berijazah mengambil alih tempat-tempat yang dahulunya didukung, dipegang oleh orang-orang bukan Islam di negara kita. Kita lupa, kita mengambil hal-hal remeh-temeh tetapi soal-soal besar, penguasaan.

Dahulu pergi ke hospital – siapa di hospital? Sepuluh tahun dahulu, sebelum 1969, siapa – seolah-olah kita cepat melupakan. Generasi muda tidak tahu, tidak ada klinik-klinik seperti yang banyak di Terengganu, Kelantan dan sebagainya yang dipunyai oleh orang Islam, tidak ada. Orang-orang Islam merasa terbuang bila pergi ke Hospital Besar, Kuala Lumpur. Tidak ada doktor-doktor Islam.

Orang Islam tidak ada muka untuk masuk ke Hospital Pantai, tidak ada, tidak ada wang. Bila berlaku 13 Mei seolah-olah kita merasa diri kuat. Dengan kepalsuan. Tiba-tiba empat lima hari selepas 13 Mei baru orang Melayu menyedari kekecilan diri untuk mencari beras pun tidak ada. Dan hal ini kalau tidak tanpa pertolongan orang-orang MCA dan sebagainya maka kita akan menghadapi satu masalah yang paling berat pada masa itu. Tetapi hakikat inilah, perkembangan-perkembangan inilah yang berlaku yang harus kita sedari.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam huraian yang dibentangkan oleh Datuk Yang Berhormat tadi saya ingin minta penjelasan kepada ayat Allah dalam surah al-Nasri [*membaca sepotong ayat al-Quran*] Apabila kemenangan itu Allah akan beri maka ramailah berpuak-puak umat Islam yang

sedar akan cari Islam maka Allah mengarahkan kita supaya kita beristigfar memohon keampunan daripada Allah. Jadi di mana kita hendak mentafsirkan realiti ayat ini dengan perkembangan semasa. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Realiti ini harus ditafsirkan menurut pemahaman tentang proses sosialisasi dan juga proses politik yang berlaku di Malaysia dan juga di antarabangsa. Bagaimana kita melihat kebesaran itu kalau kita tidak dapat melihat kebesaran diri kita sebagai orang Islam saya rasa kita kecewa. Bagaimana adakah kita berada di tahun 1969 dulu? Di mana kita dapat sekarang ini umpamanya satu contoh yang kecil sahaja di mana kebesaran Islam itu harus kita tengok secara pragmatik. Adakah Yang Berhormat mimpikan hotel-hotel akan mempunyai tanda kiblat. Tanda kiblat di setiap hotel. Adakah hal ini boleh berlaku tanpa kekuatan umat Islam, tanpa kemampuan umat Islam untuk tinggal di hotel-hotel besar. Bagaimana ini berlaku? Bagaimana surau-surau ada di hotel-hotel? Kerana Petronas, Pemas menguasai hotel-hotel besar. Siapa yang menguasai Pemas, siapa Petronas? Bagaimana kita melihat, melahirkan orang-orang yang dapat menguasai Petronas.

Dulu semasa mula-mula kita melancarkan Petronas untuk exploring minyak di laut. Kita mengambil orang-orang daripada Itali dan sebagainya. Sekarang orang-orang Melayu menjual expertisanya kepada Vietnam dan sebagainya - orang Islam. Kenapa kita tidak melihat ini. Kita melihat hal-hal yang kecil-kecil. Kita tidak melihat dalam satu perspektif yang lebih luas. Inilah saya kata kesempitan fikiran di mana penguasaannya mudah. Oh, bagi Allahu Akbar, semuanya jadi, tidak. Satu penyusunan strategi yang berani yang telah diasaskan oleh Tun Razak tanpa memperdulikan apa juga suara-suara dari luar. Dari semasa ke semasa Barisan Nasional menghadapi tekanan daripada media asing. Semasa Tun Razak mengambil alih, Tun Razak dikutuk, dihentam, dikata yang bukan-bukan oleh media asing dan sekarang Mahathir menghadapi masalah yang sama. Sejarah itu berulang.

Inilah kalau hendak melihat di mana ayat kita tadi. Saya tidak dapat memperterjemahkan sekarang. Kebesaran, keupayaan ulamak kita daripada awal daripada Allahyarham Syeikh Abdul Halim, Syeikh Othman, beberapa orang lagi yang telah mengajar kita untuk hidup bersama dengan orang-orang bukan Islam. Toleransi, tetapi malangnya ada orang yang belajar Islam daripada Pakistan, daripada Sudan dan mengajar perkara-perkara yang luar, yang kulit apa yang berlaku? Pembunuhan di Pakistan. Apa yang berlaku di Sudan? Apa yang berlaku di Algeria? Pembunuhan sesama Islam atas nama Allah. Apakah ini yang kita mahu jadi di Malaysia? Kenapa kesedaran ini tidak dibangunkan. Kenapa kita turut dalam suatu agenda media asing untuk menghancurkan pemikiran, untuk menghapuskan keyakinan kepada diri kita sendiri. Setelah kita bangunkan daripada awal, 40 tahun dulu. Soal-soal ini yang harus kita lihat relevannya dengan ayat yang Puan kemukakan tadi.

Saya melihat bahawa perkembangan yang berlaku kepada PAS sekarang ialah suatu perkembangan sosial yang pada akhirnya akan membuka kewujudan dan menjadikan PAS lebih progresif dan akan mematahkan ekstremisme dan juga fanatisme dalam PAS sendiri dan PAS akan menjadi semakin rasional. Dan saya suka mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada DAP yang telah memainkan peranannya untuk merasionalisasikan PAS untuk membawa kesedaran PAS kepada keadaan realiti masyarakat Malaysia atau Malaysian taste jika mahu survive. Apa pun juga dikatakan mungkin perhitungan umpamanya saya bawa contoh-contoh tetapi lebih baik saya tengok teks saya sendiri takut saya terlanjur kepada perkara-perkara yang lain.

Mungkin kita melihat kerjasama PAS dan DAP sebagai rasional politik untuk kemenangan politik untuk kepentingan bahawa kita telah dapat satu lawan satu. Inilah satu senjata politik yang paling berkesan. Tetapi kita harus melihat jauh. Jangan hanya melihat dari segi politik. Dia kita harus melihat bila kerjasama ini berlaku apakah sosial impaknya ke atas pengaruhnya ke atas merasionalisasikan pemikiran pengikut-pengikut tiap-tiap parti, iaitu BN tidak boleh mengatakan oh, ini kita harus terima Islam begini dan DAP pula harus mengatakan atau PAS mengatakan tidak mengapa kita benarkan orang minum arak dulu tidak apa, orang-orang bukan Islam

tidak apa. Kita tidak boleh kalau Barisan Nasional pergi mengatakan ini kepada PAS, PAS tidak boleh terima.

Tetapi ini sikap yang rasional ini telah dipengaruhi oleh DAP ke atas PAS sendiri. Itulah hakikatnya bila apabila Lim Kit Siang pada mulanya Hadi sebagai Menteri Besar Terengganu begitu gigih untuk melaksana kharaj, tetapi akhirnya bila menemui Lim Kit Siang apa katanya, nanti kita tengoklah kharaj ini kalau orang bukan Islam terima kita buatlah, kalau tidak terima tidak usah buatlah. Ini rasional. Mungkin itu rasional politik sebab Hadi memikirkan masa depan PAS dan juga DAP memikirkan masa depannya. Jadi suatu rasional. Tetapi rasional ini diterima oleh rakyat bukan secara politik.

Jadi hal-hal ini umpamanya PAS-DAP baru. Ini dalam soal ini. Kita harus sedar. PAS dan DAP baru hendak memulakan satu proses yang telah dimulakan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Chia Tun Lock, Tan Siew Sin, Sambanthan dan lain-lain lagi 40 tahun dahulu. BN tidak berjaya untuk membawa mereka ke dalam Barisan Nasional tetapi mereka sendiri sedang memproseskan diri mereka untuk menerima realiti masyarakat Malaysia, iaitu *Malaysian taste*. *Malaysian taste* yang menolak sifat-sifat kearaban, kecinaan yang melampau, kejumudan, fanatisme dan sebagainya. Proses itu sedang berjalan mengoreksi diri sendiri di dalam parti itu sendiri. Itu yang sedang berlaku sekarang. Tetapi tanpa sedar. Ini berlaku tanpa sedar. Di mana-mana pun berlaku tanpa sedar. Suatu perubahan sosial yang paling besar sedang berlaku di Malaysia sekarang. Pelakon-pelakonnya ialah DAP dan PAS dan kita adalah penonton-penontonnya. Maka itu apa yang berlaku adalah suatu kemenangan saya kira terhadap dasar nasional, terhadap cita-cita Barisan Nasional, terhadap falsafah yang hendak diteraskan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman iaitu toleransi, *compromise* dan muhibah. Hanya cara berlakunya perkara ini adalah tidak sama.

Tetapi inilah yang sedang berlaku setelah 40 tahun merdeka, setelah cara-cara yang kita jalankan gagal tetapi secara penyertaan orang-orang yang rasional, orang-orang akademik, *lawyer* dan sebagainya ke dalam PAS, orang-orang seperti Hasan Ali, Kamaruddin Jaffar – orang-orang ini tidak percaya apa yang mereka baca dalam *Harakah*. Orang intelektual tidak percaya. Orang-orang yang mempunyai akademik disiplin tidak akan percaya mereka padanya ada akademik disiplin yang akan seorang peguam membaca bukan dengan cara kita membaca. Bukan dengan cara orang biasa membaca. Bukan dengan cara orang-orang kampung baca. Bukan dengan cara pengikut-pengikut yang tidak tahu apa-apa. Mereka akan analisa perkara ini dan akan menyebabkan mereka ini suatu masa dan juga tekanan-tekanan inilah yang sedang membawa perubahan ke dalam PAS sendiri tanpa sedar umpamanya dari segi pakaian. Apakah yang diharapkan oleh Terengganu? Ini saya baru pergi ke Terengganu. Saya pergi ke kampung-kampung, saya masuk ke kampung-kampung. Apakah yang diharapkan oleh Terengganu bila PAS berkuasa.

Mereka mengharap orang-orang yang menjadi ahli Dewan Undangan Negeri akan memakai jubah atau memakai kopiah lebai menghadiri Dewan Undangan Negeri. Tetapi lain jadinya. Mereka memakai pakaian *cot*, *necktie*, *suit* Melayu dan sebagainya. Dulu di Kelantan - Tuan Yang di-Pertua lebih tahu orang-orang UMNO dikenali sebagai berkopiah. Orang PAS berkopiah hitam. Orang PAS kopiah putih - senang. Sekarang tidak ada. Orang-orang PAS yang menghadiri Parlimen sekarang semua memakai pakaian Melayu, *cot*, *tie*. Perubahan, tekanan sosial, masa depan politik, *survival*, *realiti*, *the Malaysian taste*.

Maka itu apabila Presiden PAS, Saudara Fadzil Noor, kawan saya hanya senior satu tahun dari saya di Mahmud College Alor Setar, apabila dia mengatakan UMNO tidak relevan lagi, Mahathir tidak relevan lagi tetapi yang sebenarnya suatu hanya masalah masa, Fadzil Noor tidak akan relevan lagi, Nik Aziz tidak akan relevan lagi dan orang-orang kejumudan di dalam PAS akan beransur-ansur beralih menyesuaikan dirinya dengan perasaan Malaysia untuk *political survival* tetapi faedahnya ialah kepada seluruh rakyat Malaysia untuk melihat masalah-masalah

dengan pemikiran yang terbuka, dengan keyakinan yang lebih besar, dengan kemantapan Islam dalam suatu asas yang lebih benar daripada suatu khayalan.

Hal ini pasti akan berlaku seperti keyakinan kalau Ustaz Hassan Shukri mengatakan bahawa dia yakin kepada kebangkitan Islam, saya yakin kebangkitan Islam kepada cara-cara yang telah kita lakukan sebab tidak akan ada ribuan anak Melayu di luar negeri. Tidak akan ada anak-anak Melayu yang menguasai seluruh institusi pelajaran yang merupakan untuk indoktrinasi pemikiran-pemikiran Islam tanpa penguasaan UMNO sendiri. Ini harus dilihat tidak ada apa-apa. Ini realiti satu persatu dan adalah malang UIA itu dikatakan orang lain tetapi UIA itu adalah pemikiran Mahathir sendiri. Hal ini orang tidak tahu. Siapa yang tahu? Inilah...

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Saya rasa dalam menuju ketamadunan, kecemerlangan pendidikan bukan dibawa oleh Barisan Nasional dan UMNO. Tetapi Rasulullah menyatakan [*membaca sepotong ayat*] itu ketamadunan yang dibawa oleh Islam berbelas abad yang lampau. Jadi sesiapa yang prihatin dan hendakkan kepada suatu pencapaian, ketamadunan, kecemerlangan hidupnya dia akan menuju kepada mengoreksi dan menuju kepada pendekatan itu.

Dan suatu lagi saya ingin menyebut sentuhan tadi apakah DAP yang menyuruh kerajaan Kelantan untuk mengeluarkan ataupun untuk menyekat premis minuman arak di depan khalayak ramai. Apakah DAP menyuruh? Bukankah atas kesedaran ulamak warasatul ambiyak dari segi rasionalnya. Terima kasih.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil sama dalam perbincangan pada petang ini. Saya rasa puan-puan, tuan-tuan yang dihormati sekalian juga tentu mengingati suatu ayat Allah [*membaca sepotong ayat al-Quran*] Selalu dibaca apakah kita selesai Majlis. Maknanya, Allah mengatakan demi waktu Asar dan ada setengahnya mengatakan demi masa. Bahwasanya manusia itu dalam kerugian, yang tidak rugi ialah orang yang melakukan amal soleh.

Jadi dalam maksud amal soleh dan konsep amal soleh kita kena memahami, tidaklah konsep amal soleh ini sekadar melakukan sembahyang lima waktu, puasa di bulan Ramadan dan juga naik haji ke Baitullah, tetapi dalam konsep amal soleh itu luas. Skop dia luas di antaranya saya khawatir dan saya takut pada suatu masa nanti di Padang Mahsyar Mahathir seorang yang masuk syurga. Sebab yang mana kita tahu Dr. Mahathir banyak melakukan kerja-kerja amal soleh, di antara yang kecil amal soleh yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w ialah membuang sampah di jalan, itu paling kecil, tetapi bagaimana jika bukan sahaja sampah, 'ditrektor', 'dibullozer' jalan dan sebagainya untuk dilalui oleh manusia-manusia yang ada di muka bumi di Malaysia ini. Begitu juga di antara amalan soleh juga yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, di antaranya mengatakan [*bercakap di dalam bahasa Arab*] Rasulullah s.a.w juga menekankan – itu di antara syair Arab maknanya, kedua-dua kita hidup hendakkan ilmu di dunia pun ilmu, di akhirat pun hendakkan ilmu. Untuk 'jabatan' kita ke akhirat kita hendakkan ilmu, kerana itu di hari ini mana kita tahu bahawasanya pemerintah kita pada hari ini melaksanakan berbagai-bagai ilmu dengan mendirikan segala-galanya universiti, maka ini bukannya di antara untuk menjalani manusia di atas muka bumi ini untuk ke akhirat yang kita doa [*membaca doa dalam bahasa Arab*].

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi yang mana dia mengatakan di antara ucapan tadi di antara pelajar-pelajar kita yang di ITM digantung. Jadi kita tahu yang mana yang penggantungan ini juga saya rasa ada sebab musababnya. Yang mana di antaranya ialah kerana mereka ini banyak menggugat kerajaan yang mana saya tahu, saya sendiri pergi menghadiri di dalam pilihan raya di Sanggang baru-baru ini saya berhampiran dekat dengan anak-anak kita UIA, yang mana dia menghentam kerajaan begitu teruk sekali. Bahkan ada yang mendabik dada, dia kata wahai makcik saya ke UIA bukan daripada kerajaan tetapi bapak saya daripada korporat. Saya tanya wahai anakku yang korporat itu daripada mana. Tidakkah itu yang di bawa oleh kerajaan

kita pada hari ini yang telah mengglobalisasikan, yang telah mengglobalkan negara kita ini sehingga meletakkan orang Melayu yang dahulunya tidak ada apa-apa tetapi pada hari ini diletakkan di pejabat-pejabat dan diletakkan di mana-mana juga. Maka itu adalah di antara perjuangan UMNO dan juga dikatakan juga tadi kita tidak mahu maknanya mereka tadi adalah aset negara. Anak-anak di universiti itu adalah aset negara. Jadi kita tidak mahu aset negara itu telah 'diviruskan' maknanya didatangi oleh kuman-kuman, jadi kerana itu saya rasa tidak salah kalau kerajaan kita membuang mereka ini kerana kita takut virus itu akan menjalar ke serata universiti. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyambung sedikit, kita tidak menafikan ayat Al-Quran tetapi sebenarnya apa yang terlaksana Allah juga minta kita berikhtiar bersungguh-sungguh yang disebutkan dalam satu hadis, Rasulullah pernah menegur seorang sahabat yang meninggalkan untanya tanpa ditambat. Rasulullah minta unta itu ditambat maknanya kita tidak boleh berserah terus, perlu ada ikhtiar. Dalam realiti politik, kita lihat kalau hendak katakan ini akan berlaku sekadarnya, seianya, kita lihat ada negara-negara yang lebih lama merdeka daripada kita, lihat pembangunan mereka. Kita lihat negara jiran, satu kumpulan umat Islam yang jauh lebih besar daripada kita, apa telah berlaku, apakah ini tidak ada kena-mengena dengan kebijaksanaan yang bagaimana yang Barisan Nasional buat pada hari ini. Yang boleh memberikan kemakmuran kepada semua dan juga di samping kita mendaulatkan agama kita.

Jadi ini realiti, kita tidak boleh menggunakan ayat Al-Quran sewenang-wenangnya dan menolak apa yang telah berlaku sekarang ini. Terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya ingin menjawab secara ringkas kepada Yang Berhormat Jamilah tadi iaitu tentang tamadun yang datangnya daripada Allah tetapi bagaimana manusia memberikan fikiran dan sebagainya. Adakah bahawa selalunya ini bukan satu perkara yang luar biasa iaitu kita dengar sekarang banyak pegawai kerajaan, *student*, bukan semua pegawai kerajaan pelajar mahasiswa, itu tanggungjawab kerajaan untuk memberikan jalan raya, tanggungjawab kerajaan memberikan *scholarship*, tanggungjawab kerajaan memberikan bantuan, itu selalunya dalam pilihan raya, itu tanggungjawab, tiap-tiap kerajaan kena bagi. Tetapi mereka tidak pernah bertanya, pernahkah kita bertanya kepada diri kita sendiri bagaimana kita sampai kepada peringkat di mana kita boleh memberikan semua ini. Membawa jalan raya sebagai tamadun, memberikan pelajaran sebagai tamadun, memberikan keselesaan hidup sebagai tamadun, membolehkan sembahyang di hotel-hotel sebagai tamadun. Apakah ini tidak menampakkan kekuatan, jadi tamadun ini datang dengan bagaimana? Tamadun ini datang daripada dasar-dasar daripada awal yang terpaksa kerajaan menerusi pertumpahan darah.

Pertama sekali kita menentang komunisme, askar-askar, perajurit-perajurit kita, polis-polis kita menentang termasuk orang-orang ekstrem agama yang masuk ke dalam hutan. Itu yang menentang daripada orang-orang ekstrem agama sendiri. Kita terpaksa menentang mereka, dan Shamsiah Fakir dalam interviewnya dengan TV3 sekarang tidak lama dahulu dia sendiri mengakui bahawa dia merasa hendak menangis melihat apa yang berlaku sekarang. Dia seorang komunis. Mudah untuk mengatakan kerajaan kena buat itu, kerajaan kena buat ini tetapi bagaimana kita sampai pada peringkat ini, pernah kita bertanya kepada diri kita sendiri.

Kita terpaksa memerangi komunisme, kita terpaksa memerangi sosialisme, kita terpaksa memerangi kapitalisme agama, kita terpaksa memerangi caivinisme China dan sebagainya. Suatu proses yang terlalu lama, demikianlah saya katakan permulaan apabila saya katakan apa yang dilakukan oleh DAP dengan PAS adalah suatu permulaan yang telah dilakukan oleh Tengku dengan MCA dan MIC bukan mudah, tidak senang, banyak masalah kita banyak masalah orang Melayu hendak Bahasa Melayu dengan sepenuhnya tidak mahu bahasa Inggeris berlaku. Tidak mahu langsung bahasa Inggeris, *Utusan Melayu* dibakar di Dewan Bahasa dan Pustaka kerana kita mahu Bahasa Melayu, mahu Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Siapa yang membakar? Di antara orang yang membakar itu ialah orang-orang yang sekarang

yang memulaukan, menganjurkan pemuluan dengan *Utusan Melayu*, namanya saya tidak perlu bagi.

Wartawan *Utusan Melayu* cuba ditolak ke dalam api yang dibakar di Dewan Bahasa kerana kita mahu bahasa Inggeris dikekalkan sebagai bahasa kedua. Walaupun *Utusan Melayu* terpulang kepada orang Melayu tetapi kita tidak pernah hilang rasional kita. Di mana kekuatan untuk membawa pemodenan Melayu, pemodenan yang dikatakan dikehendaki oleh Allah. Itu harus kita faham. Bagaimana? Adakah semua itu dengan begitu mudah! Tidak?. Inilah yang salah faham kita ini, disebabkan pemahaman di pihak sana ialah bila menjeritkan Allahhu Akhbar maka kita semuanya sudah besar, tidak. Kalau kita menjeritkan Allahhu Akhbar tetapi kita minta sedekah di Kuala Lumpur, kalau Kuala Lumpur ini kotor, kalau orang-orang Islam tinggal di rumah-rumah yang miskin tidak ada maruah bagi orang Islam. Ini maruah yang telah dibangunkan, inilah pemodenan, inilah tamadun yang telah dikehendaki oleh Allah Taala tetapi kita telah jayakan dengan pemikiran, dengan keupayaan dengan melihat di mana sepatutnya kita bangun.

Jadi dalam soal ini saya tidak mahu berfikir panjang lagi. Pada akhirnya saya hanya akan menyentuh satu perkara yang saya harap saya tidak terlanjur iaitu satu perkara yang sangat penting lagi dan inilah satu perkara yang terakhir iaitu tentang masalah peranan mufti-mufti di negara ini. Saya tidak menafikan bahawa krisis telah berlaku antara raja-raja, sultan-sultan dan rakyat sejak sebelum merdeka hingga selepas merdeka. Berlaku di antara UMNO dan raja-raja. Saya tidak mahu mengulangi sejarah tetapi apa pun yang berlaku UMNO telah memantapkan institusi diraja dengan mewujudkan dalam Perlembagaannya Yang Di-Pertuan Agong dan raja-raja sebagai ketua agama.

Ini ditekankan dalam Perlembagaan Malaysia iaitu Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa Islam adalah merupakan agama bagi Persekutuan, sultan atau raja-raja adalah menjadi ketua agama Islam bagi negeri-negeri yang beraja dan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah menjadi ketua agama bagi negeri-negeri yang tidak beraja termasuk wilayah-wilayah persekutuan.

Perdana Menteri yang pertama pernah berkrisis dengan Sultan Selangor dan saya sendiri pernah menghadap Sultan Selangor kerana pemberitaan mengenai krisis ini. Perdana Menteri Mahathir terlibat dengan krisis Perlembagaan dengan raja-raja dan krisis ini lebih bersifat untuk menjelaskan kuasa raja dan tidak bermaksud untuk menghapuskan raja-raja, iaitu menjelaskan kuasa raja dan tujuannya pada akhirnya untuk memartabatkan institusi raja itu sendiri.

Kuasa raja dalam soal agama tidak pernah dipertikaikan, malah dimantapkan. Tetapi beberapa perkembangan yang berlaku dalam masa pilihan raya dan sesudah pilihan raya menimbulkan pertanyaan dan keraguan sama ada pihak parti pembangkang terutamanya PAS sendiri mahu mengekalkan – saya ingin bertanya dan saya perlu ditegaskan adakah PAS mahu mengekalkan kuasa raja-raja sebagai ketua agama bagi negeri dan wilayah. Saya menghadiri sembahyang Jumaat di masjid Taman Melawati. Di mana seorang imam telah mendakwa, seorang imam ini khatib dan juga boleh menjadi imam, dia seorang penyokong kuat PAS diketahui di Taman Melawati. Dia mendakwa bahawa gereja lebih banyak daripada masjid, satu pembohongan dalam masjid yang dilakukan oleh orang PAS, maaflah ya. Dan dia apabila sampai kepada doa untuk kesejahteraan Sultan Selangor dia tidak membacanya, dan saya percaya hal ini tidak sahaja berlaku di masjid di Taman Melawati. Saya percaya hal ini tidak berlaku apabila sampai kepada doa untuk sultan atau raja-raja mereka diaman. Kelemahan majlis agama atau jabatan-jabatan agama Islam telah menyebabkan telah membiarkan hal ini berlaku dengan sewenang-wenangnya, terutamanya dalam masa pilihan raya.

Kebanyakan jabatan-jabatan agama, hal ini jelas umpamanya – kemudian – di Terengganu sekarang saya hanya memberikan fakta, saya tidak menuduh, saya memberikan fakta-fakta yang berlaku dengan benar. Di Terengganu Ketua Dewan

Ulama PAS, Harun Taib telah membuat satu kenyataan kepada akhbar bahawa teks Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau JAIT Terengganu tidak perlu dipakai. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri di Terengganu juga sekarang sedang mengambil peranan-peranan khatib-khatib yang dilantik untuk memberikan khutbah Jumaat di masjid-masjid Terengganu. Ahli Parlimen Kuala Nerus mengakui bahawa beliau mengetepikan khutbah Jumaat semasa menyampaikan khutbah pada 7 April lalu. Imam masjid Bandar Marang, Mohamad Omar memberitahu media pada 10 April bahawa pekeliling JAIT bertarikh 28 Mac, sama ada benar atau tidak disahkan oleh sultan saya tidak tahu, menurut dakwaan daripada Harun Taib bahawa tidak dirujuk kepada Hadi tetapi tidak tahu sama ada sultan telah melihatnya atau telah dirujuk kepada sultan. Arahan pekeliling telah dibuang oleh seorang imam muda. Ini kenyataan imam masjid Bandar Marang, Mohamad Omar.

Terdapat mufti dan pegawai-pegawai agama yang tidak berani bertindak untuk membetulkan penyelewengan dan penyalahgunaan masjid dan sebagainya yang berlaku sekarang. Mereka tidak menyedari bahawa kuasa mereka telah diambil oleh para pemimpin politik. Mungkin mereka terfikir bahawa apabila orang-orang ini berkuasa kelak maka mereka akan mendapat tempat. Sebab orang lain memakai uniform yang sama dan pemikiran mungkin sama, mungkin golongan kita.

Jadi tidak harus bimbang terhadap kemunculan *'the rise of the cleric'*, tidak harus membimbangkan. Jika ini yang mereka fikirkan yang menyebabkan mereka mengambil sikap membisu terhadap segala macam kekeliruan yang ditimbulkan dari ulama-ulama politik maka mereka tidak akan menjadi ulama yang dihormati lagi. Ulama-ulama dan mufti telah mendiamkan diri terhadap kenyataan-kenyataan yang dibuat mengenai yang telah diketahui, yang tidak pernah dinafikan, saya tidak tahu kalau *'Datuk Hassan Shukri'* hendak menafikan iaitu kenyataan menyatakan Tuhan membenarkan mencarut dan juga boleh berkawan dengan syaitan. Itu dibuat oleh Tok Guru Nik Aziz. Ini lebih besar daripada apa yang kita hebohkan tentang Mahathir mempertikaikan soal janggut, sunat berjanggut. Mana yang lebih besar? Mana yang lebih mengelirukan umat Islam? Tetapi ini tidak dihebohkan. Yang dihebohkan tentang Mahathir yang bukan seorang ulama, yang jelas bukan seorang ulama tetapi kenyataan bahawa apabila manusia boleh berkawan dengan syaitan dan juga Tok Guru boleh mencarut yang dibuat oleh seorang diakui sebagai Tok Guru dan mempunyai pengaruh yang kuat di Terengganu sebagai Tok Guru yang berceramah di masjid di surau dan sebagainya. Tetapi tidak ada seorang mufti yang bangun untuk menegur atau mengatakan ini salah atau menyatakan bahawa agama telah dipolitikkan. Saya tidak mahu soal-soal agama ini, maknanya mufti sendiri campur dalam soal politik, tidak itu maksud saya, tetapi ini perkara yang telah berlaku. Perkara yang mana lebih besar, soal janggut atau manusia boleh berkawan dengan syaitan dan manusia boleh mencarut. Kalau itu permainan politik maknanya jelaskan itu permainan politik bukan satu benda yang serius supaya orang ramai tidak keliru.

Jadi saya dengan ini memintalah supaya para mufti menjalankan peranan mereka sebagai ulil-amri, sebagai pelindung kepada kesucian dan kemuliaan agama. Tetapi mereka telah tidak menjalankan tugasnya. Mereka telah tidak menjalan, mereka adalah penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia kepada Raja-raja Melayu yang menjadi kepada ketua-ketua agama, bagaimana keadaan ini telah dibiarkan, perkara ini adalah satu perkara yang serius. Saya meminta bahawa hal ini mulai daripada sekarang mestilah pihak mufti-mufti dan juga pihak pegawai-pegawai jabatan agama menyedari hakikat ini dan menjalankan tanggungjawab mereka dengan sepenuhnya dan saya ingin merujuk kepada tujuan dan objektif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang amat indah didengar iaitu:

- (i) Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamis dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah.
- (ii) Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukwah Islamiah di kalangan orang Islam di Wilayah Persekutuan khasnya dan Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.

- (iii) Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran di dalam masyarakat Islam; dan
- (iv) Melaksanakan usaha-usaha menambah harta Majlis melalui pelaburan dan usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat.

Jadi inilah saya harap kesedaran harus ada kepada mufti-mufti terhadap tanggungjawab mereka dan mereka mulai menjalankan tanggungjawab ini dengan niat yang suci, dengan niat kerana Allah kerana dengan tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka.

Sekian dan dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong.

### 3.20 ptg.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Assalamualaikum w.b.t. Bismillahirrahmanirahim. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya bagi kali pertama berucap di Dewan yang mulia ini. Terima kasih yang tidak terhingga saya rakamkan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang telah memberikan penghargaan kepada saya untuk saya berada di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong Usul dan perbahasan Titah Ucapan Diraja semasa Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh. Malaysia kini sudah pun berada di alaf baru iaitu satu abad yang akan menentukan sama ada negara ini akan mencapai detik kecemerlangan sebagai negara maju di saat menjelang wawasan negara 2020. Kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sebagai Perdana Menteri Malaysia makin terserlah di mata dunia yang mana telah berjaya menjelmakan Malaysia sebagai negara perindustrian yang berasaskan kepada teknologi moden. Ini adalah hasil kepimpinan negara yang berani membuat perubahan secara terancang.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah menekankan pentingnya perpaduan, keharmonian, persepakatan, ketenteraman di antara bangsa di Malaysia ini. Empat bulan dahulu kita menyambut tahun baru alaf baru tahun 2000 dan sekarang kita telah melangkah pula tahun baru Hijrah 1421. Apa yang penting sejauh manakah kita dapat menghubungkan peristiwa Hijrah ini dapat kita amalkan dalam kehidupan seharian kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peristiwa Hijrah melahirkan pelbagai pengajaran dan contoh teladan daripada sifat keji mengeji, dendam mendendam kepada sikap yang lebih baik, berbaik sangka, mengeratkan persaudaraan ukwah Islamiah. Dengan lain perkataan Hijrah membuktikan Baginda Rasulullah S.A.W berjaya menghubungkan tali persaudaraan di antara Ansar dan Muhajirin. Rasulullah S.A.W berjaya menyatu-padukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai puak dan keturunan menerusi kalimah syahadah [*Mengucap dua kalimah syahadah*]. Lambang Keislaman tulen yang merupakan bahtera penyelamat bagi umat Islam di dunia akhirat. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Begitu agung agama yang kita anuti tetapi kenapa dan mengapa, perpecahan di kalangan masyarakat kita yang beragama Islam begitu ketara yang tidak boleh dipandang ringan. Sudah sampai masanya gejala ini dibendung sebelum mewujudkan jurang-jurang perpecahan yang lebih luas. Tuduhan isu lama dihidupkan, orang UMNO tidak boleh jadi Imam, pangkah PAS masuk syurga, orang UMNO mati, jangan diziarahi.

Tuan Yang di-Pertua, adakah kita sedar inilah akibat apabila agama disalahgunakan dan fatwa diselewengkan demi kepentingan politik individu. Agama digunakan sebagai asas berhujah dan berhujah sehingga menyebabkan masyarakat pecah. Bagi orang ramai yang taksab kepada parti pembangkang, atas keyakinan bahawa parti ini adalah parti agama amat mudah dipengaruhi dengan dakyah seperti

ini. Tetapi bagi mereka yang rasional tentu tidak dapat menerima petua ciptaan parti pembangkang. Namun kita perlu ingat implikasi yang lebih meluas ialah perbuatan itu menjadi pemangkin kepada perpecahan bangsa Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dengannya mewujudkan perasaan benci membenci dan akhirnya boleh menghakis perpaduan bangsa. Justeru itu kita mengalu-alukan hasrat kerajaan yang bercadang meminda peraturan pertubuhan Rang Undang-undang Ketenteraman Awam yang menyekat agama Islam daripada terus disalahgunakan oleh parti bagi memecah belahkan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini pun telah terdengar gesaan dari pelbagai pihak agar parti politik tidak dibenarkan menggunakan nama agama kerana ia boleh mengelirukan. Agama dan politik tidak boleh dicampuradukkan. Namun toleransi kerajaan selama ini diambil kesempatan oleh parti pembangkang untuk terus menggunakan agama sebagai topeng politik. Oleh itu sebelum gejala ini menjadi bertambah buruk amat kena masanya kerajaan meminda akta dalam usaha menangani penyalahgunaan agama.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai golongan yang arif mengenai agama, ulama sepatutnya segera menegur sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi, tugas ulama sepatutnya segera menegur dan membetulkan jika terdapat sebarang fatwa yang bertentangan dengan agama dan ini adalah kewajipan mereka.

Kita merasa sedih ulama seperti tidak tahu melaksanakan kewajipan ini kerana sikap mereka yang lebih membisu. Fatwa yang menyeleweng terus berleluasa seolah-olah sekaliannya semuanya betul. Rasulullah S.A.W menekankan al-ulama wal-ambia, ini kalau kena kepada mereka. Ada sabda Rasulullah yang menekankan *[Membaca sepotong Hadis]* Kata Rasulullah:

*“Apakala kamu melihat mungkar, ubah dengan kuasa atau dengan lidah, inilah kepada tugas-tugas ulama-ulama dan juga orang yang berilmu pengetahuan.”*

Tetapi sayang seribu kali sayang, ini berlaku berleluasa di mana-mana sahaja terutama dalam masyarakat perkampungan. Saya sedang menghadapi perkara ini bukan kecil perkara, kalau dahulu kita dapat bersahabat handai, bergaul mesra, berjiran tetangga tetapi hari ini telah jauh sama sekali kerana anasir-anasir dan juga di antara kata-kata yang telah saya perkatakan tadi. Ini berlaku di kawasan saya.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah pertelingkahan ini atau perebutan politik ini hanya merupakan telatah pilihan raya sahaja maka perkara ini masih boleh kita maafkan. Tetapi kalau hanya merupakan teras pemikiran orang Melayu pada setiap masa di dalam semua lapangan maka kita akan rugi, kita akan kecundang. Apa yang lebih mustahak bagi kita masyarakat orang Melayu ialah soal parti politik manakah, pemimpin yang manakah dapat membawa kesejahteraan kepada masyarakat yang di dalam lingkungan sebuah negara berbilang bangsa. Kita perlu kemukakan soalan, dan membuat jawapan dengan ikhlas iaitu siapakah yang lebih pintar, siapakah yang lebih pantas bertindak, siapakah yang lebih berani membuat masyarakat ini tanpa takut, gentar, tidak bercakap kosong sebaliknya bekerja yang memerintah kita hari ini telah membuktikan dengan memelihara keamanan negara, telah memelihara keamanan rakyat, berkemampuan untuk membela kehidupan negara ini. Orang Melayu boleh menjadi kuat kalau kedudukan politik, ekonomi kukuh. Inilah yang dilaksanakan oleh kerajaan kita pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan bahawa parti pembangkang juga mahu memperjuangkan hak orang Melayu, meletakkan agama Islam ke atas satu tapak yang paling mulia tetapi oleh kerana taktik perjuangan pemimpin-pemimpin yang lebih banyak bercakap daripada membuat kerja, pandangan politik dan ekonomi sempit, maka mereka telah gagal melaksanakan cita-citanya.

Berbalik kepada parti pemerintah sekarang, kita telah mengenalinya sebagai sebuah parti yang praktikal, mempunyai tapak yang terbesar di kalangan orang Melayu dalam pada itu tentulah ada serba sedikit tolak ansur yang telah dibuat kepada kaum

lain. Sedikit sebanyak tentulah ada anasir ataupun oportunist di dalam parti itu tetapi pada umumnya kita masih kuat berdaya untuk membanteras anasir anti-nasional.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu ada baiknya kita tinggal di dalam sebuah rumah yang besar yang mana kita perlu daripada masa ke semasa menggantikan perkakas-perkakas yang lama dengan yang baru, di masa yang sama menghapuskan makhluk-makhluk perosak seperti anai-anai dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mentadbirkan sesebuah negara yang majmuk, sebuah masyarakat yang besar, kita perlu kepada satu jemaah yang realistik, tahu menimbang sama ada satu-satu langkah yang diambil itu menguntungkan kaum kita atau merugikan masyarakat keseluruhannya. Kalau selalu dimomok-momokkan dengan kalimah agama, bangsa, negara masih belum dapat ditentukan kejujurannya. Kesanggupan sekiranya ada peluang mereka juga berani melupakan hukum Allah, melupakan perjuangan bangsa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada masa, tenaga pemimpin diperlukan bagi mematahkan dakyah rakyat. Cerita-cerita yang tidak bertanggungjawab itu disebar-sebarkan. Perang mulut berlarutan berkenaan agama, bangsa yang mana menyebabkan soal-soal ekonomi, pelajaran diketepikan. Sekiranya parti pembangkang seperti PAS tidak wujud, parti pemerintah dapat menunjukkan dengan jelas kenyataan yang sebenarnya tentang kedudukan politik, ekonomi masyarakat Melayu kepada parti politik kaum-kaum lain yang ada di dalam negara ini. Tanpa menerima gangguan daripada parti pembangkang, golongan bukan bumiputera akan lebih memahami keadaan kesempitan orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa kita bergelut hendak menumbangkan kerajaan, mengapa kita tidak mahu bergelut menghancurkan musuh negara yang nombor satu iaitu dadah. Walhal anak-anak mereka yang anti kerajaan juga terbabit dalam penagihan, penyalahgunaan dadah. Kenapa digugat keamanan, keharmonian rakyat dengan isu remeh-temeh. Kenapa lepaskan perasaan dendam di sana sini akibat perbuatan sendiri kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan kerajaan berhempas pulas memulihkan kegawatan ekonomi yang mana negara nyaris-nyaris kecundang menjadi satu kenyataan, rakyat khususnya yang taksud kepada parti pembangkang tidak habis-habis memaki hamun, mencaci kerajaan. Mereka tidak sedar, mereka juga akan terjerumus akan terjunam ke laut dalam kalau tidaklah pemimpin kerajaan memulihkan kedudukan ekonomi dengan segera. Barangkali ahli-ahli, pemimpin-pemimpin mereka juga tidak boleh terbang dari satu destinasi ke satu destinasi dengan hanya menggunakan air hujan menggantikan minyak kapal terbang atau minyak kereta, adakah mereka akan hanya berkayuh basikal sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewakili kepentingan orang Melayu kita memerlukan sebuah parti politik yang berpandangan jauh, mempunyai perancangan ekonomi, sosial yang progresif. Parti ini mesti tahu menghitung sama ada satu tindakan itu berfaedah ataupun merugikan daripada kaca mata politik ekonomi. Pemimpin itu perlu daripada orang yang mengutamakan perkhidmatan daripada bekalan. Kalau parti yang bercorak seperti itu tidak kedapatan, masyarakat Melayu akan terperosok di dalam kejahilan, tidak dapat mengejar golongan bangsa yang telah maju. Pandai menggunakan peluang yang disediakan di dalam keadaan itu, kemerdekaan yang kita capai tidak membawa ke arah mana.

Sekian sahaja ucapan saya. Terima kasih.

**3.30 ptg.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat yang dikasihi sekalian, pertama saya ingin mengambil kesempatan yang sangat berharga ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah baginda lafazkan pada 14 Februari

2000 ketika Baginda merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kedua Parlimen Yang Kesepuluh.

Tuan Yang di-Pertua, pada peringkat permulaannya tadi, saya bercadang untuk membaca sedikit sebanyak teks ucapan yang saya sediakan. Tetapi oleh kerana serangan yang bertubi-tubi, yang setengahnya belum lagi berjawab dan insya-Allah saya akan memberikan jawapan terhadap serangan-serangan ataupun kenyataan-kenyataan yang dikemukakan oleh sahabat-sahabat daripada beberapa orang Yang Berhormat tadi supaya mudah-mudahan dengan yang demikian itu akan dapat menghilangkan kekeliruan atau sekurang-kurangnya menipiskan sedikit tentang kekeliruan yang ditimbulkan.

Yang Berhormat Datuk Zainudin yang saya kenali sebagai Zam biasanya, saya kira telah banyak membantu PAS pada hari ini. Barangkali ada sesetengah Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin tidak pernah mendengar PAS itu dari dekat tetapi dengan bantuan beliau pada pagi dan petang yang mulia ini, ramai orang yang boleh kenal ataupun yang boleh mengenali PAS secara dekat. Sama ada pengenalan itu dikemukakan secara jujur ataupun pengenalan terhadap PAS itu, saya lihat itulah pandainya Yang Berhormat kita ini, dia semacam hendak menimbulkan perpecahan di kalangan PAS untuk mewujudkan dua bentuk pimpinan. Satu golongan ulama, satu lagi golongan profesional.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya sangat sedar tentang apa maksud ataupun tujuan yang barangkali hasrat yang tersembunyi daripada ucapan Yang Berhormat itu. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kerana cuba memperkenalkan PAS. Beliau telah berkali-kali menyebutkan bahawa PAS baru ini sahaja terbuka. Saya hendak bagitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, mengikut Perlembagaan PAS bahawa ahli PAS itu, pertama sekali, ini kita sudah buat lama tetapi sudah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Seorang Islam yang akhil baligh, yang akhilah dan balighah. Itu saya tidak tahulah. Sekarang ini, UMNO baru hendak fikir 18 tahun kita sebut sejak dulu dan diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan. Dia seorang Islam. Kemudian, seorang warganegara Islam dan seorang Islam itu tidak kira dia daripada keturunan India, keturunan Pakistan, keturunan Indonesia, keturunan Jerman, keturunan Inggeris, keturunan Arab, asal mereka itu menjadi warganegara Malaysia, mereka boleh menyertai PAS dan apabila mereka boleh menyertai PAS dengan sendirinya melalui proses amalan demokrasi di dalam PAS ataupun amalan-amalan syura dalam PAS, mereka boleh menduduki apa-apa jua jawatan yang disenaraikan mengikut hirarki PAS itu sendiri.

Jadi, tidak timbullah saya rasa kalau ada dakwaan bahawa PAS ini baru terbuka. Ini sejak tahun 1951. Dulu ada Yang Berhormat menyebutkan bahawa PAS ini ditubuhkan selepas merdeka. Saya kira ini suatu pembohongan di dalam Dewan ini. Pada persidangan yang lalu, ada seorang Yang Berhormat menyebutkan bahawa PAS ini ditubuhkan selepas merdeka. Adalah malang sekali seorang Ahli Dewan Negara yang perlu bertanggungjawab dan tidak membohongi Ahli-ahli Dewan ini menyatakan PAS ditubuhkan selepas merdeka.

PAS ditubuhkan pada tahun 1951. Saya tidak tahulah kalau tahun 1951 itu, sudah merdeka. Pada tahun 1951, kalau pada fahaman Yang Berhormat itu sudah merdeka, maka betullah beliau mendakwa bahawa PAS itu ditubuhkan selepas merdeka tetapi PAS ditubuhkan pada tahun 1951 dengan dasar yang jelas. Ahlinya umur – seorang muslim ataupun muslimah yang akil, yang akhilah, yang baligh dan balighah. Ini istilah yang ada dalam agama. Baligh ini cukup umur. Barangkali Datuk Zam tahulah itu, cukup umur. Kemudian warganegara Malaysia kerana itu syarat yang ditentukan oleh Akta Pertubuhan.

Kita tidak melanggar Akta Pertubuhan dan memang telah diluluskan oleh Akta Pertubuhan. Kemudian mereka tidak melakukan apa-apa kesalahan jenayah yang menyebabkan seseorang itu tidak boleh menjadi ahli mana-mana parti ataupun ahli mana-mana pertubuhan yang dibenarkan di negara kita ini. Kemudian, selain daripada

itu, kita juga menyatakan, kerana tadi PAS telah dibangkitkan dan saya terpaksa jelaskanlah. PAS menyatakan dalam anggaran dasar dia ataupun dalam dasar dia dengan jelas dan nyata sejak dulu hinggalah sekarang ini bahawa dasar PAS ialah Islam.

Pendek sahaja, ialah Islam. Itu kita nyatakan sejak dahulu hinggalah sekarang dan kita juga menyatakan ini bukan sahaja di hadapan orang-orang Islam tetapi kita juga menyatakan ini di hadapan orang-orang yang bukan Islam, yang tinggal di negara kita ini dengan tujuan bukan untuk memaksa mereka kerana kita sangat faham Islam sendiri, Al-Quran sendiri menjelaskan kepada kita bahawa, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] “*Tiada paksaan dalam agama*”. Tetapi saya rasa adalah menjadi kebaikan juga kepada orang-orang yang bukan Islam yang hidup dalam negara yang penduduknya ramai orang Islam, bangsa Melayu untuk mengetahui sedikit sebanyak tentang ajaran Islam itu.

Adalah tidak menjadi kesalahan sepanjang pengetahuan saya dalam mana-mana juga akta yang ada dalam negara ini untuk orang bukan Islam mendengar tentang Islam dan kita pun tidak mengajak mereka untuk masuk Islam. Tetapi biarlah mereka tahu tentang kebaikan, keadilan dan juga kesempurnaan Islam. Telah disebutkan tadi dan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menyebutkan tentang kebimbangan Baginda mengenai persoalan yang berkaitan dengan akidah. Malang pada petang yang mulia ini, saya berucap hanya di hadapan meja.

Saya teringat pada tahun 1950-an sewaktu saya memulakan kerja-kerja dakwah tidak praktik, saya berucap di hadapan dua tiga orang. Hari inipun lebih kurang begitulah di Dewan yang mulia ini yang sepatutnya dan sudah pun diberi amaran oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sepatutnya setiap Ahli-ahli Dewan terutama sekali Dewan Negara ini sebagai Dewan yang kedua tertinggi selepas Agong. Tetapi saya merasa kecewa pada petang yang mulia ini, boleh jadi esok dan lusa, keadaannya seperti yang ada ini.

Dan saya harap juga tabiat yang seperti ini diubah kerana Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah melantik supaya Ahli-ahli Dewan ini mempunyai amanah, akhlak, ikhlas dan jujur. Kita jujur. Ini suatu perbuatan yang tidak jujur terhadap rakyat juga terhadap amanah yang diberikan oleh negara kepada kita sekalian. Tuan Yang di-Pertua, mengenai akidah, saya hendak sebut sikit ....

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** [*Bangun*]

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya tidak bagi jalan kerana masa tidak ada.

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Saya minta penjelasan sedikit. Apakah yang dimaksudkan kita sebagai Ahli Dewan Negara telah melanggar amanah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong? Diperjelaskan. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya katakan ketidakhadiran kita ini semacam kita tidak menghormati apa yang telah dilafazkan dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Itu terserah kepada kita untuk menimbangkannya.

Tuan Yang di-Pertua, kami telah kadang-kadang dituduh seakan-akan kami ini telah menyelewengkan akidah orang Islam. Saya ingin menekankan di sini, tahukah orang yang membuat tohmahan dan tuduhan itu, apa dia sebenarnya akidah Islam ini? Apa dia? Akidah Islamiah itu dalam bahasa lama, saya minta Datuk Zam kalau saya silap, dia perbetulkan. Dalam bahasa lama, maknanya ialah keyakinan, kesimpulan dari keyakinan dan kepercayaan yang jazam, dalam bahasa sekarang makna ‘jazam’ itu ialah yang mantap, yang tidak boleh berubah walaupun zaman berubah.

Pertama, bahawa kita orang Islam mestilah mempunyai kepercayaan yang mantap, yang jazam bahawa Tuhan itu adalah Satu, Se dan Dialah penguasa alam. Sebab itulah kalau kita sekarang ini berbicara tentang globalisasi, sebenarnya kalau

kita baca surah Fatihah pun sudah cukup. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Di situpun kita sudah melihat dan kita boleh luaskan penguasaan alam, penguasaan alam itu bukan sahaja yang menguasai hal ekonomi, bukan sahaja yang menguasai langit, bumi, malah antara dua langit dan bumi, yang menguasai tumbuh-tumbuhan, yang menguasai batu, bukit-bukau, gunung-ganang, sungai dan sebagainya.

Kalau dahulu, orang tidak pernah bermati-matian melihat gunung batu tetapi sekarang ini orang sudah berebut hendak mencari gunung batu, kerana apa? Kuari, hendak buat kuari. Dan pembangunan pun tidak akan lancar kalau tidak Tuhan jadikan batu-batu, bukit-bukit batu itu. Semuanya ini sebenarnya mengajar kita bahawa kita mempunyai pandangan yang lebih luas bukan sempit seperti mana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi. Saya rasa kami mempunyai pandangan yang lebih luas daripada itu.

Kalau dari segi wawasan, kita punya wawasan bukan sahaja di dunia, termasuk juga wawasan akhirat. Jadi, yang pertama kita mestilah mentauhidkan Allah S.W.T. Sebarang apa juga kebijaksanaan yang dilakukan, kita tidak harus melupakan bahawa itu adalah pemberian Allah S.W.T. Akal fikiran kita diberikan oleh Allah S.W.T. dan mempunyai fungsi, tugas.

Saya ingin menunjukkan kepada Dewan ini, kalau ada orang yang berani ke depan ini menentang satu peraturan yang kecil sahaja yang ditentukan oleh Allah S.W.T. kepada manusia iaitu Allah menentukan bahawa jari ini boleh digerakkan. Tidak ada suis, tidak payah suis. Dia boleh bergerak. Ini ketentuan Allah. Peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T. kepada jari. Kalau hendak lebih besar lagi ketentuan yang ditentukan oleh Allah S.W.T. kepada kepala lutut. Itu besar sedikit daripada jari. Siapa hendak lawan peraturan Allah S.W.T. Saudara-saudara, kalau seseorang itu tengah minum, dia lurus tangan, dia lawan peraturan Allah S.W.T. pada jari ini, bolehkah dia pegang gelas? Itu kecil, terlalu ke cil.

Dan tidak ada wayar, suis tidak ada. Itulah kebijaksanaan Allah S.W.T. menciptakan manusia itu. Itulah juga yang ditegaskan oleh Allah S.W.T. dalam Al-Quran [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Kemudian kenapa kita cuba, apabila kita membacakan ayat-ayat Allah, ada orang yang cuba mempersenda-sandakan, ada orang yang cuba memperkecil-kecilkan ayat Allah S.W.T. Bagi orang Islam, saya rasa ini satu perkara yang tidak ada khilaf. Saya tidak tahulah kalau ada khilaf, tuan-tuan boleh tanyalah mufti.

Saya bukan hendak keluarkan fatwa. Orang Islam dia punya sumber yang menjadi pegangan dia mestilah satu, Al-Quran; kedua, As-Sunnah; yang ketiga, Ijmak. Itupun dalam Ijmak ini kalau kita kaji lagi, dia dulukan Ijmak Sahabi para sahabat. Kemudian barulah Qias. Qias itupun mestilah berteraskan kepada semangat atau roh Al-Quran dan sunah Rasulullah S.A.W. Inilah dia pengertian Islam yang kita pegang. Yang keduanya, kita mesti percaya kepada Malaikat. Ini Rukun Iman.

Satu perkara tetapi kerana ini telah dipermainkan sekarang ini sehingga seakan-akan kita inilah yang menjadi juara menyesatkan orang. Kita kena beriman kepada Malaikat, kemudian beriman kepada Rasul, Rasul itu termasuk kitab dia, sunahnya. Kalau kita menolak satu sahaja sunah, itupun sudah boleh dipertikaikan tentang kepercayaan kepada agama kita.

Kemudian begitu juga kepada Al-Qur'an, kitab-kitab Allah termasuklah Taurat, Zabur dan Injil dan Al-Qur'an. Kita panduan kita adalah Al-Qur'an. Sebab itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dan sebenarnya saya datang tadi bercadang untuk mengemukakan beberapa pandangan untuk kita mencari suatu penyelesaian kalau benar umat Islam ini berpecah. Kita telah berkali-kali menawarkan supaya diadakan muzakarah, bukan perdebatan, tapi adakan pertemuan, perbincangan di antara kita sesama kita dan kalau tidak boleh di antara UMNO dengan PAS, kita sertakan mufti-mufti, lima enam orang mufti, kita bentuk satu majlis muzakarah tetap bagi umat Islam ini ataupun majlis perpaduan rakyat bagi orang termasuklah orang-orang yang bukan Islam. Kita sertakan tuan-tuan mufti tiga empat orang, Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Majlis Agama negeri-negeri, lima orang daripada UMNO, lima orang daripada

PAS dan lima orang daripada badan-badan Islam yang bersifat kebangsaan, PERKIM misalnya, kita duduk, kita bincang kerana hal-hal ini pernah saya cuba dan saya kira boleh mendapat kalaupun tidak perpaduan sepenuhnya tetapi sedikit sebanyak boleh meredakan suasana kalau betul-betul suasana itu terang, kalau dianggap teranglah.

Tetapi pada perhitungan saya, perkiraan saya, saya pun berjalan juga di kampung-kampung ini, apa yang digambarkan tidaklah sehebat yang wujud sebenarnya di kampung-kampung. Saya lihat di kampung hidup aman damai, tenteram, orang UMNO ziarah PAS, orang PAS ziarah orang UMNO kalau ada kematian pun. Satu dua kes sahaja kalau ada satu dua kampung, kalau 5,000 kampung, dua kampung berlaku, ini kaedah dan keadaan [*menyebut dalam bahasa Arab*] yang satu dua perkara itu tidak boleh dijadikan hukum, tidak boleh dijadikan hujah kalau dia hanya berlaku satu dua kampung sahaja. Macam berlaku di Pahang baru-baru ini selepas pilihan raya bertumbuk satu kampung saja, kampung jiran nak buat macam mana, itu sahaja. Tetapi yang kena tuduh, PAS juga yang mula-mula tetapi bila kita siasat rupanya yang bertumbuk itu ialah sesama ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, ha, nampak. Jadi benda itu digambarkan awal sebelum dibuat penyiasatan. Jadi kita harap perkara-perkara ini akan boleh kita redakan kalau kita betul-betul jujur.

Tuan Yang di-Pertua, memang ucapan yang telah disampaikan oleh Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong menyentuh pelbagai masalah, pelbagai aspek, pelbagai pandangan. Saya ingin menarik perhatian yang pertama ialah tentang ucapan yang menyebutkan bahawa kita mestilah memerangi fahaman sempit, perkauman dan keagamaan. Di sinilah barangkali perbezaan yang besar di antara Parti Islam SeMalaysia dengan parti-parti yang lain. Saya ingin menarik perhatian semula apa yang digambarkan oleh Datuk Zainudin Maidin tadi tentang bahayanya fahaman-fahaman yang dicipta oleh manusia, kemudian dipaksakan kepada manusia untuk menerima fahaman ataupun falsafah fahaman.

Saya ingin menarik perhatian kalau tadi disebutkan tentang Iraq. Waktu kejadian tegang, saya ada di Iraq dan saya ingin beritahu bahawa yang berkuasa di Iraq itu ialah Partai Baas [*Menyebut dalam bahasa Arab*] Partai Baas ini di negeri Arab ada dua, satu [*Menyebut dalam Bahasa Arab*] seluruh negeri Arab, ada satu lagi Parti Baas [*Menyebut dalam Bahasa Arab*] maknanya Parti Baas. Syria, Syria, Iraq, Iraq, itu sahaja dan lain-lain.

Kenapa pertempuran berlaku? Kerana Partai Baas ini mendukung suatu fahaman sosialisme, saintifik sosialisme yang mirip kepada komunis yang mereka sanggup mati mempertahankan fahaman itu. Seorang Islam, orang Arab, orang Islam mereka anut fahaman komunis, kemudian mereka sanggup mati mempertahankan fahaman komunis. Saurada-saudara, inilah yang menjadi sebab kepada berpecah Yaman Selatan, Yaman Utara dan Yaman Selatan, saya pergi melawat, ditunjukkan kesan peperangan tetapi satu golongan menganut fahaman komunis, sosialis yang menyembelih ulamak-ulamak, guru-guru Quran pun disembelih kerana mereka mempertahankan bahawa orang-orang, ulamakulamak inilah kononnya yang mengembangkan candu masyarakat kerana itulah fahaman komunis. Tadi telah disebutkan, kita memerangi komunis. Saya kira komunis di Malaysia pada waktu itu bukanlah suatu fahaman yang sampai menyerap ke darah daging kerana dia masih bercampur-baur di antara nasionalis, kalau tak salah saya.....Datuk Yang di-Pertua, ya, ya, sila.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Mengenai masalah Iraq, jadi saya sendiri menyedari hakikat bahawa Saddam Hussein sendiri dan juga Iraq sebenarnya bukanlah suatu negara Islam dan saya sendiri pernah shake hand, dengan berjabat salam dengan Saddam Hussin dan pernah melihat sendiri dan meninjau keadaan di Iraq. Apa yang saya nak perkatakan di sini yang saya tidak faham bahawa Iraq itu tidak sebenarnya sepertimana yang kita fikirkan malah masjid-masjidnya juga kosong pada setiap hari Jumaat, pada setiap waktu sembahyang, tidak seperti kita di sini tetapi saya tidak mengerti bagaimana pada masa peperangan itu PAS mengatakan untuk menghantar orang-orang, ahli anggota partinya bagi turut berjuang bersama dengan orang-orang Iraq ini, ini yang saya tidak faham dan jangan disalah faham maknanya dari fahaman

saya Perdana Menteri Malaysia sendiri walaupun dia menyokong Iraq tetapi dia tidak, dia bukan menyokong Iraq tetapi menentang kekejaman atau sikap tidak kemanusiaan Amerika itu sendiri tetapi pernah Mahathir sendiri memberitahu saya bahawa dia pernah melawat muzium Iraq itu sendiri di mana ditunjukkan senjata yang dipunyai oleh Saddam Hussein yang tertulis itu "*This weapon has been used by Saddam Hussein to assassinate certain, certain people*", satu kebanggaan. Jadi saya bersetuju bahawa tidak Islamic tetapi saya tidak mengerti mengapa PAS dalam masa Perang Iraq itu telah membuat perisytiharaan untuk menghantar askar-askarnya ke Iraq, itu saya nak tahu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertama, saya menafikan dengan sekeras-kerasnya di dalam Dewan yang mulia ini bahawa PAS mempunyai askar. Kita tidak mempunyai seorang pun 'lashkar' ataupun askar [Disampuk] Saya minta maaf kalau itu suatu tohmahan kerana itu sangat bahaya [Disampuk]....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** [Menyampuk] Minta maaf, bukan askar, untuk menghantar sukarelawan PAS daripada rakyat Malaysia. Itu memang ada, PAS hendak menghantar sukarelawan ke Iraq, boleh kita refer balik, rujuk balik kepada kenyataan yang dibuat oleh PAS untuk menjemput para sukarelawan bagi dihantar berjuang bersama rakyat Iraq bagi menentang Amerika.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, pendirian kita selama-lamanya terang dan jelas. Kita dari segi Iraq ini kita menyatakan pendirian kita, kita membantu umat Islam Iraq, bukan kita membantu Partai Baas dan Saddam Hussin, itu pendirian kita. Di mana saja ada umat Islam yang tertindas setakat yang kita boleh menghulurkan sumbangan dan bantuan sama ada bantuan kemanusiaan atau lain-lain. Tapi setakat ini kita belum pernah lagi menghantar sebarang pasukan sukarelawan sama ada ke Iraq ke, ke Iran ke, ke mana ke, ke Palestin ke kita tak ada. Kita tahu peraturan-peraturan negara, bukanlah semudah itu sebuah parti politik nak menghantarkan sukarelawan ke negara-negara asing, kita sangat faham, kita juga membaca Undang-Undang Antarabangsa, bukan semudah itu kita nak hantar orang untuk pergi berjuang di negara lain. Itu kita faham.

Jadi kita haraplah supaya perkara itu tidak diragukan. Saya ulang sekali lagi kerana ini sangat berat bahawa PAS tidak mempunyai tentera dan PAS juga tidak mempunyai sehingga ini sukarelawan yang tetap, tak ada seperti RELA ke tak ada. Itu saya haraplah supaya Dewan ini mencatatkan kerana kalau itu merupakan satu tuduhan dan tohmahan, ianya adalah berat mungkin dari segi Akta Keselamatan Dalam Negara, sebab itu saya nafikan dengan sekeras-kerasnya.

Mengenai penyelewengan...

**Tuan Haji Gapar bin Gurrohu:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya nak penjelasan sedikit sahaja. Apa yang saudara Zam sebutkan tadi kenyataan yang keluar di akhbar, jadi menunjukkan kalau benda itu tidak dibuat, ini satu penafian yang agak serius. Jadi rakyat tahu, rakyat tahu perkara ini tapi sekarang berlaku penafian bahawa berita yang keluar di surat khabar ini sebenarnya PAS tak buat. Jadi ini yang kita rasa keliru penafian yang seumpama ini. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita buat penafian tetapi pada waktu itu terutama sekali kita pun tak ada akhbar sendiri dan kita mengharap akhbar orang, penafian itu ada tetapi tidak disiarkan di dalam mana-mana akhbar. Itu boleh jadi begitu. Saya tidak mengatakan, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi jalan kerana saya nak cepat.....

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Saya beri peluang kepada Yang Berhormat, saya perlu menjelaskan, saya perlu menjelaskan bahawa berita itu, ialah mungkin, mungkin saya faham, mungkin itu hanya sebagai suatu permainan politik untuk menunjukkan PAS bersimpati kepada Iraq pada masa itu. Kenyataan itu boleh saya balik, buka balik di library di mana PAS ada membuat kenyataan itu. Jadi PAS harus bertanggungjawab tetapi tidak seriuslah. Saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Yang

Berhormat tadi menunjukkan perkara itu hanya suatu kesempatan bagi mencari pengaruh kepada keadaan yang genting, itu sahaja. Benda itu sudah lama berlalu dan saya hanya nak memahamkan bagaimana pendirian PAS, itu sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, saya rasa sudah jelaslah pendirian PAS, tak payah diulang lagilah.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan titah Baginda Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong ini menyentuh saya katakan tadi persoalan perkauman dan keagamaan. Sebab itulah saya menjelaskan bahawa sesungguhnya suatu kekeliruan yang amat besar yang timbul di kalangan umat Islam bukan saja di sini dan di seluruh dunia. Sebenarnya perpecahan umat Islam ini di zaman moden ini, dia bermula apabila umat Islam menerima fahaman-fahaman yang selain daripada akidah islamiah, saya tidak mahu menggunakan Islam itu sebagai ideologi. Saya lebih berminat mengatakan Islam itu tetap sebagai ad-din.

Mereka memilih fahaman-fahaman yang lain seperti fahaman sekularisme, tadi telah disentuh. Memang kita menolak sekularisme, ada setengah negara menerima fahaman sosialisme. Saya tidak kira sama ada negara itu negara Arab, pemimpinnya orang Islam, Mesir misalnya. Mesir sehingga pada zaman kepimpinan Gamel Abdul Nasser sehingga orang-orang atau rakyat Mesir itu ada yang berani bercakap. Kalau Allah Taala hendak utus nabi baru, maka Jamal Abdul Nasir itulah yang sepatut menjadi nabi kerana mereka begitu hebat memuja Jamal Abdul Nasir yang pada masa itu mendapat sedikit sebanyak kejayaan untuk membangunkan Mesir terutama sekali apabila beliau berjaya membina suatu empangan yang besar dipanggil Empangan Aswan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, fahaman-fahaman ini terus diterima oleh setengah-setengah orang Islam, kemudian cuba di serapkan dalam kehidupan masyarakat. Dalam sistem pendidikan, dalam membudayakan cara berfikir umat Islam dan kalau ini berlaku, saya ingin beritahu dalam Dewan ini bahawa sesungguhnya perpecahan umat Islam ini tidak akan boleh dibendung kalau dia berdasarkan kepada akidah dan masing-masing berpegang kepada ideologi ciptaan manusia ini.

Maka dengan sebab itulah saya meminta supaya kita daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini sebagaimana yang saya katakan tadi, sebagai ahli Dewan yang tertinggi di Malaysia ini supaya turut memainkan peranan dengan betul bahawa sesungguhnya Islam itu adalah suatu agama yang mengajar seluruh umat manusia pada perpaduan. Saya dulu sudah menyebutkan, saya mohon kalau ada orang yang berani membuktikan, saya katakan di dalam Dewan ini kerana memilih PAS ini berlaku pembunuhan, keganasan malah saya ingin menarik perhatian tadi disebutkan orang Melayu waktu 13 Mei, hanya memohon belas kasihan kalau tak silap saya, kalau silap tolong betulkan, daripada orang-orang MCA. Ini pun suatu perkara yang sangat saya rasa tidak tahulah, saya ingin sebut di sini, saya antara orang yang mengumpul beras dari Sabak Bernam dan ikan kering untuk menghantarnya ke masjid Kampung Baru waktu berlaku peristiwa 13 Mei dengan bantuan polis dan juga Jabatan Penerangan dan juga tempat-tempat lain. Jadi saya rasa tidak timbullah perkara-perkara seperti ini ditimbulkan dalam Dewan yang mulia ini.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri berada di Kampung Baru. Keghairahan pada masa itu terlalu hebat tetapi pada akhirnya saya tidak menafikan bantuan yang Yang Berhormat Ustaz Hassan berikan dan lain-lain juga tetapi dalam pada itu bantuan yang paling besar ialah apabila pihak Tun Abdul Razak sendiri telah meminta pertolongan daripada orang-orang bukan Melayu juga untuk menghantar bantuan ke Kampung Baru, itu tidak boleh kita nafikan. Di samping orang-orang Melayu sendiri, seperti Yang Berhormat ustaz sendiri juga turut memberikan bantuan. Tetapi keperluan yang paling besar pada masa itu bagi orang-orang di Kampung Baru tidak hanya cukup sekadar bantuan yang kecil-kecilan tetapi memerlukan satu bantuan yang besar kerana market ditutup, Kampung Baru ditutup dan tidak ada tempat untuk membeli makanan.

Jadi maksud saya, walaupun perasaan kebencian timbul pada masa itu tetapi pertaliannya berlaku, pertalian muhibah antara kaum dan sebagainya berlaku termasuklah pertolongan yang disedari yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Ustaz Hassan sendiri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini ialah mengingatkan semula kerana tadi tidak disebut bantuan orang lain, yang disebut hanya MCA sahaja. Jadi, saya tolong sebut supaya anak-anak muda yang ada di hadapan kita itu tahu bahawa ketika kita susah, ketika negara menghadapi ancaman, ketika negara dalam keadaan darurat, ketika negara dalam keadaan kacau-bilau, kita boleh duduk, kita boleh bincang. Tun Razak boleh panggil Datuk Asri pada waktu itu untuk berbincang. Jadi, itu yang penting bagi saya, saya hendak sebutkan di sini .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan sedikit. Kita sebenarnya, saya perhatikan dalam ucapan Yang Berhormat, kita sebenarnya bukan menafikan Islam dan akidahnya, kita menafikan PAS yang menggunakan Islam, yang mengkafirkan UMNO yang buat pelbagai, itu kita nafikan. Islam tidak ada penafian, Islam neutral sahaja dalam keadaan yang ada sekarang ini. Ianya *above-board* mohon izin, tetapi PAS kita nafikan dan pada waktu darurat, betul kata Yang Berhormat, pada waktu darurat itu, PAS pun masuk Barisan Nasional dan masa itu Barisan Nasional, UMNO di dalam tidak kafir. Hanya selepas itu, masuk undi PAS syurga, undi orang lain itu neraka. Itu sahaja kita nafikan. Sekian.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kita..., saya tidak tahulah, sudah terlalu banyak kita memberikan kefahaman kepada rakyat, kepada umat Islam bahawa PAS itu bukan Islam, Islam itu bukan PAS. Yang mencipta ayat ini barangkali orang lain, tetapi bukan kami. Selama-lamanya malah dalam Dewan ini, saya buat pengakuan bahawa kita tidak mendakwa PAS itu Islam, Islam itu PAS. Tetapi yang kita katakan bahawa PAS itu adalah sebagai wasilah, sebagai alat. Kita ada kaedah mengikut kaedah perundangan Islam, kaedah Fiqiyah namanya [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Maksudnya,

*“Sesuat yang tidak sempurna oleh wajib, melainkan dengannya maka hukumnya adalah wajib”*

Betul, yang wajib bagi kita ialah berusaha untuk memartabatkan Islam, untuk melaksanakan syariat, itu yang wajib bagi kita. Tetapi dalam dunia yang moden ini, siapa pun tidak boleh mendabik dada, dia kuat, dia gagah, dia kaya, dia kebal kalau dia hanya seorang diri. Musuh-musuh Islam membuat organisasi yang kuat bukan sahaja di peringkat negeri, di peringkat regional Asia tetapi peringkat antarabangsa.

Apakah kita orang Islam mampu menghadapi mereka ini hanya dengan bertempik seorang diri bahawa kita gagah, kita kaya, kita itu, kita ini. Maka dengan sebab itulah kita melihat kerana tujuan perjuangan kami ini adalah wajib, maka segala wasilah yang boleh menyampaikan kepada perkara yang wajib itu pada pandangan kami, ianya juga wajib?. Walau bagaimanapun, kita masih memelihara adat-istiadat, adat resam orang Melayu. Sebagai contoh - saya baca dalam surat khabar, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat kata, kita melawak-lawak sedikit dalam Dewan ini, jangan tegang sahaja. Jadi, saya hendak melawak sedikit hari ini, kalau dikira sebagai melawaklah.

PAS walau ia tidak ada duit, saya rasa kalau Dewan Muslimat PAS anjurkan ratu cantik PAS dengan tiket RM100, orang boleh datang. Boleh datang, ramai orang datang.

Pertama, ia hendak tengok macam mana PAS hendak sukut Ratu Cantik ini, ia hendak tengoklah tetapi kerana itu bercanggah dengan syarak, dengan Islam kita tidak pernah buat walaupun kita - itu salah satu jalan, salah satu sumber hendak cari duit yang mudah tetapi kita tidak buat. Itu contoh yang saya hendak beri. Kemudian kadang-kadang kita meniadakan, menghilangkan sesuatu yang pernah barangkali kita timbulkan dahulu, hilang buat sementara kemudian hidup balik semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringatlah, saya hendak terang sedikit ataupun ini sebagai itu sahajalah. Seorang Muhaddis (Ahli Hadis) – hadis ini ‘tuan-tuan’ ia bermacam-macam ilmu. Saya minta maaf kepada orang ..... Ada namanya Ilmu Rawi. Rawi itu orang yang merawi anfulan, anfulan..... daripada sifulan, daripada .....itu namanya fulan-fulan itu periwayat hadis.

Sebelum Ilmu Rawi ini, seorang yang hendak diterima jadi rawi hadis ini ia melalui satu proses. Ada satu ilmu lagi namanya Ilmu Jarah wa-Takdil.. Al Jarah dalam Bahasa Arab ini maknanya luka. Orang itu kena luka - bukan luka itu, maknanya kena kritik, kehidupannya, ia macam mana melawakkah, minum tengah jalan selalukah, minum berdirikah, itu disiplin Ahli Hadis. Kalau ada cacat dia tolak atau ia seorang Ahli Tadlis Mudallas. Mudallas ini ‘tuan-tuan’ tahu dah, katalah saya minta maaf, saya pinjam, minta maaf, saya berguru dengan Yang Berhormat tepi saya ini, saya mengaji hadis dekat Yang Berhormat. Kemudian guru Yang Berhormat ialah Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman. Jadi, ketika saya hendak riwayat hadis..., kerana guru saya ini sama macam saya sahajalah, Ahli Dewan biasa .....saya terus riwayat annatu Abdul Dato’ Abdul Aziz, terus. Saya tidak pernah berguru kepada Dato’ Abdul Aziz, saya berguru pada murid Dato’ Abdul Aziz. Minta maaf, Dato’ Abdul Aziz, tetapi kerana saya hendak mencari kemasyhuran, saya terus kepada yang besar, iaitu Dato’ Abdul Aziz. Saya tinggalkan guru saya ini pasal sama taraf dengannya.

Begitulah cermatnya para Muhaddisin dalam meriwayatkan hadis-hadis. Sebab itu ‘tuan-tuan’ kalau hendak tengok buku hadis berdepa-depa, berpuluh-puluh jilid, bukan apa, disebut rawi-rawi itu, periwayat-periwayat. Macam orang-orang Melayu senang sahaja - apa nama Hang Tuah kata, *“Takkan Melayu hilang di dunia”*. Siapa yang riwayat, siapa riwayat? Jadi, akhirnya ambil senang, itulah pepatah Melayu, itulah pepatah orang tua-tua. Siapa yang meriwayatkan daripada Hang Tuah tidak ada, kita tidak ada simpan? Itulah kelemahan kita, kelemahan orang Melayulah, saya sebut ini dalam memelihara banyak khazanah yang besar. Banyak kata-kata hikmat yang dikeluarkan oleh orang-orang Melayu yang saya rasa di antaranya saya sebutkan di sini kerana hendak menggambarkan kepada Dewan ini bahawa sesungguhnya berlaku penyelewengan-penyelewengan ini kerana ketidakjujuran dan orang Melayu juga, pepatah Melayu atau orang-orang tualah kata, telunjuk lurus, kelingking berkait misalnya, itu macam dia ambil roh semangat sebenarnya daripada hadis riwayat tetapi kita tidak tahu siapa yang meriwayatkan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan di sini bahawa untuk menegakkan suatu kebenaran yang mengenai akidah islamiah ini, yang kita sandarkan kepada al-Quran dan sunah Rasul ini bukanlah sebarang. Jadi adalah tidak wajar mana-mana jua pihak yang cuba menuding tangan bahawa kononnya kita adalah di antara orang yang sentiasa memecahbelah, memfitnahkan orang dan sebagainya. Saya ingin merakamkan dalam Dewan ini, takkanlah orang-orang seperti Tun Salleh Abbas, seperti bekas Imam Besar Masjid Negara yang sekarang ini juga menjadi Ahli Parlimen, Ahli Parlimen PAS, Ahli Dewan Rakyat PAS,. ada tiga orang bekas Imam Masjid Negara. Takkanlah apabila ia menyertai PAS terus dia kerjanya menyesatkan orang, memfitnahkan orang. Saya rasa ini tuduhan yang tidak wajar, tohmahan yang tidak wajar, iaitu saya ingin menyebutkan bahawa sesungguhnya kita tidak pernah menyatakan PAS itu Islam, Islam itu PAS. Tetapi ianya diriwayatkan oleh tangan-tangan halus yang tersentuh barangkali untuk mengelirukan pemikiran umat Islam. Saya ingin menyebutkan di sini, kerana ini saya harap tidak akan berulang lagi selepas ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, iaitu tentang pembangunan. Tetapi saya ingin menjuruskan kepada usaha-usaha meningkatkan industri kecil dan sederhana. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas langkah-langkah yang diambil tetapi kita mengharapkan bahawa rungutan-rungutan daripada, terutama sekali bumiputera misalnya yang menyertai kegiatan industri kecil ini tentang kekurangan modal. Dan kita mengharapkan supaya kerajaan membuat pertimbangan yang

sewajarnya supaya memberikan modal ataupun kalau mereka hendak meminjam, membuat pinjaman supaya bank-bank memberikan pinjaman agak mudah dan memberikan syarat-syarat yang tidak terlalu berat, yang sampai mereka - kalau mereka hendak pinjamkannya mereka pendek kata, tidak boleh pinjamlah di bank - susah, sukar kecualilah ada tangan-tangan yang lain yang boleh menonjolkan permohonan mereka itu maka barulah mereka boleh mendapat pinjaman daripada bank-bank.

Selain daripada itu yang tidak disentuh - saya boleh jadi saya silap baca, yang tidak disentuh ialah tentang kegiatan koperasi. Saya kira koperasi-koperasi perlu dipergiatkan kerana koperasi-koperasi ini salah satu badan, institusi yang boleh mengumpulkan dana, modal daripada orang-orang kampung dan kemudian kepada mereka ini ditingkatkan latihan pengurusan dan sebagainya supaya mereka dapat mengendalikan koperasi-koperasi itu dan koperasi itu kemudiannya akan maju dan akan mampu menjadi teras kepada kegiatan ekonomi, saya kata tidak secara besar-besaran, secara kecil-kecilan di kampung-kampung. Tetapi dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ini tidak menyebut tentang koperasi. Walaupun koperasi saya rasa mempunyai modal yang agak banyak, bukan sedikit di negara kita ini tetapi kesempatan perlulah diberi kepada koperasi-koperasi ini supaya mereka juga dapat melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi terutama sekali di luar bandar dan sekiranya di bandar-bandar juga kalau ada ruang dan peluang, kita harap supaya memberikan ruang dan peluang kepada mereka ataupun kepada koperasi-koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian. Saya ingin juga menyentuh tentang pertanian dan telah disentuh juga tadi oleh satu atau dua orang Yang Berhormat tentang pertanian. Tadi, telah dibangkitkan dalam soalan-soalan tentang kebun-kebun getah, estet-estet yang dahulunya ditanam getah, kemudiannya ditukar kepada kelapa sawit. Sepatutnya pihak kerajaan memikirkan, ataupun adakah suatu kajian yang cukup tepat bahawa getah ini tidak akan naik langsung sampai bila-bila masa sehingga melibatkan pembuangan pekerja-pekerja dan sebagainya.

Saya kira pihak kementerian yang berkenaan perlulah membuat kajian yang mendalam supaya dengan kerjasama kerajaan negeri yang saya rasa yang berkuasa untuk membenarkan tukar syarat sesebuah estet itu daripada tanaman getah kepada kelapa sawit supaya tanaman getah itu tidak akan ditukarkan kepada ladang kelapa sawit kecualilah sekiranya suasana dan keadaan sangat memerlukan kerana saya kira getah ini masih ada nilai ekonomi. Kalaupun sekarang ini ada satu jenis pokok getah yang tanaman pokoknya tidak toreh pun pokoknya boleh jual, pokok getah itu dijual. Kalau dihitung dalam tempoh saya difahamkan, dihitung dalam tempoh tujuh tahun harga pokok getah itu lebih mahal daripada kalau ia toreh dalam tempoh tujuh tahun bagi kegunaan industri ataupun perusahaan perabot dan sebagainya. Ada jenis getahnyalah.

Kenapakah hal-hal yang seperti ini tidak difikirkan supaya orang-orang kampung akan terus menanam getah kerana kita melihat orang kampung yang sekarang ini pekebun getah memanglah mereka menghadapi kesukaran tetapi saya rasa ataupun saya kira ia tidaklah seharusnya kita tiadakan langsung perusahaan ataupun kita sekat penanaman tanaman getah ini.

Yang keduanya, padi. Ahli-ahli Yang Berhormat pun tahu bahawa beras negara masih tidak mencukupi. Kita masih lagi mengeksport beras daripada luar negara dan kita melihat ada banyak kawasan tanaman padi yang ditinggalkan begitu sahaja. Sistem pengairan kita sekarang ini sudah mencapai teknologi yang begitu tinggi. Apakah kita tidak mampu memikirkan supaya sistem tali air dan sistem pengairan ke tanah-tanah sawah itu dapat dipermodenkan sehingga kita akan dapat membuka sawah-sawah padi ataupun sekurang-kurangnya memulihkan sawah-sawah padi yang sekarang ini ditinggalkan begitu sahaja oleh pesawah-pesawah.

Saya rasa pihak Kementerian Pertanian perlulah mengambil perhatian yang berat supaya padi ataupun tanaman padi ini dipertingkatkan dari segi tekniknya, teknologinya dan sebagainya. Mudah-mudahan dengan demikian itu, ia akan mampu

menampung beras sebagai makanan utama di negara kita ini. Negara-negara Barat pun mereka tidak tinggalkan, mereka menanam gandum, mereka tanam padi, walaupun mereka sudah mencapai ke tahap teknologi yang tinggi tetapi mereka tidak lupa bahawa sesungguhnya manusia ini hendak makan. Kalau ini tidak cukup, boleh jadi akan berlaku macam-macam. Dengan sebab itu negara kita ini adalah negara yang subur, kita mengharapkan supaya dengan kesuburan itu langkah-langkah perlu diambil bagi memulihkan sekurang-kurangnya sawah-sawah padi yang ditinggalkan begitu sahaja dan saya ingin menyarankan supaya kita membuka lagi sawah-sawah padi baru di negeri-negeri yang sesuai dan munasabah tanahnya untuk ditanam padi.

Lagipun seperti yang ditegaskan dalam ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa pemulihan ekonomi negara kita ini, walaupun tidak pulih seluruhnya, sudah mula hendak pulih dan dalam kesempatan inilah saya rasa supaya pengagihan kekayaan negara ini perlulah kita perluaskan supaya kekayaan negara ini akan dapat dikecap oleh penduduk-penduduk luar bandar ataupun pesawah-pesawah padi. Sebenarnya kalau kita – saya tidak tahulah perkiraan atas meja tetapi kalau perkiraan yang sebenarnya, orang-orang yang mempunyai sawah padi tiga ekar di kawasan Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang dan sebagainya, mereka tidak mampu untuk dapat mengumpulkan pendapatan mereka. Apabila kita beri untuk enam bulan kerana dua kali satu tahun enam bulan, tidak sampai pun RM300. Itu bagi petani yang betul-betul hidup dengan pertanian ataupun bagi penanam padi tetapi di atas meja berdasarkan itu dan ini semuanya mungkin boleh digambarkan lebih daripada itu tetapi hakikat yang sebenar kalau kita pergi ke tempat-tempat ataupun ke kawasan-kawasan sawah padi, kita bertanya betul-betul orang yang bersawah, itulah dia kedudukan yang sebenar.

Selain daripada itu, saya juga ingin menarik perhatian Dewan ini di kawasan-kawasan kebun kelapa yang dahulu Kementerian Pertanian menggalakkan di celah kebun kelapa itu ditanam koko tetapi sekarang ini koko sudah tidak berharga lagi. Orang-orang kampung sudah mula menebang koko-koko mereka dan sekarang ini mereka sedang mencari-cari apakah jenis tanaman yang boleh menghasilkan pendapatan yang agak lumayan kepada mereka. Ada setengah mereka yang sekarang ini, berdasarkan ataupun berpandukan kepada nasihat-nasihat, mereka menanam dua jenis pokok, satu pokok jati satu lagi pokok sentang. Saya difahamkan apabila orang kampung sudah ada tanam pokok jati dan pokok sentang ini, harga kayu jati pun hendak turun dah, harga kayu sentang pun sudah mula hendak turun. Inilah nasib orang-orang kampung yang saya rasa perlu juga diambil perhatian oleh kita sekalian.

Selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang cerdik-pandai Islam yang seakan-akan digambarkan di dalam ucapan bahawa cerdik-pandai Islam ini bertanggungjawab untuk memecah-belahkan masyarakat – seakan-akan mereka itulah yang bertanggungjawab memecah-belahkan masyarakat, menghasut, memfitnah, melakukan perbuatan keji dan dilarang. Saya rasa amat malanglah cerdik-pandai Islam yang ada di negara kita ini kalau semua menghasut dan mereka ini boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Hasutan tetapi sehingga ini kita tidak dapat lagi membuktikan apakah jenis hasutan yang telah mereka lakukan. Adakah kerana mereka misalnya, mengajar agama, menerangkan tentang agama itu mengikut yang sebenarnya, kemudian tidak disenangi oleh setengah-setengah kalangan, maka kita katakan dia menghasut. Saya rasa itu suatu tohmahan yang tidak adil kepada mereka.

Demikian juga memecah-belah masyarakat. Adakah wajar kepada cerdik-pandai Islam yang sekarang ini yang digelar oleh orang cerdik-pandai Islam ini ialah orang-orang yang mempunyai Ijazah Ph.D., Doktor Falsafah sekurang-kurangnya ada Master dalam Pengajian Islam ataupun boleh jadi dalam pengajian-pengajian yang lain tetapi mempunyai semangat dan roh Islam. Adakah kerana mereka ini menerangkan sesuatu perkara yang bercanggah dengan Islam – menegur belia-belia yang ketagih dadah ketika pengajian yang mereka sampaikan di masjid dan di surau kerana itu kita rasa tidak sesuai dengan naluri dan perasaan kita, kita katakan mereka menaburkan fitnah dan juga cerdik-pandai ini memecah-belahkan masyarakat. Inilah sebenarnya tanggungjawab cerdik-pandai kita.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita di Malaysia ini kononnya mendakwa semua kita ini adalah bermazhab Shafie. Tahukah Imam Shafie [*Bercakap dalam bahasa Arab*] Imam Shafie dibawa ke Baghdad dari Yaman "*Mukabbalan bil Hadid*" "Mukabbal" itu hati dia digari dengan besi oleh pemerintah pada waktu itu semata-mata kerana – ya sekarang ini orang berebutlah – kerana beliau tidak mahu menerima jawatan kadhi 'khudat' sahaja – kadhi besar pada waktu itu. Imam Ahmad ibn Hambal – sekarang ini kuburnya sudah dihanyutkan di dalam Sungai Dajla – kena tahan, mati! Itu imam-imam, dalam hendak menyatakan kebenaran kepada rakyat berhadapan dengan pemerintah pada waktu itu.

Saya sebutkan ini supaya kita jangan terlalu gelojoh untuk melemparkan tohmahan-tohmahan dan tuduhan-tuduhan kepada orang-orang yang cerdas-pandai. Sehingga tadi telah disebutkan mufti-mufti juga tidak bertanggungjawab. Apa tanggungjawab mufti dipersoalkan. Mufti ini Yang Berhormat, dia pegawai kerajaan. Dia memberikan fatwa, pertama sekali kalau kerajaan hendakkan fatwa dia berilah ataupun kalau seorang peguam hendakkan fatwa dalam satu-satu kes yang berkaitan dengan Islam, mereka akan keluarkan fatwa untuk dibekalkan kepada peguam tertentu tentang pandangan Islam terhadap sesuatu perkara ataupun mufti hanya akan mengeluarkan fatwa setelah diminta.

Dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan bahawa sesungguhnya fatwa itu ialah yang dikeluarkan oleh mufti ataupun Jawatankuasa Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan. Saya bercakap perkara ini kerana Undang-undang Syariah Wilayah Persekutuan di bawah kuasa Parlimen. Ia ada jawatankuasa – Jawatankuasa Syariah, sekarang ini namanya Jawatankuasa Perunding Syariah yang dipengerusikan oleh mufti. Mereka inilah yang berhak mengeluarkan fatwa, adapun orang-orang seperti kita yang dituduh kata PAS keluarkan, kita tidak pernah keluarkan fatwa, tetapi kita mengeluarkan pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sebagai suatu contoh sahaja pendapat, supaya kita punya minda terbuka untuk melihat tentang kajian-kajian Islam dalam satu-satu perkara. Dalam bab tanah ini misalnya, ini kita Mazhab Shafie. Imam Shafie berpendapat yang sedemikian kerana sewaktu pengembaraannya daripada Yaman sampai ke Mesir, tanah padang pasir, jadi siapa hendak buka, bukalah, tanah padang pasir luas. Berbeza dengan Imam Hanafi rahimahulullah, dia seorang hakim. Imam Hanafi inilah pernah apabila seorang yang pernah disiksa di dalam penjara, di dalam tahanan, dibawa ke mahkamah, dia bebaskan orang itu kerana dia kata, "*Kamu telah dihukum sebelum dijatuhkan hukuman.*" Dibebaskan oleh Imam Hanafi sebagai seorang hakim, seorang kadi pada waktu itu.

Imam Hanafi berpendapat dalam soal tanah ini dan saya lebih mirip ke sini dan saya rasa apa yang dibuat oleh kerajaan sekarang ini pun lebih kurang begitulah. Hanafi berpendapat bahawa dia kata, "*Rakyat boleh buka tanah [baca sepotong ayat] dengan izin pemerintah*". Saya menggunakan istilah yang lembut di sini bahawa maknanya mengikut pandangan Imam Hanafi ini pembukaan tanah itu boleh diuruskan oleh pemerintah tidak seperti Imam Hanafi iaitu dalam ilmu feqah - saya terpaksa cakap di sini – kaedah feqah mengatakan [*membaca sepotong ayat*] menghukum sesuatu itu adalah sebahagian daripada apa dia gambaran atas sesuatu itu. Imam Shafie, kita tidak boleh salahkan kerana dia melihat tanah yang luas, kosong tidak ada tanaman apa-apa, dia kata, "*Siapa buka tanah milik dia.*"

Tetapi Imam Hanafi dia duduk di bandar, kalau tuan-tuan pergi ke Baghdad, tuan-tuan akan melihat masjid Imam Hanafi di pinggir Sungai Dagra, dia duduk di bandar dan dia bercampur dengan aulia, wali-wali, ahli tasauf, Imam Sheikh Abdul Kadir Jailani juga di Baghdad, juga tidak jauh dengan masjid beliau. Di seberangnya, masjid Imam Mussakazir, seberang Sungai Dagra. Jadi, kalau kita melihat kenapa Imam Hanafi berpandangan kerana Baghdad waktu itu bandar yang luas, dirwayatkan oleh ahli-ahli sejarah, bandar itu sampai ke Samara Suramanraha - Samara, kalau orang pergi sana dia tahulah Samara, punya jauh bandar itu. Saya ingat daripada Baghdad ke Samara itu memakan kalau kita naik teksi lebih kurang satu jam setengah.

Maka dengan sebab itulah Imam Hanafi berpandangan bahawa tanah, macam kita Kuala Lumpur tanah sempit, maka dia berpandangan bahawa tanah mestilah diuruskan oleh pemerintah, itu dua pandangan yang berbeza. Inilah barangkali hikmatnya yang kata Nabi [ *baca sepotong ayat* ] “*Perbezaan pendapat di antara umat aku adalah menjadi rahmat*”, supaya jangan kita pakai satu pendapat sahaja.

Dan, dalam amalan demokrasi berparlimen, demokrasi berpilihan raya, dan kebetulan kita pula dibenarkan menubuh parti-parti, dan dibenarkan pula masuk pilihan raya, apakah misalnya PAS masuk pilihan raya menyalahi undang-undang, menyalahi Akta Pilihanraya ataupun PAS bantah Akta Pilihanraya, apasal dia masuk pilihan raya. Ataupun penyertaan PAS dalam pilihan raya menyalahi Akta Polis, salah mengikut Akta Polis, dia masuk pilihan raya atau orang yang mengundi PAS itu salah dari segi Akta Pilihanraya ataupun Akta Polis ataupun apa juga akta yang ada di dalam negara kita ini. Kalau kita merasa kesal dan gusar terhadap sokongan orang terhadap PAS, saya rasa adalah tidak wajar Dewan ini gusar kepada pilihan yang dibuat oleh rakyat terhadap mana-mana juga parti yang bertanding dalam pilihan raya di negara kita ini.

**Dato’ Haji Ahmad bin Ismail:** Minta laluan sikit.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sila.

**Dato’ Haji Ahmad bin Ismail:** Yang Berhormat, kita tidak pernah menyatakan bahawa apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi bahawa bijak pandai, masuk ke masjid-masjid untuk menarik pemuda jauh daripada meninggalkan dadah dan sebagainya itu sebagai fitnah. Apa yang kita pertikaikan ialah bilamana UMNO membenarkan, UMNO yang memerintah membenarkan PAS menubuh parti, itu bukti wujudnya ada demokrasi, kemudian UMNO yang memerintah juga membenarkan PAS untuk bertanding dalam pilihan raya itu sekali lagi membuktikan wujudnya demokrasi, tetapi apa yang kita tuntutan sekarang ini ialah perpecahan yang berlaku di kalangan rakyat bawahan.

Kita juga sedar buktinya ada, pemuda-pemuda, pemimpin-pemimpin PAS turun ke bawah, bukan sekadar untuk mengajak rakyat meninggalkan dadah dan sebagainya tetapi membohong, fitnah, memburuk-burukkan pemimpin, mengadakan benda yang tidak ada. Ini yang kita persoalkan, ini yang kita bicarakan. Saya hendak tanya Yang Berhormat, pernah atau tidak PAS, sama ada mengeluarkan fatwa ataupun ikut istilah yang hendak digunakan oleh Yang Berhormat sendiri, pernah atau tidak PAS mengkafirkan UMNO, pernah atau tidak PAS menyatakan sembahyang berimamkan orang UMNO itu tidak sah, pernah atau tidak PAS menyatakan sembelihan orang UMNO itu tidak halal. Saya minta Yang Berhormat tolong jawab.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya sebagai barangkali Tuan Yang di-Pertua pun kenal, yang lamalah dalam PAS ini, orang tua dalam PAS, yang mengurus mentadbirkan PAS sekian lama. Saya tidak pernah mendapati sebarang apa juga fatwa yang dikeluarkan dalam majlis rasmi PAS. Maknanya diputuskan oleh Jawatankuasa PAS Pusat atau Jawatankuasa Dewan Ulamak PAS Pusat bahawa UMNO itu kafir, bahawa sembahyang di belakang orang UMNO itu tidak sah, bahawa sembelihan orang UMNO tidak sah – kita tidak pernah mengeluarkan sebarang, hatta pendapat pun secara rasmi tetapi kita – saya tidak dapat hendak menafikan orang ahli tujuh, lapan ratus ini mungkin satu orang, sebagai contoh adakah kalau satu orang dari satu jabatan, minta maaf, melakukan kesalahan, dia melakukan kesalahan jenayah, kemudian disabitkan oleh mahkamah, satu orang sahaja dia buat, katalah dia merompak, kita apa hendak sebut dia, jabatan ‘A’lah, saya tidak hendak sebutlah. Satu dia punya pegawai merompak, pegawai tinggikah, rendah tidak kira siapa, rompak, mahkamah sabitkan, dia telah melakukan kesalahan, mahkamah sudah sabitkan, kita kata ‘A’ itu perompak, perompak itu kata ‘A’ bolehkah. Saya hendak tanya juga, bolehkah kita kata begitu.

**Dato’ Haji Ahmad bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan argument itu, tetapi apa hendak dikatakan, Yang Berhormat sendiri tidak menafikan bahawa mungkin ada orang-orang PAS, ahli-ahli PAS. Kalaulah tadi Yang Berhormat contohkan, seorang dari satu jabatan merompak, maka kita kata dia perompak, maka

jabatan itu bertanggungjawab mengatakan yang benar bahawa pegawainya telah merompak. Kenapa tidak PAS juga bertanggungjawab menyatakan bahawa ahli dia buat silap dan kemudian PAS memberi penerangan yang seluas-luasnya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, kita sudah pecat semua ahli-ahli ini, ahli-ahli yang macam ini semua sudah dipecat. Saya boleh sebut nama-nama dan mereka sekarang berada dalam UMNO [*Ketawa*] saya minta maaf, kita sudah pecat semuanya. Barangkali Tuan Yang di-Pertua kenal Haji Wan Ismail, kami panggil dia Haji Wan Ismail Jirad, kita sudah pecat lama. Omar Khalid, yang dibawa oleh UMNO, kita sudah pecat lama sudah, tidak laku sudah kita tetapi UMNO ambil lagi, saya harap orang macam ini tidak usah ambillah.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** [*Bangun*]

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf supaya tidak diganggu lagilah, saya banyak lagi hendak cakap ni. Hujungnya, insya-Allah, saya hendak kemukakan satu penyelesaian, kalau hendak ikutlah. Kalau hendak ikutlah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh pendekkan sikit tak?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Boleh, boleh, insya-Allah. 10 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perpecahan ini mungkin boleh berlaku di bawah. Saya melihat, saya bagi contohlah, tetapi saya tidak bawa hari ini, fakta, macam Yang Berhormat Menteri Pendidikanlah dia tidak bawa statistik, fakta-faktalah, jadi saya tidak bawa juga. Keputusan pilihan raya – Kampung Bahru masuk Titiwangsa ya? [*Disampuk*] Titiwangsa. Kalau kita betul-betul hendak insaf, hendak sedar, saya rasa kita boleh buat. Misalnya, ada daerah mengundi PAS di situ dapat undi sampai 1,200 misalnya. Barisan Nasional dapat 400 sahaja tetapi ketika kita membentuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, kita tidak turut sertakan orang PAS. Malah orang-orang PAS yang ada katalah di situ ada pertubuhan belia pun kerana dia orang PAS pun, tidak diturutsertakan atau kalau dia jadi bilal misalnya, pun kerana dia kononnya difahamkan atau dilihat sebagai orang PAS tidak juga diturut serta.

Saya boleh beri contohlah, wallahualam sama ada contoh saya ini betul ataupun tidak betul. Tuan-tuan boleh ziarah, saya duduk di Taman Melewar. Ada orang kata Taman Melewar ini pusat PAS, markas PAS – betul tu. Tetapi sebenarnya penduduk Taman Melewar tidak semuanya PAS.

Saya sudah hampir 25 tahun jadi pengerusi sekolah, pengerusi surau. Barangkali tuan akan tertawa dengar tetapi ini kenyataan, boleh tengok. Adakah dalam dunia ini, pondok polis dalam sekolah, ada tidak? Ada? Saya ingat semua orang tidak boleh – tetapi di Taman Melewar saya sebagai pengerusi sekolah, pondok polis di dalam sekolah saya benarkan. Kegiatan Rukun Tetangga juga di kawasan sekolah, saya benarkan. Ahli jawatankuasa dalam pertandingan tidak menang orang UMNO – saya lantik. Saya lantik orang UMNO supaya duduk dalam jawatankuasa. Saya mendapati bahawa sesungguhnya masyarakat tenang, aman walaupun ceramah PAS selalu diadakan, puluhan ribu tetapi alhamdulillah, kita boleh selesaikan.

Jadi, saya .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga berdoa semoga Yang Berhormat Hassan bin Haji Shukri ini menjadi Menteri Besar Terengganu, supaya tidak ada seksaan yang ditujukan kepada JKKK dan juga pegawai-pegawai lain di mana kebanyakannya diberhentikan dengan agak zalim kerana apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Hassan di tempat dia, molek sekali tetapi di Terengganu ini lain sedikit. Banyak yang diberhentikan begitu sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan orang Terengganu tetapi jadi Senator Terengganu, dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu. Itu pun saya rasa tidak berapa tepat. Misalnya, saya tidak tahulah kalau mengikut pembacaan saya, kalau orang yang sudah tamat kontrak, dia sama ada kita

sambung ataupun kita tamatkan terus kontrak dia. Unit Perpaduan Ummah yang ada di negeri Terengganu itulah yang menjadi perbincangan hangat sekarang ini.

Sebenarnya, dia jawatan kontrak dua tahun, dua tahun. Dia tamat pada 31 Disember 1999, dengan ehsan Kerajaan PAS dia tambah lagi gaji satu bulan, bayar gaji satu bulan. Tunggu – itu pun tidak dibuang semuanya. Tidak kita buang semua, mana yang bersedia untuk duduk di bawah Kerajaan PAS, amalan demokrasi. Bukan yang kecil ini, Tan Sri Wan Mokhtar pun turun. Bila dia kalah, dia turunkah. Ada yang kecil-kecil ini dia tidak hendak turun pula, dia lebih besar pula daripada Tan Sri Wan Mokhtar. Saya rasa tidak munasabah tetapi saya hendak nyatakan di sini bahawa sesungguhnya pemecatan tidak berlaku. Apa yang berlaku ialah penamatan kontrak. Saya tidak tahulah barangkali Dato' orang ahli perniagaan, kalau kontrak dua tahun, kalau kita tidak hendak sambung macam mana? Saya rasa kita ada hak tidak menyambung kontrak mereka. Itu yang berlaku sebenarnya tetapi yang dibesar-besarkannya kita pecat.

Begitu juga Jawatankuasa Kemajuan Kampung yang ada sekarang ini kita tukar dengan Jawatankuasa Syura Rakyat. Kita telah ikhtiar, kekalkan yang lama pun ada dan kalau boleh yang lama itu UMNO biar dia di situ, kita angkat timbalan sahaja. Tetapi mereka ada persatuan sekarang ini, mereka menentang keputusan. Sebenarnya kita buat ini semuanya hendak mencari perpaduan tetapi nampaknya usaha-usaha yang kita buat ini tidak mendapat sambutan yang baik. Itu saya hendak terangkanlah supaya Dewan ini dapat faham dengan baik bahawa sesungguhnya kita tidaklah menganiaya orang sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang Tabung Pendidikan Nasional. Kita mengalu-alukanlah pengembangan tabung ini tetapi kita mengharapkan semoga pelajar-pelajar yang layak untuk mendapat bantuan dari tabung ini tidak dinafikan. Semata-mata kerana dia berbeza, pandangan politik mereka berbeza kerana ini sedikit sebanyak ada berlakulah.

Jadi, dengan itu saya harap bukan apa, saya harapkan supaya ianya dijalankan, diuruskan dengan baik dan adil. Orang yang layak – kerana kadang-kadang kita mengeluh. Tadi ada seorang Yang Berhormat mengeluh bahawa orang-orang Melayu ataupun bumiputera tidak ramai terutama sekali dalam IPTS. IPTS ini pun mempunyai – bukan senang kita hendak daftar sebuah IPTS. Macam-macam syarat, kita hendak masuk satu LAN pun satu pengiktirafan bukan senang. Kadang-kadang enam bulan belum selesai lagi. Macam-macam syarat yang dikenakan, bukanlah begitu mudah untuk kita hendak menubuhkan sebuah institut pengajian tinggi swasta. Itu pengalaman yang saya tempuhi tetapi persoalannya, saya difahamkan di antara hampir 500 buah institut pengajian tinggi swasta, hanya ada 10 buah sahaja milik bumiputera sepenuhnya.

Jadi, kalau 10 buah ini, katalah sebuah itu dia ambil 500 semuanya bumiputera. Dia ambil semuanya bumiputerah, kali 10 baru 5,000. Baki lagi ada 490 yang bukan bumiputera dan setengahnya joint venture dengan negeri-negeri lain. Jadi, inilah saya rasa kita tidak perlu mengeluhlah kalau begitu keadaannya, cuma kita cari jalan, usaha, ikhtiar, mana yang sudah ada kita kembang, kita bantu, kita sokong supaya IPTS milik bumiputera itu mempunyai keupayaan dan kemampuan untuk menerima pelajar-pelajar lebih ramai lagi. Bukan ditekan dengan pelbagai tekanan. Ini sahaja harapan.

**Tuan Yang di-Pertua:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*] Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman menggantikan saya sekejap.

[Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya, teruskan Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Jadi, yang saya difahamkan hanya lebih kurang 10 sahaja institut pengajian tinggi swasta yang milik bumiputera, 400 lebih lagi milik bukan bumiputera.

Jadi, tentulah yang milik bumiputera ini apa lagi kalau orientasinya perniagaan semata-mata dan kita harapkan mudah-mudahan tidaklah orientasi pusat-pusat pengajian tinggi swasta ini semata-mata untuk mengaut keuntungan, kita harap begitulah. Tentulah mereka sekurang-kurangnya tidak memberi ruang yang banyak. Kita anggarlah kalau orang yang ada duit barangkali dia boleh duduk, boleh belajar di situ, katalah 20% tetapi 20% kita kalikan dengan 459 ataupun 469 tentulah mereka lebih banyak. Inilah persoalan-persoalan yang ada di hadapan kita yang kadang-kadang kita hebat, kemudian kita gosan ke belakang. Macamlah juga cerita globalisasi ini.

Dahulu kita bukan main menghebohkan tetapi sekarang ini, baru-baru ini dalam sidang di Havana kita punya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun sudah menimbulkan kebimbangan seakan-akan globalisasi nanti dia takut jadi macam suatu ideologi ataupun suatu akidah. Sebab itu tadi saya mengingatkan terutama sekali kepada orang Islam, kita jangan bimbanglah ciptaan-ciptaan orang lain. Kalau kita yakin bahawa sesungguhnya Rabbualamin itu betul-betul berkuasa, tentulah kuasaNya itu ada yang boleh dilaksanakan oleh orang perseorangan, peribadi, ada yang tidak. Seperti mana yang disebutkan oleh seorang Yang Berhormat di belakang saya – saya tidak berapa kenal, menceritakan tentang Hidratul Rasul. Di sinilah barangkali dari sudut pemahaman mungkin kita agak berbeza tetapi biarlah saya minta supaya [*Bercakap dalam bahasa Arab*] perbezaan ini sebagai suatu rahmat. Jangan kita pandang dia sebagai permusuhan.

Kita harus faham bahawa Hijrahtul Rasul ini bukan berlaku mendadak. Dia dimulakan dengan dakwah akidah selama tempoh lebih kurang 13 tahun yang mengorbankan banyak orang, yang menyeksa banyak orang sehingga Bilal diseksa diletakkan batu panas di atas perutnya, Bilal al-Habshi, Bilal ibnu Rabah, letak batu panas oleh orang-orang kafar Quraisy atas perutnya, dipijak. Dia tidak boleh berkata apa-apa cuma dia berkata "*Ahad, ahad*" Tuhan yang satu. Itulah yang dia minta. Itulah pengorbanan yang telah berlaku ke atas sahabat-sahabat nabi di mana nabi kita Muhammad S.A.W 'tuan-tuan' pun tahu semua waktu dia berdakwah bukan dia berdakwah berjalan di atas permaidani merah. Dia menghadapi berbagai cabaran dan dugaan.

Ketika dia mengumpulkan manusia yang orang pergi Mekah entah tahu entah tidak dia punya cerita saya pun tidak taulah, kumpulkan orang di Jabal..., tempat Sai'e dan Marwah itu dia kumpul di situ. Ketika dia menerangkan tentang peristiwa Israk dan Mikraj, bapa saudaranya sendiri Abu Lahab mencabar Baginda S.A.W. Dia kata apa "*Taballakkaya Muhammad*" Celaka kamu hai Muhammad. Itulah yang turun ayat *Tabbattyada abilahabiu watab*. Tuhan kutuk Abu Lahab itu dengan namanya atas nama dia. Itu yang diharuskan kita, dibenarkan menyebut nama orang kalau dia sampai menghina Islam begitu maka boleh disebut namanya. Bukan tidak ada hujah, ada alasan, hujah yang kuat dari segi al-Quran dan Sunnah Rasul.

Jadi dengan sebab itulah kalau kita melihat dia pindah 'tuan-tuan' untuk menyempurnakan Islam itu sendiri sebab Islam itu merangkumi akidah dan syariah. Baginda diperintahkan pindah dari Mekah ke Madinah itu supaya berlaku penubuhan sebuah pemerintahan. Tetapi ada orang dia takut hendak sebut pemerintahan itu sangat takut kerana kononnya sensitif, dia kata membentuk sebuah masyarakat sahaja. Ada ulama-ulama yang macam itu sebut. Tetapi sebenarnya bukan sahaja membentuk sebuah masyarakat tetapi membentuk sebuah kerajaan yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum syarak yang rakyatnya adalah terdiri daripada masyarakat majmuk. Orang kafar Quraisy ada yang masih menyembah batu berhala. Ada orang Kristian, orang Nasara, ada orang Yahudi boleh hidup. Padahal waktu itu ahli-ahli Sejarah menceritakan orang Islam hanya 1/3 sahaja. Waktu baginda menubuhkan negara Madinah maka di sini menolak persoalan masyarakat majmuk. Tidak boleh dijalankan apa yang dipanggil perundangan Islam.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Panjang lagi Yang Berhormat?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Kalau boleh beri saya sampai cukup tunjuk 12 itulah – sepuluh minitlah. Saya hendak habiskan yang ini sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu bukti yang jelas bahawa negara Madinah itu bukan negara yang tidak menerima masyarakat majmuk. Sepatutnya orang Islam faham tetapi inilah yang diwar-warkan sekarang bahawa kalau negara ini masyarakatnya masyarakat majmuk tidak boleh dijalankan. Kenapa demikian? Ini persoalan kerana ada setengah hukum-hukum Islam tidak boleh dijalankan oleh orang perseorangan. Katalah saya. Saya semangat Islam, orang bunuh anak saya depan saya, depan saya begitu, saya pun kebetulan ada parang, parang panjang itu. Saya pegang orang itu potong bolehkah? Tidak boleh walaupun hukumnya balas bunuh. Kenapa saya tidak boleh kerana itu bukan kuasa saya. Itu adalah kuasa pemerintah. Demikianlah kuasa pemerintahan di dalam Islam.

Begitu juga orang mencuri yang diheboh-hebohkan kerat tangan, bolehkah kita kerat begitu sahaja sebelum disoal siasat dibawa ke muka pengadilan. Kalau orang curi basikal saya misalnya. Saya pegang, tangkap, ada tangkap, dia curi di rumah saya ada pula anak-anak saya boleh jadi saksi betul dia pencuri, saya pun ambil parang potong tangan, bolehkah? Tidak boleh dalam Islam. Kalau saya potong saya telah melakukan suatu kesalahan dari segi perundangan Islam. Kerana apa? Kerana saya bukan orang yang berkuasa, itu adalah orang yang mempunyai kuasa. Inilah yang berlaku pada zaman...., kerana itulah pemerintahan sangat penting. Di sinilah bermulanya politik Islam yang kita kata politik dengan negara tidak boleh dipisahkan. Kalau ada orang yang berfaham begitu sesungguhnya inilah dia racun yang ditanam oleh penjajah melalui fahaman sekularisme tadi.

‘Saudara-saudara’ yang dihormati sekalian, Yang Berhormat sekalian, Turki antara orang yang mengamalkan negara umat Islam yang diperintah oleh Othmaniyah jatuh pada tahun 1924 dengan kepimpinannya Kamal Antartuk menjalankan fahaman ini dan sekarang ini saya mendengar berita, ada 200 orang lawyer-lawyer yang pernah hadir ke mahkamah, lawyer perempuan dilarang daripada menutup aurat. Inilah dia akibat dari fahaman sekularisme. Dan banyak lagi kalau kita hendak cerita tentang Turki. Sebab itu, apa yang kita hendak takut.

Katalah hendak pinda Akta Pertubuhan. Tidak membenarkan mana-mana pertubuhan gunakan nama Islam. Saya rasa ini pun satu perkara yang tidak wajar, yang tidak perlu walaupun berura-ura tetapi kena fikir panjanglah. Kena fikir panjang. Sekarang ini pun kebangkitan umat Islam itu tidak boleh dihalang oleh kerajaan yang didokong oleh tentera di Turki, fahaman sekularisme Turki itu didokong oleh tentera itupun mereka tidak boleh dukung lagi sehingga sekarang ini. Ramai apabila diberikan peluang ada pilihan raya sekarang ini boleh menang parti Islam. Hizbu Rafah, saya sebutkan Hizbu Rafah ini yang dipimpin oleh insinyur Najmudin Arbakan seorang yang handal, pakar dalam membina kereta kebal yang pernah mencadangkan G8 kah namanya, ini G7, G8 termasuk kita dan Indonesia dia mencadangkan supaya perbekalan senjata bagi negara umat Islam ini direka sendiri, dibuat sendiri. Sekarang dia kena hukum penjara semata-mata kerana menyentuh perlembagaan Turki yang tidak membenarkan Islam itu disentuh. Itu sahaja.

Jadi dengan sebab itulah saya akhir sekali saya mohon kalau boleh kita ahli-ahli Dewan Negara inilah bukan sahaja dalam Dewan ini kadang tadi saya pun cakap pada Encik Zam, petang ini kena panas sikit. Karang mengantuk, tidur semua. Kadang-kadang kita panas, kadang-kadang kita melawak. Tetapi saya rasa yang penting kita cari jalan bagaimana kita hendak mengurang...

**Dato’ Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Laluan, minta laluan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat, daripada ucapan Yang Berhormat tadi jelas bahawa Islam boleh jadi pemerintah bagi semua agama. Kalau itu maksud Yang Berhormat adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada muktamar PAS bahawa Perlembagaan PAS, Fasal 6(6) saya tidak bawa tapi ada pada sayalah. Kalau ada Yang Berhormat boleh bacalah. Fasal 6(6), kalau ada

Yang Berhormat tolong baca adakah Yang Berhormat ingin mencadangkan bahawa PAS pinda Perlembagaan 6(6) itu yang mana antara dasar yang saya ingat dalam Perlembagaan PAS itu mengatakan bahawa PAS ini dia tidak boleh mengadakan sebarang pekerjaan kerjasama dengan mana-mana badan ataupun pertubuhan politik yang berlainan daripada tujuan Islam. Kalau Yang Berhormat boleh baca 6(6), adakah ingin mencadangkan untuk dipinda perlembagaan itu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tidak berbangkit, dalam hal itu perkara itu tidak berbangkit. Kita menyatakan bahawa dasar kita Islam. Dasar Islam itu selama-lamanya kita boleh membentuk....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat minta 6(6) itu apa dia?

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Saya hendak baca, tolong bacalah. Jadi kita sama-sama dengar dan kita boleh tafsir dalam perlembagaan itu. Jadi biar baca dengan jelas kita boleh faham. Jadi barulah PAS ini bercakap tengok perlembagaan. Janganlah bercakap tengok perlembagaan dok cakap kat kampung lain, cakap lain buat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** 6 ini berbunyi menyertai dan bekerjasama dengan badan-badan, pertubuhan-pertubuhan atau pertubuhan-pertubuhan yang tidak berlawanan tujuannya dengan PAS bila mana dan selama mana ianya mustahak dan sesuai serta tidak bercanggah dengan undang-undang negara. Apa yang ada di situ tidak ada apa. Apa yang hendak dipersoalkan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak saya ingat jangan baca itu baca dari mula.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ini kurungan 6(6).

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak baca daripada mula. Baca daripada fasal 6 itu pecahan itu baru betul.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Itu kurungan 6

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak hendak baca yang 6 dulu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** 6,6.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Baca peraturan 6 dulu. Fasal 6 cakap apa. Dan barulah pergi ...

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Kurungan enam.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Baca fasal 6 dulu baru pergi pecahan 6 itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Mukadimah 6

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Mukadimah 6 itu apa dia sebut, baru dibaca selari dengan (6), barulah betul baca.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Yang Berhormat minta saya supaya baca Fasal 6(6).

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, 6(6) Yang Berhormat kena faham, saya kata 6(6) bermakna kena baca Fasal 6 dan cerai 6 baru betul.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya silakan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Bacalah Yang Berhormat.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Fasal 6 usaha-usaha ya.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Cerai 1

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Menyampuk]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Nanti, nanti Fasal 6 saya sudah baca, Yang Berhormat tidak terima, saya baca yang 1, selepas itu baca yang 6, dia ringkas sahaja

fasal usaha-usaha, 6 ini menyentuh usaha-usaha. Usaha yang pertama menyeru umat manusia kepada syariat dan sunnah Rasulullah.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, Yang Berhormat

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Nanti, saya akan baca nombor 6.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Saya mahu baca yang 1, saya hendak baca yang Fasal 6 itu dahulu kait dengan 6, itu baru betul. Saya tidak hendak dengar 1. Saya dengar Fasal 6 kemudian kaitkan dengan 6 - baca sekali. Baru betul.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Sekarang saya baca Fasal 6(6)

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** 6 tadilah itu.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** 6 itu usaha, usaha-usaha PAS itu 6, betullah hendak baca apa lagi? Fasal 6 usaha-usaha PAS - habis. Nak baca apa lagi, saya tidak boleh lebih. Inilah yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Baca sampai habis, Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** 6(6)

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Dia minta tadi Fasal 6 (6).

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Fasal 6 perlembagaan PAS ini menyebut tentang usaha-usaha. Ceraian 6 (6) fasal 6 (6), ceraian 6 saya sudah baca. Takkan hendak ulang lagi. Saya ingat sudah faham.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat setuju tak kalau saya kata Fasal 6 itu usaha-usaha PAS. Baiklah kalau Yang Berhormat tidak mahu baca sampai habis pun tidak apa. Baca usaha-usaha 6, usaha-usaha PAS. Jadi menunjukkan bahawa usaha-usaha PAS Yang Berhormat baca ceraian 6 tadi menunjukkan bahawa PAS tidak boleh menjalankan mana-mana kerjasama ataupun apa-apa juga dengan mana-mana badan yang berlawanan dengan perjuangan PAS.

Saya bangkitkan sedemikian kerana DAP, DAP jelas dalam mana-mana kenyataan yang dibuat walau dalam Parlimen sekalipun dia terang menyatakan bahawa dia tidak akan sokong sama sekali mengenai penubuhan Islam. Tetapi mengapa PAS masih lagi bekerjasama, bersekongkol dengan DAP. Tidakkah ini berlawanan dengan tujuan 6(6)?

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu soalan dia.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Barulah jelas, Dia tuju DAP baru senang kita jawab. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya katakan tadi dan sudah diterangkan oleh sahabat kita, saya kata tadi dia bagi penerangan mengenai PAS banyak. Kita parti yang terbuka, kerjasama ini bukan sahaja dengan DAP kita pernah.. Saya harap ahli-ahli Barisan Nasional merujuk semula dengan penuh insaf dan sedar, kita waktu kegawatan, peristiwa 13 Mei, dengan duduk berbincang Tun Razak dan pemimpin UMNO yang lain, kita menyertai sehingga tertubuhnya apa yang dipanggil kerajaan campuran. Nampak ya dari awal lagi itu. Kita sedar bahawa yang bersama dengan kita itu ialah Parti Perikatan pada waktu itu. Parti Perikatan, UMNO, MCA, MIC dan.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Itu sahaja.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Ya. UMNO, MCA. Dari situ lagi kita memulakan kerjasama demi untuk memelihara keselamatan, kita sambung lagi. Kita sambung, kita bincang lagi, terus bincang sehinggalah sampai kita menyertai apa yang dipanggil Barisan Nasional termasuk PAS pada waktu itu, kalau tidak silap saya 14 buah parti termasuklah di Sarawak, Sabah dan sebagainya kerana kita melihat dari sudut kerjasama ini tidak berlawanan dengan usaha-usaha yang hendak kita jalankan. Dengan sebab itu kita berani untuk mewujudkan kerjasama dengan mana-mana jua parti politik yang ada di dalam negara kita ini. Besok kalau MCA, dia

keluar daripada Barisan Nasional hendak kerja dengan PAS kita boleh terima demi untuk mewujudkan kesejahteraan yang dilaung-laungkan beberapa kali di dalam.....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan, saya hendak tamatkan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Tidak, saya hendak tanya sikit lagi

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Masa sudah pukul lima.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tadi saya hendak cadangkan.....

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh beri jalan, tidak bolehkah?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Hendak memberikan satu cadangan kalau Dewan ini boleh terima, kalau tidak boleh jalan pun tak apalah.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Sudah tidak boleh beri jalan dah?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya sukalah untuk menyelesaikan. Saya tidak mahu beri jalan.

**Tuan Haji Noh bin Haji Omar:** Berilah sedikit lagi, last, last sekali tidak boleh tanya. Tahun 1990 kalau itu dasar dia, Kerajaan Kelantan telah menubuhkan Angkatan Perpaduan Ummah, Semangat 46 terpaksa menubuhkan Gagasan Rakyat kerana Angkatan Perpaduan Ummah pada masa itu semua DAP tidak hendak masuk sebab tidak hendak bagi DAP masuk Angkatan Perpaduan Ummah dan Semangat 46 terpaksa tubuhkan Gagasan Rakyat campur dengan PBS. Jadi mengapa pada tahun 1990 itu juga perlembagaan dipakai, itu juga semangat dipakai, sanggup tubuh dua barisan, satu Gagasan Rakyat, satu lagi Angkatan Perpaduan Ummah. Tetapi bila Semangat 46 sudah lari sudah tidak ada kawan campur balik tubuh Barisan Alternatif bawa pula DAP masuk dalam. Jadi di mana prinsip daripada segi menghormati perlembagaan PAS itu sendiri.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas pertanyaan itu. Yang pertama saya rasa Yang Berhormat orang politikan, sepatutnya dia faham baik-baik tentang situasi dan keadaan politik semasa. Keadaan semasa pada waktu itu mungkin tidak mengizinkan kita, itulah pertimbangan-pertimbangan yang dibenarkan oleh Islam. Kalau suasana dan keadaan tidak mengizinkan kita tidak buat, kalau suasana mengizinkan kita buat. Bila Parti Melayu Semangat 46 orang dia sudah masuk UMNO, kami pun tinggal. Kita tidak ada sedikit pun kami merasa resah gelisah dan susah hati kerana demikianlah keadaan manusia yang orang Melayu kata rambut sama hitam, hati lain-lain.

Jadi kami tidak pernah gelisah dan susah hati dengan kejadian-kejadian yang berlaku dalam persoalan politik tanah air. Apa yang saya hendak sebut ini ialah penghujung cadangan saya.....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Teruskan.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya hendak cadangkan kalau boleh melalui Dewan ini cubalah kita sarankan kepada pihak yang berkuasa, macam saya katakan tadi, membentuk sebuah jawatankuasa, sebuah majlis sama ada dari segi orang Islam, majlis muzakarah umat Islam dengan orang bukan Islam, majlis perpaduan negara, dahulu ada Kementerian Perpaduan Negara. Kita bincang sebab dalam Parlimen macam ini kita tidak boleh bincang, kita bincang tiga empat kali, lima enam kali. Kalau kita mahu betul-betul mencari supaya suatu perpaduan yang kuat, yang kukuh boleh kita wujudkan. Selagi kita keluarkan tohmahan-tohmahan yang tidak ada bukti, sekarang ini kata fitnah, fitnah, fitnah - siapa yang fitnah siapa, siapa yang kena fitnah, siapa yang difitnah? Tohmah - siapa yang tohmah, siapa yang mentohmah, siapa yang kena tohmah? Sampai pecah belah, siapa yang memecah belahkan, siapa yang pecah belah dan siapa yang kena pecah belah?

Jadi, dengan itu saya cadangkan untuk mengakhiri ucapan saya ini kepada Dewan yang mulia ini kita bentuk itulah kalau boleh maknanya sama ada Dewan Negara ini sendiri mempeloporinya, membentuk sebuah majlis untuk muzakarah dan saya cadangkan keahliannya, keahliannya ialah mufti tak apalah, mufti-mufti lima enam orang, kemudian Parti PAS, UMNO dan majlis perpaduan kita luaskan lagi. Ini saya rasa insya-Allah mudah-mudahan satu cara jalan keluar yang paling mujarab kalau kita betul-betul sungguh melihat bahawa perpecahan itu sangat serius sekarang ini. Kalau tidak semuanya tidak akan jadi apa-apa. Sekian, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat, lagi. Saya jemput 'Yang Berhormat Hajah Puizah binti Mohd. Sultan'

#### 5.04 ptg.

**Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita semua bersama-sama berkumpul di Dewan yang mulia ini. Saya di sini ingin menyampaikan kesyukuran saya kepada Allah S.W.T. dan juga setinggi-tinggi terima kasih saya kepada Kerajaan Negeri Melaka serta Kerajaan Malaysia yang telah melantik saya menjadi Ahli Dewan Negara bagi tahun ini. Insya-Allah, saya akan berusaha dengan sedaya upaya saya untuk bekerja kuat dan memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin di Dewan yang mulia demi kepentingan negara dan juga rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memanjangkan mukadimah saya, saya ingin menyentuh tentang salah seorang daripada Ahli Dewan telah mengatakan kerajaan negeri Melaka tadi kerana saya ini berasal dari negeri Melaka. Negeri Melaka walaupun kecil, kecil-kecil cili padi. Kerajaan Melaka telah bertindak begitu baik sekali pada anggapan saya tetapi bagi kerajaan Terengganu mereka mengatakan berbagai-bagai kepada kerajaan negeri Melaka dengan kekejaman dan sebagainya.

Bagi saya, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kerajaan negeri Melaka bertindak kerana mengikut cara kerajaan Terengganu. Kerajaan Terengganulah yang memulakannya, itulah sebabnya Melaka mengikut pada kerajaan Terengganu. Jadi saya rasa, Ahli Yang Berhormat, bak kata pepatah, kuman di seberang laut nampak, gajah depan mata tidak nampak. Kerajaan Melaka ambil tindakan nampak, kerajaan Terengganu buat tindakan tidak nampak. Jadi inilah yang saya kata, parti-parti yang sentiasa mencari kelemahan orang lain tetapi tidak nampak kelemahan diri sendiri.

Begitu juga kerajaan negeri Melaka telah mengambil tindakan kepada doktor-doktor yang mana telah menamatkan panel doktor kerana kita tahu bahawa panel doktor yang kita beri kepada doktor ini semata-mata untuk ibarat kata orang menyuap nasi di mulut tetapi apakan daya nasi yang kita suap jari kita pula digigit, inilah sebabnya kata orang, orang yang tidak tahu membalas jasa dan budi kepada kerajaan.

Jadi tindakan yang kita buat adalah tindakan yang sesuai, juga tindakan kita kerajaan negeri Melaka membuat demikian kerana mereka ini tidak bersyukur kerana perbuatan mereka tidak bersyukurlah maka, segala nikmat telah ditarik oleh Allah S.W.T terpulanglah kepada mereka daripada pandangan saya, 'padang jarak, padang jagung, berani bawa, berani tanggung'.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya juga mengucapkan tahniah di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong di Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada 14 Februari 2000 yang lepas. Sesungguhnya Titah Ucapan Baginda tersebut amatlah bererti sekali, bukan sahaja kepada Dewan yang mulia ini tetapi juga kepada negara dan rakyat. Di dalam Titah Ucapan itu baginda telah menegaskan bahawa pilihan raya umum telah pun berlalu dan kini adalah masanya bagi semua rakyat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan negara. Saya rasa ucapan ini adalah amat tepat sekali.

Di dalam pilihan raya tersebut sudah tentu telah banyak pergeseran yang timbul di antara golongan rakyat di negara ini. Oleh yang demikian, setelah pilihan raya selesai marilah kita sama-sama mengeratkan hubungan silaturahim kita dan masyarakat yang terbaik-baik antara satu sama lain walaupun berlainan fahaman politik. Tugas kita sekarang ialah memperkuat azam, mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara, membangunkan negara, meningkatkan martabat bangsa dan negara agar negara sentiasa di dalam keadaan stabil, kuat dan makmur serta sentiasa dihormati dan menjadi contoh kepada negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya di sini sukacita mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang telah berjaya mengambil langkah-langkah yang positif untuk memulihkan ekonomi negara kita yang telah menghadapi kegawatan pada dua tahun yang lepas. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua pihak sama ada pihak pemimpin kerajaan, swasta mahupun rakyat yang telah berusaha dengan gigihnya bersama-sama untuk memulihkan ekonomi negara. Satu perkara yang kita harus banggakan ialah kerajaan kita telah berjaya memulihkan ekonomi kita dengan menggunakan formula kita sendiri. Kita tidak menggunakan formula Barat lebih-lebih lagi daripada IMF.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa kadar pertumbuhan ekonomi negara kita yang sebenar pada tahun lepas ialah 54% sementara indeks komposit BSKL kita telah pun melebihi angka 1,000 mata. Di samping itu juga syarikat-syarikat perniagaan, institusi-institusi perbankan dan kewangan telah mula pulih sementara pendapatan rakyat telah pun meningkat semula. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam memulihkan ekonomi telah diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai satu yang boleh dicontohi, ini adalah satu yang wajar kita banggakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, walau bagaimanapun kita mestilah sentiasa mengingatkan kepada kerajaan dan juga rakyat negara kita supaya kita tidak leka dengan perkembangan-perkembangan ekonomi yang positif. Kita mestilah sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi kedudukan ekonomi negara kita sehinggalah dapat mencapai pertumbuhan yang lebih terbaik seperti dalam tahun 90-an iaitu 8% yakni tidak mustahil untuk kita capai. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana telah terus berusaha untuk meningkatkan lagi pendapatan rakyat di negara kita terutama sekali pendapatan rakyat di luar bandar yang masih lagi terdapat golongan termiskin.

Saya berharap pihak kerajaan akan berusaha dengan lebih gigih lagi supaya golongan rakyat yang termiskin dapat dihapuskan menjelang akhir Rancangan Malaysia Kelapan. Di samping itu juga usaha-usaha pihak kerajaan untuk memastikan bahawa semua keluarga rakyat Malaysia mempunyai rumah sendiri juga perlu ditingkatkan lagi dan adalah diharapkan bahawa usaha-usaha kerajaan kita bagi memastikan semua keluarga rakyat Malaysia memiliki rumah sendiri yang selesai akan juga dapat dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia yang akan datang. Walaupun kita sedia maklum bahawa masalah kemiskinan dan juga masalah perumahan adalah masalah sejagat tetapi saya penuh berkeyakinan kerajaan kita akan dapat mengatasi masalah ini dalam masa yang ditentukan.

Di dalam sektor teknologi maklumat, pembinaan Koridor Raya Multimedia atau Multimedia Super Corridor (MSC) adalah visi kerajaan untuk menangani arus perubahan dalam globalisasi dunia IT. Antaranya menyarankan sebuah komputer untuk sebuah rumah adalah amat bertepatan sekali. Untuk melahirkan masyarakat yang cerdas IT atau komputer serta berilmu adalah amat wajar sekali sekiranya perkara ini dilaksanakan secara besar-besaran di semua peringkat masyarakat sama ada di bandar mahupun di luar bandar. Kerajaan juga diharapkan mempunyai inisiatif menurunkan harga komputer kepada harga yang fleksibel bagi menggalakkan orang ramai memilikinya. Ini amat perlu kerana Malaysia membangun dengan begitu pesat

dan berusaha untuk menjadi negara maju pada tahun 2020. Di negara-negara maju komputer bukan lagi perkara baru bahkan telah menjadi satu kelaziman kepada mereka.

Dunia teknologi maklumat di Malaysia khususnya sedang dilanda gelombang perubahan, perubahan arah haluan dan hala tuju, perubahan yang menjadikan masyarakatnya lebih berdaya saing dan usaha dengan lebih gigih agar tidak ketinggalan di dalam menangani arus perubahan dan cabaran abad ke-21. Sesungguhnya di dalam perubahan secara tiba-tiba ini masyarakat juga harus bersiap sedia dari segi mental dan fizikal agar tidak mudah diperdaya dengan dakyah-dakyah negatif yang disebarkan secara meluas melalui Internet yang boleh menjatuhkan imej negara di samping memporak-perandakan keamanan dan kestabilan negara yang tercinta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, para remaja khususnya yang paling ramai mendapatkan maklumat melalui Internet sewajarnya tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang kurang sihat seperti melayari halaman-halaman yang boleh merosakkan moral dan keperibadian diri yang akhirnya akan menjejaskan pembinaan generasi pelapis yang berwibawa, disegani dan dihormati. Kita perlu beringat bahawa generasi muda hari ini adalah barisan pimpinan yang akan menerajui negara pada masa depan. Adalah amat menyedihkan sekiranya generasi ini terbiar tanpa didikan terutama sekali dari segi agama kerana semua agama di dunia ini menyeru ke arah kebaikan dan kesejahteraan hidup yang berkekalan.

Kekuatan mental dalam menghadapi cabaran-cabaran hidup amat perlu kerana nilai-nilai di dalam akhlak budaya ikram dan penyayang merupakan tunggak kemanusiaan dan kehidupan agar generasi pemuda tidak diracuni fikiran mereka oleh parti pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, misi Kementerian Pendidikan bertujuan untuk mewujudkan sistem pendidikan yang terbaik bagi menghasilkan insan yang mempunyai daya ketahanan yang tinggi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak individu, masyarakat dan negara. Ini amat bertepatan sekali dan seiring dengan falsafah pendidikan negara untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek serta memiliki daya saing dan daya tahan yang tinggi.

Dewasa ini, pelbagai kecaman dan kritikan dilemparkan terhadap peranan guru dan sistem pendidikan yang dikatakan tidak seiring dan sesuai dengan suasana dan zaman yang kian berubah. Guru seringkali dipersalahkan sekiranya anak-anak dirotan atau dikenakan hukuman yang berat. Ibu bapa menyalahkan pihak sekolah dan sistem yang mendera anak mereka tanpa memikirkan peranan dan sumbangan mereka yang sememangnya amat penting kerana konsep pendidikan awal bermula dari rumah tetapi tidak dipraktikkan sejak dari kecil.

Kesibukan yang keterlaluan dan kurang bijak membahagikan masa, menjadikan anak-anak kekurangan perhatian dan kasih sayang dan berusaha mencari perhatian di luar. Melepaskan perasaan di luar dengan berpelesenan bersama kawan-kawan yang dikenali. Menghisap rokok sehinggalah melakukan perkara-perkara yang menyalahi dari segi undang-undang. Justeru itu, sewajarnya institusi kekeluargaan diperkukuhkan dan ibu bapa seharusnya mengambil peluang ini untuk menilai kelemahan diri sendiri dan berusaha untuk memperbaikinya sebelum terlambat. Kesedaran amat perlu di saat negara sedang dilanda perubahan demi perubahan yang menuntut kekuatan, keutuhan institusi ini agar dapat melahirkan generasi yang terjamin masa depannya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sektor pelancongan telah dikenalpasti sebagai sektor terpenting yang dapat menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara. Ini kerana dewasa ini, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk menanam modal di Malaysia, di samping menawarkan peluang-peluang pelaburan

yang menguntungkan dari kerajaan dan yang adil dan tersusun. Di samping itu juga, kemudahan infrastruktur yang disediakan perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa agar bersesuaian dengan kehendak pelancong seperti pembinaan sistem transit aliran ringan dan sebagainya.

Dengan adanya kemudahan seperti ini, memudahkan pelancong untuk bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi dengan lebih cepat, cekap dan murah. Selain tempat-tempat menarik yang menjanjikan keselesaan seperti pusat rekreasi dan taman-taman, di samping keindahan pulau-pulau tanpa mencemarkan keasliannya, pembangunan muzium dan tapak tanah bersejarah juga perlu dititikberatkan agar warisan sejarah budaya bangsa akan terus terpelihara dan dapat dihayati oleh generasi zaman-berzaman.

Pelbagai usaha yang dijalankan oleh pihak terbabit di peringkat kebangsaan hinggalah negeri atau memugar, memelihara dan mencari setiap khazanah silam sebagai bukti pembinaan tamadun bangsa yang wajar diketengahkan dihayati oleh generasi hari ini dan masa depan. Kerajaan juga tidak harus mengabaikan pemeliharaan sungai sebagai salah satu dari tarikan kepada pelancong luar. Seringkali tohmahan dan kritikan dilemparkan kepada kerajaan yang kurang peka terhadap penjagaan sungai sehingga dikatakan antara yang tercemar di dunia.

Sungai-sungai di Malaysia seharusnya dikekalkan keasliannya dan dibangunkan sebagai pusat peranginan yang terunggul di Malaysia. Sememangnya Malaysia kaya dengan pelbagai tarikan pelancong dan tidak hairanlah sekiranya kerajaan menaruh harapan yang tinggi terhadap sektor ini kerana pulangan yang menguntungkan selain mempromosikan keunikan negara ini kepada pelancong luar.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negeri Melaka adalah merupakan destinasi pelancongan yang penting di negara ini. Kerajaan Negeri Melaka pada masa ini sedang memperhebatkan bidang pelancongan ini di samping bidang-bidang lain seperti perindustrian, pembinaan, pendidikan, pertanian dan perkhidmatan.

Pada 18 Februari 2000, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri telah melancarkan festival pelancongan negeri Melaka di KLCC dan sambutannya amatlah menggalakkan di mana kira-kira 100,000 pengunjung telah mengunjung gerai-gerai pelancongan di tempat tersebut. Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah sudi hadir melancarkan festival tersebut.

Sesungguhnya kehadiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memberi semangat dan rangsangan kepada kami semua di Melaka untuk memperhebatkan lagi usaha-usaha bagi membangunkan sektor pelancongan ini di negeri Melaka selaras dengan dasar kerajaan. Pada masa ini, seramai kira-kira 1.5 juta orang telah melawat dan bermalam di negeri Melaka. Pada setiap tahun, seramai 2 juta orang pengunjung yang balik hari (*day trip*) telah melawat negeri Melaka. Sasaran untuk negeri Melaka ialah 3 juta orang pada tahun 2000 untuk pelawat-pelawat yang menginap di negeri Melaka dan 4 juta orang yang pergi dan balik.

Saya juga menjemput Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kunjungilah ke negeri Melaka, negeri yang bersejarah dan negeri yang segala-galanya bermula di Melaka. Kerajaan Negeri Melaka bercadang untuk mengadakan beberapa promosi lagi di luar negara seperti di Singapura dan juga Indonesia. Sebanyak lapan sektor pelancongan telah dikenalpasti iaitu Pelancongan Warisan Sejarah dan Budaya, Pelancongan Membeli-belah, Pelancongan Kesihatan, Pelancongan Pendidikan, Pelancongan Rekreasi, Pelancongan Sukan, Pelancongan Konvensyen dan Pelancongan Pertanian.

Saya bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka sangat-sangat berharap Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dapat

membantu Kerajaan Negeri Melaka bagi meningkatkan lagi sektor pelancongan negeri ini. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negeri Melaka tidak mempunyai aset-aset yang lain seperti petroleum, bijih timah, ladang-ladang pertanian yang besar, kayu balak dan sebagainya, aset yang ada di Melaka ialah warisan sejarah dan budaya serta sumber tenaga manusia.

Kerajaan Negeri Melaka akan menggunakan sepenuhnya sumber-sumber ini bagi membangunkan negeri Melaka dan pihak kami telah merancang untuk menjadikan negeri Melaka sebagai negeri maju pada tahun 2010. Saya percaya hasrat Kerajaan Negeri Melaka ini akan tercapai dengan bantuan semua pihak khususnya bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya amat berkeyakinan melalui peranan yang dimainkan oleh kerajaan dan sokongan yang diberikan oleh badan-badan bukan kerajaan, pihak swasta dan sebagainya akan dapat membantu mewujudkan kesepaduan dalam pembangunan ekonomi, sosial dan politik di negeri ini.

Semoga harapan dan cita-cita kerajaan untuk membina sebuah negara bangsa yang kuat, makmur, sejahtera dan perdana akan terlaksana di bawah taufik dan hidayahNya. Sekian sahaja ucapan saya. Saya sudahi dengan wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Sebenarnya tadi Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan, bukannya yang saya sebut tadi. Jadi, sekarang ada tujuh minit lagi sebelum kita tangguhkan majlis, jadi, ada sesiapa lagi yang ingin hendak berucap. Teruskan. Saya jemput.

### 5.23 ptg.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengucapkan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong. Saya sangat tertarik kepada apa yang dititahkan oleh baginda iaitu kita semua patut terus memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan. Bagi saya ini adalah satu titah yang begitu bermakna, begitu penting dan juga begitu berguna bagi negara kita.

Dalam parti saya iaitu parti Gerakan, memang ini menjadi satu teladan kerana parti saya dibuka untuk semua kaum, semua keturunan, semua agama dan kami mengamalkan toleransi, kesederhanaan dan juga pakatan dengan semua ahli apabila baginda Yang di-Pertuan Agong bertitah demikian, jadi ia sangat menarik perhatian saya dan tadi juga apabila beberapa Yang Berhormat telah membuat ucapan tentang perkara ini, saya sesungguhnya berada di dalam Dewan ini segenap masa untuk mendengar hujah-hujah itu, saya nampak di golongan bawah mungkin banyak kefahaman itu wujud, mereka sangat bertoleransi, mereka menjadi jiran-jiran yang baik dan mereka banyak bekerjasama satu sama lain iaitu di golongan bawahan.

Mereka yang mementingkan satu kehidupan yang kalau boleh mewah, kalau tak boleh sederhana mencukupi supaya mereka dapat mencari kehidupan harian supaya mereka dapat sedikit untuk apa yang diharapkan bagi mereka dan juga bagi keluarga mereka. Tetapi apabila sampai ke pihak atasan, masalah besar sudah wujud kerana pemimpin-pemimpin itu selalu tidak mengamalkan apa yang mereka suruhkan itu, jadi di dalam Dewan yang begitu mulia ini dan bagi saya ini adalah hari yang pertama saya menghadiri persidangan ini, bagi saya yang penting ialah supaya pemimpin-pemimpin macam kita semua yang berada di sini memainkan peranan yang berkesan, tunjuk teladan yang baik, tunjuk toleransi dan bersama-sama mengikut apa yang telah diucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku semasa pembukaan Dewan ini.

Apa yang telah diharapkan dalam ucapan itu ialah kalau kita dapat mengatasi cabaran utama ini. Bagi Tuanku, cabaran utama dari sudut pembangunan sosial dalam ucapan ialah mengekalkan perpaduan negara. Bagi saya ini adalah suatu aspek yang sangat penting. Apabila negara kita bersatu padu, apabila rakyat kita semua dapat bekerjasama, dapat menghadapi semua cabaran dalam negara kita, maka masa kita di hadapan akan cerah dan juga negara-negara lain akan menghormati kita dan bukan

sahaja menghormati kita tetapi akan pandang tinggi kepada semua yang berlaku di sini dan negara itu nanti terus akan menjadi bebas, sepadu dan juga maju. Jadi saya menyuruhlah kepada semua pemimpin itu supaya memahami di dalam negara kita, kita ada rakyat berbilang keturunan, berbilang keagamaan, berbilang sensitiviti dan juga mengamalkan cara hidup dan budaya yang berlainan.

Tetapi sungguhpun demikian, kita semua bersatu padu demi kepentingan negara, kita bersama-sama berkhidmat dengan terus terang, berbincang apabila ada masalah dan bersama-sama mengatasinya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, boleh menyambung hari besok, 18 haribulan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya, terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Ya, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada dua hari lagi tinggal untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih iaitu hari esok dan hari Rabu, setakat ini lapan orang ahli-ahli telah berucap dan saya juga ingin memperingatkan kepada Ahli Yang Berhormat bila membuat ucapan, tak perlu memberi alamat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya kepada Speaker sahaja, atau seluruh Ahli-ahli Yang Berhormat, tak payah, ditujukan kepada Tuan Yang di-Pertua. Jadi Mesyuarat ditangguhkan sehingga pagi besok, pukul 10.00.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.*



Lampiran

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KESEPULUH  
14 FEBRUARI 2000**

**TITAH UCAPAN  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG XI  
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

*Bismillaahir Rahmaanir Rahim,*

*Assalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.*

*Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat,*

*Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.*

*Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya dapat kita bersama-sama di Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kesepuluh pada hari ini. Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana keselamatan negara secara keseluruhannya terus berada dalam keadaan aman, stabil dan terkawal. Suasana harmoni dan tenteram ini wujud sebagai hasil dari peranan utama yang digerakkan oleh kerajaan dan juga yang lebih penting lagi oleh rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Beta penuh yakin bahawa dengan keadaan keselamatan yang sedemikian dan kewibawaan kerajaan yang diterajui oleh Memanda Beta Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad maka kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Malaysia akan terus meningkat dan kedaulatan serta maruah negara akan terus utuh dan terjamin dari sebarang ancaman dalam dan luar negara.*

*Beta berasa amat gembira kerana pilihan raya umum yang baru lepas telah berjalan dengan baik dan teratur. Beta melafazkan penghargaan kepada semua pihak terutama sekali Suruhanjaya Pilihanraya, Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia yang telah menjayakan pilihan raya umum tersebut. Beta mengucapkan tahniah kepada rakyat yang telah keluar beramai-ramai untuk menunaikan kewajipan kepada negara dan menggunakan hak mereka sebagai pengundi.*

*Beta mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Dewan yang baru dipilih dalam pilihan raya umum yang lepas. Beta berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan penuh ikhlas dan jujur. Selaras dengan peranan dan tanggungjawab wakil yang dipilih rakyat, Ahli-ahli Yang Berhormat harus menunjukkan sifat dan tingkah laku yang setimpal semasa di Dewan yang mulia ini agar nama baik negara tidak terjejas.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat, seluruh rakyat Malaysia hendaklah bersama-sama kerajaan Beta memperkuat azam mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara, terus membangunkan negara, terus memerangi segala bentuk fahaman sempit perkauman dan keagamaan, dan meningkatkan martabat bangsa dan negara agar sentiasa dihormati dan dicontohi dunia, demi menjadikan Malaysia bebas, sepadu dan maju.*

*Beta amat berterima kasih kepada rakyat yang memberi keyakinan penuh kepada kerajaan Beta untuk mengambil langkah-langkah untuk memulihkan ekonomi. Beta juga amat berterima kasih di atas usaha gigih segenap lapisan rakyat yang*

*bersama-sama dengan kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan Beta terutamanya melalui pelbagai usaha dan tindakan berkaitan sistem bank telah menghasilkan pemulihan ekonomi. Pemulihan ekonomi negara juga telah memberi peluang kepada sektor swasta melaksanakan kembali peranannya sebagai penggerak ekonomi negara. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan yang memperlihatkan ekonomi negara kembali mencatat pertumbuhan yang positif kini diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sesuatu yang boleh dicontohi. Ini adalah sesuatu yang wajar kita banggakan.*

*Beta amat berbangga dengan prestasi perdagangan luar negara yang telah mencatat lebih sejak November 1997. Dalam tahun 1999 prestasi perdagangan luar Malaysia adalah sangat menggalakkan. Hasilnya, Akaun Semasa Imbangan Pembayaran mencatatkan lebih dua tahun berturut-turut sejak tahun 1998. Justeru rizab luar negara juga telah meningkat dengan ketara. Ini mencerminkan peningkatan daya tahan negara dalam menghadapi sebarang kejutan luar.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat, sungguhpun Malaysia telah keluar dari belenggu kemelesetan, Beta ingin mengingatkan segenap lapisan rakyat supaya tidak leka dengan prestasi ekonomi yang dicapai pada hari ini. Ini kerana masih wujud risiko-risiko luaran yang boleh menjejaskan ekonomi negara. Seluruh rakyat perlu bekerja lebih kuat bagi meningkatkan lagi produktiviti, menjadikan negara kita lebih berdaya siang dan pada masa yang sama meningkatkan daya tahan negara.*

*Langkah-langkah yang diambil kerajaan Beta untuk memulihkan ekonomi negara tidak mengorbankan kesejahteraan hidup rakyat. Ternyata langkah-langkah pemulihan tersebut mampu membendung kesan buruk krisis ekonomi dari merebak ke segenap lapisan masyarakat. Hasil dari langkah pantas kerajaan Beta, kadar kemiskinan telah berkurangan dan pendapatan per kapita bertambah baik bagi tahun 1999 berbanding tahun sebelumnya. Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999 juga menunjukkan bahawa krisis ekonomi tidak begitu menjejaskan kualiti hidup warga Malaysia. Malah Indeks Kualiti Hidup Malaysia secara keseluruhannya menunjukkan peningkatan.*

*Beta berharap agar usaha yang berterusan ditumpukan kepada meningkatkan produktiviti semua sektor dalam ekonomi dan mengenal pasti serta memajukan sektor-sektor baru untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi. Untuk tujuan tersebut, Malaysia perlu mempercepatkan langkah-langkah ke arah industri berasaskan teknologi tinggi. Para pengeksport tempatan pula perlu meneruskan usaha mencari pasaran baru bagi produk mereka di samping menggiatkan usaha untuk menghasilkan lebih banyak produk baru.*

*Dari sudut pembangunan sosial pula, cabang utama ialah mengekalkan perpaduan negara. Ini penting kerana kestabilan sosial menjadi faktor asas dan penentu kepada kejayaan memajukan ekonomi dalam alaf baru. Kerajaan Beta akan memastikan agenda sosial terutamanya usaha membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat terus dilaksanakan supaya lebih ramai rakyat dapat turut serta dalam arus pembangunan ekonomi. Dalam pada itu kita harus gigih memerangi gejala-gejala yang merosakkan perpaduan kaum, sama ada yang menyentuh perpaduan antara kaum mahupun yang berkaitan aqidah dan perpaduan di kalangan orang Islam. Segala yang telah kita capai dan nikmati akan hilang jika masalah ini tidak diawasi.*

*Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta juga bersyukur bahawa dalam keadaan kegawatan ekonomi, keharmonian perusahaan telah dapat dikekalkan di negara kita. Keharmonian perusahaan ini adalah penting untuk menggalakkan suasana pelaburan. Beta yakin ianya merupakan salah satu faktor positif yang mendorong pemulihan ekonomi negara. Beta mengucapkan tahniah kepada kerajaan, pekerja dan majikan di atas kejayaan ini.*

*Beta sangat berbangga kerana Malaysia telah berjaya menjadikan sektor pembuatan sebagai peneraju utama ekonomi. Namun usaha perlu diperhebatkan untuk memesatkan kembali pertumbuhan sektor ini yang telah terjejas ketika kegawatan*

dahulu. Para pelabur harus mengambil peluang untuk meningkatkan kembali pengeluaran memandangkan ekonomi telah pulih. Dalam melaksanakan usaha tersebut, langkah perlu diambil ke arah menyusun semula sektor ini supaya beroleh teknologi dan nilai yang ditambah. Memandangkan kandungan import barangan modal dan perantaraan adalah besar dan dijangka meningkat dengan pertumbuhan ekonomi yang semakin berkembang, Beta berharap pelabur-pelabur terutama pelabur tempatan akan mengambil peluang ini dan mengeluarkan barangan tersebut. Dalam hubungan ini keupayaan penyelidikan dan pembangunan perlu dimaju dan ditingkatkan.

Beta bersyukur pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan seperti skim-skim pembiayaan telah berjaya membantu usahawan kecil dan sederhana. Tumpuan akan terus diberi ke arah mewujudkan rangkaian yang lebih teguh dengan industri besar dan di kalangan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) sendiri. Pembangunan IKS yang moden dan berdaya saing perlu menjadi teras utama kerana usaha ini akan mengurangkan pergantungan sektor pembuatan kepada barangan import, di samping mempelbagaikan asas pasaran antarabangsa. Kerajaan Beta akan terus menyediakan pelbagai sokongan untuk kemajuan teknologi dan peningkatan produktiviti serta kualiti keluaran IKS. Oleh itu, para usahawan kecil dan sederhana perlulah memanfaatkan bantuan yang diberi ini.

Negara juga perlu beralih ke arah menjadikan sektor perkhidmatan sebagai peneraju utama pertumbuhan ekonomi masa hadapan. Sektor-sektor yang dikenal pasti sebagai berpotensi menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara ialah pelancongan, pengangkutan udara dan laut, kewangan, perdagangan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan profesional serta juruperunding. Memandangkan kemajuan sektor ini bergantung kepada tenaga manusia, Beta ingin menyeru pengusaha dan pekerja yang terlibat supaya sentiasa memberi perkhidmatan yang berkualiti dan berusaha meningkatkan kecekapan, kemahiran dan kepakaran.

Beta juga menyeru pelabur tempatan supaya membuka kilang-kilang besar untuk mengeluarkan lebih banyak barangan eksport. Mereka juga perlu berusaha meningkatkan kecekapan dan mengurangkan kos pengeluaran supaya barangan keluaran Malaysia mampu bersaing di pasaran antarabangsa terutama dalam menghadapi proses liberalisasi pasaran yang lebih meluas dengan terlaksananya komitmen di bawah AFTA dan WTO.

Kerajaan Beta akan meneruskan komitmen dan tanggungjawab membasmi kemiskinan rakyat di kawasan bandar dan luar bandar melalui program pembangunan prasarana dan kemudahan asas ke arah meningkatkan taraf dan kualiti hidup. Di samping itu kerajaan Beta akan terus membina keupayaan rakyat supaya mereka mampu membela nasib sendiri dengan apa jua bantuan yang diberikan oleh kerajaan.

Bagi memastikan lebih ramai rakyat mendapat kemudahan asas kerajaan Beta merancang memperluaskan projek bekalan elektrik dan air luar bandar di seluruh negara untuk menambah liputan semasa. Di samping itu, lebih banyak projek jalan luar bandar dan projek jalan kampung akan dilaksanakan bagi kemudahan rakyat jelata. Kerajaan Beta juga akan memberi keutamaan untuk meningkatkan kemudahan perumahan serta persekitaran hidup yang terselamat dan selesa untuk semua rakyat .

Dalam sektor pertanian kerajaan Beta akan mempertingkatkan usaha memodenkan sektor ini dan komoditi selaras dengan Dasar Pertanian Negara Ketiga. Sektor pertanian amnya dan sektor komoditi khususnya akan terus kekal memainkan peranan utamanya sebagai pembekal bahan mentah kepada industri hiliran negara yang mengeluarkan produk bernilai tambah tinggi, di samping menjadi pembekal bahan makanan untuk kegunaan dalam negara dan juga eksport. Bagi mencapai matlamat ini, strategi pembangunan komoditi akan terus ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan kualiti di peringkat pengeluaran hulu serta pengurangan kos pengeluaran. Dalam pada itu usaha-usaha akan ditumpukan untuk

meningkatkan pengeluaran hasil tanaman pekebun-pekebun kecil dalam sektor pertanian yang melibatkan rakyat di luar bandar. Usaha ini akan sekaligus menaikkan taraf hidup mereka.

Kerajaan telah menyediakan kemudahan pengangkutan yang mempunyai rangkaian yang bermutu tinggi setanding dengan negara-negara maju. Kerajaan akan terus meningkatkan pembangunan sektor pengangkutan untuk menjadi salah satu sektor perkhidmatan perantara yang berkembang bagi merangsang dan menyokong pembangunan ekonomi. Pelaburan hendaklah terus dibuat bagi memaju dan memodenkan sistem pengangkutan negara termasuk jalan raya, kereta api, pelabuhan, lapangan terbang dan lain-lain perkhidmatan sokongan.

Di samping menambah kemudahan fizikal dan keupayaan rangkaian infrastruktur, kerajaan Beta juga mengambil langkah untuk membangunkan sistem pengangkutan yang berkualiti tinggi yang dapat meningkatkan produktiviti negara dan selamat untuk digunakan. Dalam pada itu Beta suka mengingatkan pengguna-pengguna jalan raya supaya mematuhi undang-undang dan peraturan jalan raya demi menjaga keselamatan diri. Kehilangan maut atau keupayaan akibat kemalangan jalan raya di negara kita yang amat tinggi merupakan kerugian besar kepada negara.

Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam sektor pendidikan, kerajaan Beta akan memantapkan sistem pendidikan negara agar lebih responsif bagi menangani cabaran alaf baru dan mencapai Wawasan 2020. Perubahan-perubahan dalam dasar pendidikan dari peringkat rendah sehinggalah ke peringkat tinggi diperlukan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan mempercepatkan proses pembangunan negara. Di samping itu, ia bertujuan untuk menyiapkan diri pelajar bagi menghadapi cabaran-cabaran yang lebih kritikal di abad ini. Kerajaan Beta juga akan terus meningkatkan usaha ke arah menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Kepentingan teknologi maklumat (IT) telah dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu usaha membudayakan IT akan dilaksanakan dengan mewajib dan menggalakkan pelajar mempelajari IT dan menggunakan IT sebagai alat dalam proses pembelajaran. Pelaksanaan projek sekolah bestari dan perluasan program komputer dalam pendidikan akan melahirkan generasi yang celik IT, berbudaya ilmu, bermaklumat serta bersifat global.

Perkhidmatan kesihatan dan perubahan di negara ini akan sentiasa diperkembang dan dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan rakyat. tumpuan akan terus diberi untuk mempertingkatkan tahap kesihatan masyarakat luar bandar, misalnya dengan memberi perhatian yang lebih dalam perancangan dan pembangunan infrastruktur, memperbaiki nisbah di antara pegawai perubatan dan bilangan pesakit dan sebagainya. Perancangan perkhidmatan perubatan dijalankan secara menyeluruh, mengambil kira serta memberi tumpuan kepada penyakit-penyakit utama yang menyebabkan kadar berpenyakit dan kadar kematian yang tinggi. Tumpuan juga diberi kepada golongan yang kurang upaya, warga tua dan pengidap penyakit kronik bagi memastikan mereka mendapat penjagaan berterusan dan menjalani kehidupan berkualiti.

Dalam usaha membentuk sebuah negara yang moden dan progresif di alaf baru, kita tidak seharusnya melupakan usaha untuk memperkukuhkan imej dan jatidiri masyarakat Malaysia dengan meningkatkan kefahaman mengenai kebudayaan. Oleh itu adalah penting bagi kita memupuk di kalangan seluruh masyarakat Malaysia supaya menghargai, memahami dan menghayati pelbagai aspek budaya dan seni negara kita. Budaya bukan sahaja untuk dijadikan tontonan kepada pelancong tetapi harus dihayati sendiri oleh rakyat jelata.

Kerajaan akan terus memberi keutamaan dalam usaha memperlengkapkan golongan belia dengan kecekapan dalam semua bidang termasuk dari segi kemahiran, peningkatan ilmu pengetahuan dan pembentukan usahawan. Di samping itu, penekanan akan terus diberi dalam usaha penerapan nilai-nilai murni dan pembentukan sikap positif dan kreatif di kalangan belia. Adalah penting golongan

*belia memahami perjuangan bangsa supaya mereka mempunyai perasaan bersyukur dan berterima kasih, di samping melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai warganegara yang cintakan negaranya. Untuk ini usaha untuk memerangi salah guna dadah dan penyakit sosial yang lain perlu dipertingkatkan.*

*Dalam bidang sukan, kerajaan berhasrat untuk membudayakan sukan di kalangan masyarakat Malaysia di samping mempergiatkan usaha meningkatkan pencapaian negara dalam aktiviti sukan prestasi tinggi di peringkat dunia. Pembudayaan sukan akan memperkukuhkan lagi sistem nilai di kalangan warga Malaysia dari aspek disiplin, perpaduan, rasa tanggungjawab, toleransi, daya tahan dan daya saing sekali gus membina masyarakat yang cergas dan minda yang cergas.*

*Kerajaan juga memberi perhatian serius kepada program-program yang melibatkan pemeliharaan alam sekitar termasuk memastikan penggunaan sumber asli negara secara mampan. Usaha ini antara lain merangka strategi untuk memelihara dan menggalakkan penggunaan sumber biologikal negara secara berterusan.*

*Beta menyeru seluruh rakyat Malaysia terutamanya yang beragama Islam supaya jangan berpecah belah dan sebaliknya kembali mengukuhkan perpaduan ummah. Dengan wujudnya rakyat yang bersatu padu, negara akan aman sejahtera dan pembangunan pesat dapat dilaksanakan. Beta ingin mengingatkan rakyat yang beragama Islam sekalian mengenai ayat Al-Quran yang bermaksud:*

*“Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati), sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang sabar.” )Ayat 46, Surah al-Anfal)*

*Maka untuk mencapai tujuan perpaduan ini, Beta mengharapkan tidak ada di kalangan rakyat, terutama para cerdik pandai Islam yang sanggup memecahbelahkan ummah dengan melakukan penyalahgunaan ilmu, menyelewengkan tafsiran ajaran agama, menyebarkan kebencian, menghasut, memfitnah, berbohong dan melakukan lain-lain perbuatan keji yang dilarang oleh Islam, semata-mata untuk faedah dan kepentingan peribadi dan kumpulan. Dan Beta berharap agar seluruh rakyat tidak terpengaruh dengan perbuatan-perbuatan yang hina dan keji ini.*

*Sejak akhir-akhir ini Beta mendapati ada kegiatan yang bercanggah dengan ajaran Islam oleh pihak-pihak tertentu sehingga masyarakat umat Islam menjadi berpecah belah dan keharmonian hidup bernegara tergugat. Perbuatan menyebarkan fatwa-fatwa palsu yang bercanggah dengan hukum Islam dan menyalahgunakan masjid dan surau adalah perbuatan yang keji dan perlu dihentikan serta-merta. Oleh itu Beta menyeru semua pihak supaya lebih bertanggungjawab bagi memastikan kemuliaan Islam dan kewibawaan umatnya sentiasa terpelihara. Kerajaan Beta akan mengambil langkah-langkah yang lebih berkesan bagi memastikan ajaran Islam dapat difahami dan dihayati sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam sendiri.*

*Beta juga ingin mengingatkan umat Islam di Malaysia supaya mengimbangi amalan fardu ain dan fardu kifayah. Penghayatan dan amalan fardu kifayah menjamin ketahanan ummah dan pembangunan negara. Umat Islam di Malaysia seharusnya melaksanakan tuntutan fardu kifayah untuk memajukan masyarakat dan negara dalam pelbagai bidang seperti pendidikan, kesihatan, ekonomi, sosial, perniagaan dan keselamatan negara. Kerajaan Beta telah pun meletakkan asas pelbagai program dan aktiviti berkaitan untuk memberi peluang kepada rakyat melaksanakan fardu kifayah. Kerajaan Beta pada alaf baru ini akan terus memperluas semua aktiviti itu seperti sistem kewangan Islam, kemudahan-kemudahan mendakwah, kesihatan dan pendidikan.*

*Beta amat berbangga dengan tumpuan yang harus diberikan oleh Perkhidmatan Awam untuk meningkatkan kualiti, kecekapan dan kekesan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat melalui pelbagai program pembaharuan*

pentadbiran. Usaha juga ditumpukan terhadap pemantapan jentera pelaksanaan dan pemantauan projek-projek pembangunan kerajaan. Satu lagi inisiatif terbaru yang amat membanggakan ialah pelaksanaan program Kerajaan Elektronik untuk memenuhi harapan rakyat bagi menikmati pelbagai perkhidmatan dengan lebih cekap dan berkualiti. Beta menyeru kepada seluruh anggota Perkhidmatan Awam supaya melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan secara profesional dan penuh taat setia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan Beta akan terus memainkan peranan yang aktif untuk mempromosi dan mempertahankan kepentingan negara di peringkat antarabangsa melalui hubungan dua hala dan pelbagai hala, dengan tumpuan kepada usaha menjamin kestabilan dan kemakmuran rantau Asia Tenggara menerusi rangka kerja ASEAN. Sumbangan Malaysia sebagai Ahli Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam usaha menyelesaikan pelbagai isu antarabangsa sepanjang tahun 1999 amatlah membanggakan dan usaha ini akan diteruskan pada tahun 2000. Dalam menyambut cabaran alaf baru, kerajaan Beta akan juga berusaha untuk mempertingkatkan kefahaman terhadap Islam di kalangan masyarakat antarabangsa di samping menyumbang ke arah perpaduan dan kemajuan ummah. Beta harap sumbangan kerajaan Beta di arena antarabangsa ini akan membantu membentuk dunia yang lebih adil, aman dan makmur.

Kedaulatan negara, kebebasan dan kemajuan yang dikecapi kini akan dapat dipertahankan sekiranya kita semua menjalankan tanggungjawab memelihara keharmonian dan keamanan serta membina ketahanan nasional dengan mempertingkatkan semangat perpaduan dan terus berpegang kepada prinsip keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang. Adalah menjadi tanggungjawab bersama rakyat dan kerajaan untuk memelihara kedaulatan negara. Kerajaan Beta juga terus komited ke arah menentukan bahawa hak asasi setiap individu dan kumpulan masyarakat diberi perlindungan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada Angkatan Tentera Malaysia dan Polis Diraja Malaysia serta Perkhidmatan Awam dalam dan luar negeri di atas peranan yang dimainkan untuk memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Pilihan raya umum telah pun berlalu dan kini adalah masanya semua rakyat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pembangunan negara. Rakyat jelata hendaklah mengeratkan hubungan dalam masyarakat dan berbaik-baik di antara satu sama lain walaupun berlainan fahaman politik. Perihal ini hendaklah dicerminkan melalui kelakuan dan sahsiah yang baik, termasuk tindak-tanduk di Dewan yang mulia ini.

Beta menyeru Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat sekalian supaya menjalankan tugas, kewajipan dan tanggungjawab dengan penuh hemah dan amanah demi kepentingan rakyat dan negara.

Akhirnya Beta menyeru semua rakyat menumpukan taat setia kepada negara yang tercinta ini untuk menjamin keamanan dan kemakmuran yang berkekalan.

Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.